

Bil. 21

**Isnin
12 Julai 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	
Memperkenankan Akta-akta	(Ruangan 1)
Perutusan Daripada Dewan Negara	(Ruangan 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 2)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 16)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999.	(Ruangan 17)
Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999	(Ruangan 67)
USUL:	
Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 84)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Pencemaran Sungai Niah - <i>Y.B Tuan Chiew Chiu Sing</i>	(Ruangan 84)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

- Yang Berhormat Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasar Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)

- Yang Berhormat Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad Noor Effarizan binti Mat Satib Nurziana binti Ismail
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 12 Julai 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perlesenan Kenderaan Pelancongan 1999;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999;
3. Akta Pertanian Malaysia (Pindaan) 1999;
4. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1999;
5. Akta Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1999;
6. Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1999;
7. Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1999;
8. Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1999;
9. Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1999;
10. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999;
11. Akta Penilai, Pentaksir dan Agen Harta-Tanah (Pindaan) 1999;
12. Akta Kastam (Pindaan) 1999;
13. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999;
14. Akta Eksais (Pindaan) 1999;
15. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999;
16. Akta Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 1999; dan
17. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1999.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999;
2. Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998;
3. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1998;
4. Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998;
5. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1998;
6. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1998;
7. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1998;
8. Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998;
9. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999;
10. Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Agen Harta-Tanah (Pindaan) 1999;
11. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1999;
12. Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999;
13. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1999;
14. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999;
15. Rang Undang-undang Perlesenan Kenderaan Pelancongan 1999;
16. Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 1999; dan
17. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1999.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order - Peraturan Mesyuarat 9, sub-clause 2 yang mengkehendaki semua Ahli Parlimen diberitahu sekurang-kurangnya 28 hari sebelum satu Majlis Mesyuarat Parlimen diadakan. Saya ada diberitahu bahawa Yang Berhormat dari Permatang Pauh tidak diberitahu mengenai persidangan Parlimen ini dan sebab itu beliau sudah menidakkah hak-hak beliau sebagai Ahli Parlimen sama ada menyertai prosiding

atau menghantarkan soalan-soalan yang penting demi kepentingan negara dan atas sebab itu, bolehkah Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling bahawa ini tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan dan patutlah bahawa satu penangguhan sehingga perkara ini dibetulkan oleh kerana ini tidak wajar, tidak regular dan tidak proper.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, nanti saya tanya, Setiausaha adakah dipos?

[Setiausaha Bagi Parlimen berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua]

Tuan Yang di-Pertua: Kami akan membuat pemeriksaan sama ada pihak pejabat Parlimen telah pos notis-notis ini kepada tiap-tiap ahli. Pada fikiran saya kita boleh pergi masuk dalam mesyuarat dahulu. Kalau sekiranya didapati tidak dipos, maka kita akan mengambil tindakan yang berlainan pula.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada menulis surat kepada Parlimen mengenai perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu perkara itu, saya akan membuat pemeriksaan dan selepas itu akan memberitahu kepada Dewan pula. Sekarang ini kita masuk kepada Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

1. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tentang kajian serta kedudukan terkini berkenaan dengan cadangan pemberian insentif gaji bulanan kepada pekerja ladang terutamanya pekerja ladang getah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Segambut dan Yang Berhormat dari Jelutong yang perlu dijawab pada hari Khamis, 15 Julai 1999 dan soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani yang perlu dijawab pada 21 Julai 1999 kerana keempat-empat soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sejumlah 15 buah ladang telah melaksanakan bayaran gaji bulanan untuk pekerja-pekerja ladang. Skim gaji bulanan ini masih di peringkat percubaan sejak mula dilaksanakan pada bulan Januari tahun ini. Kementerian berpendapat terlalu awal untuk mengkaji dan menentukan kesan pelaksanaan sistem ini dan kementerian ini belum bercadang untuk menasihatkan majikan ladang lain untuk membayar gaji bulanan kepada pekerja-pekerja mereka. Perlu dijelaskan bahawa di bawah peruntukan Undang-undang Buruh yang sedia ada, Kementerian Sumber Manusia tidak berkuasa untuk menetapkan gaji dan upah pekerja-pekerja. Perkara-perkara mengenai gaji dan upah ditentukan melalui proses perundingan bersama ataupun 'collective agreement' di antara majikan dengan kesatuan sekerja ataupun antara majikan dan individu. Perundingan juga akan menentukan kadar gaji dan upah mengikut pasaran buruh. Soal gaji bulanan bagi pekerja-pekerja ladang telah menjadi perkara rundingan di antara kesatuan pekerja-pekerja ladang dengan majikan dan kesatuan majikan.

Adalah dimaklumkan bahawa gaji pekerja-pekerja ladang yang dibayar secara harian mengandungi beberapa elemen seperti gaji pokok, elaun insentif yang dikaitkan dengan harga pasaran harian komoditi dan juga elaun-elaun lain. Sehubungan dengan ini mulai 1 Jun tahun ini gaji pekerja ladang sebulan ialah RM380 dengan syarat dapat mengutip 90 tan kelapa sawit dan bekerja selama 26 hari sebulan. Walau bagaimanapun, bagi pekerja-pekerja ladang yang dibayar gaji harian ini, Akta Kerja Tahun 1995 memperuntukkan supaya pihak majikan membayar gaji minimum bersamaan dengan 24 hari gaji dalam sesuatu bulan sebagai satu jaminan pendapatan. Ini bertujuan untuk

membantu mereka sekiranya tidak dapat menjalankan kerja biasa mereka atas sebab-sebab tertentu misalnya di musim hujan, banjir dan sebagainya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa bila Yang Berhormat mengatakan perundingan di antara majikan dan pihak union adalah satu proses yang digalakkan oleh kerajaan. Akan tetapi perkara ini tidak semestinya membawa kebaikan kepada pekerja memandangkan setiap kali pihak-pihak union yang membuat rundingan ini adalah hanya mewakili lebih kurang 30 hingga 40% pekerja dan ramai di antara pekerja di negara ini adalah di luar estet juga di ladang-ladang. Dan apakah sebab kerajaan enggan membawa satu undang-undang, menggubal undang-undang yang tertentu supaya semua pekerja tidak kisah dia rakyat yang sedia ada di estet atau di bandar, yang kerja di estet-estet atau di ladang-ladang akan diberi gaji minimum kerana pada masa ini seperti yang dikatakan adalah tertakluk kepada iklim, cuaca dan faktor pasaran dunia.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran:dan orang-orang di estet ramai di antaranya kebuluran kerana tidak cukup makan dan gaji ini sangat kurang.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: *[Disampuk]* Jadi bukankah masa sudah datang, kerajaan mengiktiraf supaya chance mereka untuk melawan pilihan raya sangat baik pada kali ini. Kalau macam ini, saya beri cadangan kepada Barisan Nasional, apa kita takut, jangan segan-segan. *[Disampuk]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan mendengar betul-betul jawapan saya tadi, rundingan 'collective agreement' ini bukan hanya di antara majikan dengan kesatuan sekerja. Ianya juga di antara majikan dan individu-individu tertentu.

Jadi, di sini pekerja-pekerja tidak semestinya diwakili oleh kesatuan sekerja masing-masing. Jikalau kumpulan individu ada apa-apa permintaan dengan pihak majikan, mereka boleh berunding dengan pihak majikan. Jadi seperti mana yang saya katakan tadi, jikalau ada perselisihan di dalam 'collective agreement' barulah kerajaan boleh masuk di dalam proses itu. Ini adalah proses yang ditentukan di bawah undang-undang dan jikalau ada persengketaan, barulah kerajaan ataupun Pejabat Buruh ataupun Jabatan Perhubungan Perusahaan boleh masuk untuk menjadi orang tengah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang misalannya di dalam perundingan di antara NUPW dan MAPA tidak ada persengketaan. Jadi di sini, mereka telah menandatangani persetujuan 'collective agreement' masing-masing mengenai hal itu. Jadi, pekerja-pekerja yang tidak masuk di bawah NUPW mereka berhak meminta dan sekarang saya katakan tadi 15 buah ladang telah menjalankan skim gaji bulanan ini dan juga mengenai undang-undang tertentu yang menentukan gaji minimum. Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita memegang kepada dasar ekonomi pasaran bebas jadi, soalan gaji adalah di antara majikan dengan pekerja. Kerajaan tidak masuk campur. Jadi, persoalan Yang Berhormat katakan tadi, kalau berlaku banjir, berlaku malapetaka telah pun saya jawab tadi iaitu di dalam perundingan untuk gaji harian ini iaitu minimum gajinya ialah RM380 iaitu minimum kerja 24 hari itu telah ditetapkan supaya pekerja-pekerja itu tidak jatuh di bawah paras yang memudaratkan kehidupan mereka.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu kajian yang dijalankan ke atas 16 buah estet di mana pekerja-pekerjanya menerima gaji bulanan menunjukkan pengeluaran yang lumayan. Bekerja tanpa banyak cuti dan mempunyai nilai moral yang tinggi. Saya ingin tahu bolehkah kerajaan menjalankan satu kajian terhadap

semua estet di seluruh negara untuk mengetahui kredibiliti dan validity kepada pekerja-pekerja estet?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas maklumat yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapar tadi iaitu kajian awal menunjukkan. Jadi, pihak kementerian akan memantau kajian-kajian ini. Kajian dari mana Yang Berhormat tidak sebut tetapi Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia sedang memantau dan saya katakan tadi kita sedang kaji tetapi terlalu awal bagi kita untuk mengeluarkan sesuatu kenyataan ataupun satu-satu conclusion yang mengatakan ini baik. Jadi, kita memerlukan sedikit masa lagi untuk memastikan apakah

Tuan M. Kulasegaran: 42 tahun tidak cukup!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:.....manfaat-manfaat yang [Disampuk] [Ketawa] Teluk Intan dia hendak tahu apa? Dia sudah tanya tadi.

Tuan M. Kulasegaran: 42 tahun, 100 tahun tidak cukup lagi. Ini baru

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Teluk Intan, ini out of order, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Out of order. [Disampuk] Tadi gaji bulanan ini baru dijalankan. Yang Berhormat sedia maklum bahawa sedang dikaji perjalanan gaji bulanan itu bukan 42 tahun, baru dijalankan beberapa bulan yang lalu. [Disampuk] Bukan 42 tahun. Jadi Yang Berhormat tidak faham.

Jadi, sedang kami kaji jikalau ada pros and cons...nya baru kita akan membuat satu kenyataan yang mana baik dan yang mana tidak baik. [Disampuk]

2. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah prestasi Danamodal dan Danaharta menyumbang ke arah pemulihan ekonomi negara sehingga ke hari ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kangar bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat dari Mersing, Kuala Krai, Penampang yang dijadualkan untuk dijawab masing-masing pada 14 Julai, 15 Julai dan 22 Julai kerana masing-masing menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat 30 Jun 1999 Danamodal telah menyuntik sebanyak RM6.2 bilion ke dalam 10 buah institusi perbankan yang dikenal pasti sebagai mengalami masalah tidak mencukupi modalnya akibat kerugian yang timbul daripada pinjaman tidak dibayar atau NPL. Manakala Danaharta telah mengambil alih dan mengurus sejumlah RM38 bilion NPL daripada sistem kewangan yang mana RM28.6 bilion merupakan NPL sistem perbankan. Usaha-usaha pengambilalihan NPL oleh Danaharta dan suntikan modal oleh Danamodal telah memperkukuhkan kedudukan sistem perbankan negara. Kesan langsung penubuhan Danaharta dan Danamodal ke atas ekonomi negara adalah seperti berikut:

- (i) Penurunan NPL sistem perbankan ke tahap yang terkawal. Nisbah NPL bersih setakat 30 April 1999 adalah 7.9%, pengkelasan NPL ini ialah 6 bulan, iaitu turun sebanyak 0.9% berbanding 8.8% bulan Februari 1999;
- (ii) Nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan juga kekal kukuh pada tahap 12.2% setakat 31 Mei 1999, iaitu naik sebanyak 21.1% berbanding dengan 10.1% bagi bulan Ogos 1998;

- (iii) Peningkatan kelulusan pinjaman oleh sistem perbankan di mana purata mingguan bagi tahun 1999 meningkat kepada RM1.736 bilion setakat 8 Jun 1999 berbanding purata mingguan sebanyak RM1.197 bilion bagi tahun 1998; dan
- (iv) Pengeluaran pinjaman meningkat dengan purata pengeluaran pinjaman mingguan bagi tahun 1999 adalah tinggi sebanyak RM6.121 bilion iaitu setakat 8 Jun 1999 berbanding purata mingguan bagi tahun 1998 sebanyak RM4.986 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan penggabungan bank adalah merupakan keputusan komersial sesebuah institusi perbankan. Bank Negara Malaysia menggalakkan penggabungan bank perdagangan dan syarikat kewangan kerana memberi banyak kesan positif kepada institusi kewangan yang bergabung, pemegang-pemegang saham, pelanggan-pelanggan serta negara secara keseluruhannya.

Bank Negara Malaysia memainkan peranan sebagai pengantara bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul semasa rundingan, penggabungan dan membantu institusi perbankan yang terlibat dalam mendapatkan kelulusan daripada agensi-agensi yang berkaitan serta menyediakan beberapa insentif untuk memudahkan usaha pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai senarai syarikat yang terlibat dengan NPL berkenaan, Danaharta tidak dapat mendedahkan identiti mana-mana peminjam selaras dengan Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang melarang Danaharta daripada mendedahkan identiti para peminjam yang terbabit. Amalan memelihara kerahsiaan seseorang peminjam itu bukan terbatas setakat di Malaysia sahaja malah ia merupakan amalan piawai perbankan antarabangsa. Identiti peminjam berkenaan akan diumumkan hanya apabila pentadbir khas dilantik ke atas sesebuah syarikat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dengan kesan positif dan perkembangan-perkembangan untuk menambahkan usaha pembangunan ekonomi negara, adakah pihak kerajaan yakin bahawa ini menambahkan keyakinan rakyat terhadap pemulihan ekonomi negara ini dan adakah pihak Yang Berhormat yakin bahawa dengan perkembangan ini menyakinkan bahawa negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia tetap bersatu, tidak ada ura-ura untuk mengeluarkan mana-mana negeri termasuk Perlis untuk keluar daripada Malaysia? Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, segala petunjuk ekonomi yang terdapat di Malaysia ini menunjukkan setelah kita menuju ke arah yang lebih cerah dan menuju kepada ekonomi yang lebih aktif dan sebenarnya pihak kerajaan adalah lebih konservatif iaitu telah meramalkan pertumbuhan ekonomi kita hanya akan mencapai 1% sahaja. Manakala setakat yang kita tahu iaitu Standard and Poors masing-masing telah menarafkan kedudukan Malaysia ini lebih daripada 2% hingga 3% dan ini menunjukkan adalah satu-satu yang dahulunya yang mengherdikkan kita, telah berubah sikapnya dan telah memberi sokongan dan kepercayaan kepada ekonomi Malaysia. Saya berharaplah pihak pembangkang dapat memberi maklumat yang betul kepada semua rakyat supaya tidak memutarbelitkan angka-angka ekonomi ini dan membuat cadangan-cadangan yang bukan-bukan. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak buat cadangan yang bukan-bukan. Sungguhpun ada data-data yang diberi tadi nampaknya menggalakkan tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini gabungan bank-bank dan syarikat insurans, bilangan yang digabungkan dan berjaya digabungkan dengan Danaharta dan Danamodal ini dan juga bolehkah Yang Berhormat terangkan keadaan likuiditi di negara ini yang mungkin

satu faktor yang utama yang merangsangkan Bursa Saham Kuala Lumpur sekarang dan adakah bahayanya keadaan seumpama ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dia dapat jawab semua ini di mana likuiditi di negara ini - Rompin pun tidak begitu berminat mengenai likuiditi yang sangat merbahaya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu. Sila jawab, ya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya memperolehi angka-angka berkaitan dengan merger bagi sistem perbankan sahaja. Setakat ini terdapat satu bank sahaja yang telah berjaya digabungkan iaitu Sime Bank telah digabungkan dengan RHB Bank, yang akan berkuat kuasa pada 30 Jun tahun ini dan berkaitan dengan syarikat-syarikat kewangan terdapat 14 syarikat kewangan yang telah digabungkan, masing-masing oleh syarikat-syarikat induk ataupun dengan syarikat-syarikat yang lain dan ini akan berkuat kuasa pada masa-masa masing-masing. Syarikat insurans itu adalah lebih kurang empat ataupun lima syarikat yang telah digabungkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, seperti yang saya katakan tadi, nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan itu kekal kukuh iaitu pada 12.2% setakat 31 Mei 1999. Ini adalah satu petanda yang baik di mana kita pada setiap masa pun, walaupun masa kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi telah kita memastikan supaya nisbah ini adalah kekal pada peringkat yang sangat tinggi dan memang telah kita memastikan supaya kita mempunyai satu strategi untuk kita mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi dengan mengembang kegiatan ekonomi, dengan itu kerajaan telah merendahkan kadar faedah dan kita telah menambahkan juga likuiditi di pasaran itu. Setakat ini, pinjaman di pasaran yang telah dikeluarkan itu ialah RM426 bilion.

3. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah jaminan yang boleh diberi oleh kerajaan bahawa penimbusan bangkai-bangkai khinzir dalam krisis Japanese Encephalitis baru-baru ini tidak mendatangkan sebarang masalah pencemaran alam sekitar, sumber air dan kesihatan, dari segi jangka pendek dan jangka panjang.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah, sedang dan akan terus menjalankan pemantauan ke atas kualiti air sungai dan kualiti air tanah bagi kesemua kawasan pelupusan bangkai-bangkai khinzir dalam krisis Japanese Encephalitis baru-baru ini.

Setakat ini tidak ada apa-apa perubahan ketara yang dikesan. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin tahu sama ada analisa biological ada dibuat oleh pihak kementerian supaya dapat menentukan tahap kualiti air sebelum krisis JE dan selepas penimbusan bangkai-bangkai khinzir dalam krisis JE ini.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kementerian mempunyai standard yang tertentu untuk mengukur kualiti air, itulah yang telah dipakai dan apa yang dianalisiskan dari air yang diambil dari sungai atau air tanah dan mengikut standard itu tidak ada perubahan ketara yang dikesan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa sehingga sekarang, pihak kerajaan masih pura-pura dalam perkara ini, masalah krisis dalam industri penternakan babi atau lebih 100 orang yang telah terkorban, bukan masalah Japanese Encephalitis, tetapi apa yang baru-baru ini diistilahkan sebagai Nipah virus, itu dua jenis yang berlainan sama sekali, mungkin saya ada sebut di sini Chua Jui Meng virus, tetapi ini bagaimana tanpa keyakinan orang ramai, kalau kita tidak mahu

mengakui apa sebab yang sebenar, yang mengakibatkan krisis yang begitu besar, bukan sahaja kepada nyawa, kepada industri, kepada kewangan rakyat dan bolehkah kita dapat satu penjelasan yang baik?

Yang kedua, adakah satu siasatan diadakan mengenai sungutan-sungutan penduduk-penduduk di Gertak Sanggul di Pulau Pinang di mana mereka ada kompelin mengenai cara bagaimana bangkai-bangkai babi ditempatkan di kawasan itu, tidak kira kesihatan dan kebajikan mereka.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Sebenarnya pertanyaan itu, saya yakin telah dijawab oleh Menteri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Kesihatan dan Menteri Pertanian, mungkin tidak payahlah saya memberi penjelasan tambahan lagi.

Mengenai pertanyaan yang kedua, berlaku pembakaran bangkai babi di Gertak Sanggul, Pulau Pinang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar, Pulau Pinang tidak dimaklumkan tentang aktiviti penyingkiran dan pembakaran yang akan dilakukan ke atas bangkai-bangkai babi di Gertak Sanggul. Oleh itu, pengukuran tahap pencemaran dari segi parameter tertentu tidak dapat dilakukan.

Kebakaran yang dilakukan ke atas bangkai-bangkai yang berpenyakit, adalah dibenarkan oleh Peraturan 11B – Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 1979. Terima kasih.

4. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan mengenai kapal terbang Caribou kepunyaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang jatuh terhempas dalam bulan Mei:

- (a) adakah laporan siasatan mengenai kejadian ini sudah selesai. Jika ia, apakah keputusan laporan tersebut. Jika belum, mengapa; dan
- (b) adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menggantikan ataupun memperbaharui kapal terbang-kapal terbang generasi lama kepunyaan TUDM.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab untuk soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas yang dijadualkan pada 21 Julai 1999, memandangkan isu yang dibangkitkan adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyiasatan kemalangan pesawat Caribou TUDM pada 25 Mei 1999 adalah dalam peringkat terakhir. Kementerian sedang menunggu laporan dari beberapa pihak teknikal yang berkaitan. Laporan berkaitan dengan kemalangan ini akan dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, sebaik sahaja penyiasatan selesai dijalankan.

Bagi menjawab soalan yang kedua ataupun (b), saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan sememangnya mempunyai perancangan untuk menggantikan pesawat-pesawat yang telah usang. Terima kasih.

5. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kedudukan barangan tenusu dari EU yang dicemari dioksin.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat, saya ingin memohon izin menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 12 pertanyaan lagi mengenai isu-isu yang sama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam – 12 Julai 1999, Teluk Kemang – 12 Julai 1999, Kemaman – 12 Julai 1999, Jelutong – 13 Julai 1999,

Selangau – 21 Julai 1999, Sepang – 13 Julai 1999, Senai – 14 Julai 1999, Beluran – 14 Julai 1999, Bukit Bendera – 14 Julai 1999, Segambut – 20 Julai 1999, Kapar 20 Julai 1999, Tuaran – 20 Julai 1999 dan Selangau – 21 Julai 1999.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kedudukan barangan tenusu dari European Union (EU) yang dibenarkan untuk jualan mengikut kategori makanan adalah seperti berikut:

- (a) Ireland - semua kategori
- (b) Perancis - semua kategori termasuk tenusu
- (c) Sweden - semua kategori termasuk tenusu
- (d) Switzerland - semua kategori termasuk tenusu
- (e) Denmark - semua kategori termasuk tenusu
- (f) Jerman - semua kategori termasuk tenusu
- (g) Itali - semua jenis produk kecuali egg pasta
- (h) Belanda - hanya bagi hasilan tenusu sahaja
- (i) Sepanyol - berdasarkan permohonan setiap produk (case by case)
- (j) Belgium - tidak dibenarkan dan masih dalam kajian

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan sebaik sahaja pencemaran dioksin dalam makanan diumumkan oleh media massa pada 6 Jun adalah dengan mengharamkan kemasukan makanan dari Eropah serta menarik balik makanan dari pasaran ke atas makanan yang disyaki tercemar oleh bahan dioksin dan seterusnya mengkaji semua permohonan secara teliti sebelum pelepasan dibuat.

Di samping itu juga, pihak kementerian telah menubuhkan lima pasukan petugas bagi menangani krisis tersebut seperti berikut:-

- (i) Pasukan petugas surveillance bagi maksud mengawal dan memantau kemasukan bahan makanan di pintu masuk dan juga di pasaran tempatan.
- (ii) Pasukan petugas informasi bagi maksud menyebarkan maklumat kepada semua pihak termasuk pihak pengguna, pengimport, pengilang, pembungkus bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.
- (iii) Pasukan petugas pelepasan bagi maksud meluluskan permohonan melalui pendekatan saringan, pemprosesan dan kelulusan.
- (iv) Pasukan penyelarasan dan perhubungan antarabangsa bagi maksud menyelaraskan tindakan dengan kedutaan asing di negara ini serta pertukaran maklumat dengan kedutaan Malaysia di negara asing juga dengan negara ASEAN dan negara lain termasuk badan-badan antarabangsa seperti FAO, WHO dan WTO, dalam usaha untuk memperkukuhkan tindakan yang diambil oleh negara kita.
- (v) Pasukan petugas dokumentasi bagi maksud penyediaan laporan statistik dan sebagainya.

Di antara aktiviti yang telah dilakukan oleh pelbagai pasukan petugas tersebut, adalah seperti berikut:

- (a) Membuka bilik gerakan.
- (b) Mengadakan mesyuarat bersama semua pengimport makanan.
- (c) Mengadakan mesyuarat bersama kedutaan negara-negara Eropah yang terlibat.
- (d) Menubuhkan tiga pasukan petugas khas bagi tujuan pelepasan produk yang ditahan sebelum dilepaskan ke pasaran semula seperti:
 - (i) Pasukan petugas penyaringan.
 - (ii) Pasukan petugas pemprosesan.
 - (iii) Pasukan petugas kelulusan.

Bagi mengatasi kekeliruan pengguna, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan hotline, homepage, menggunakan media cetak dan media elektronik seperti radio, televisyen dan surat khabar untuk memberikan maklum balas kepada pengguna.

Kementerian juga telah mengadakan siri penerangan khas melalui program-program seperti Face to Face, Selamat Pagi Malaysia, Moving On 2 dan Malaysia Hari Ini.

Dengan tindakan pantas yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, boleh dikatakan semua bahan makanan yang diimport dari Eropah telah ditahan di pintu-pintu masuk dan juga di pasaran tempatan.

Kerjasama daripada kedutaan negara pengimport, badan-badan antarabangsa seperti CODEX, WHO, FAO, rakan-rakan dari negara ASEAN dan sebagainya dapat membantu memberikan maklumat terperinci sebelum sesuatu keputusan dibuat. Dengan itu produk yang telah dilepaskan ke pasaran adalah setelah melalui kajian terperinci Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam operasi selama 18 hari, Kementerian Kesihatan Malaysia telah berusaha untuk membolehkan penahanan makanan dibuat dengan secepat mungkin dan dalam minggu kedua operasi, Kementerian Kesihatan telah berjaya mengeluarkan sijil pelepasan.

Dalam jangka masa tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia telah dapat melepaskan sebanyak 2,572 daripada 6,648 jumlah produk yang ditahan untuk dipasarkan semula, berasaskan jaminan yang dibuat oleh negara asal yang perlu disahkan oleh pihak kedutaannya di negara kita.

Semua produk yang dilepaskan, dihebahkan melalui media cetak dan elektronik tempatan.

Pengharaman semua produk tenusu daripada negara EU telah dimansuhkan kecuali produk tenusu dari negara Belgium. Manakala produk tenusu dari Sepanyol adalah berdasarkan permohonan setiap produk iaitu case by case.

Setakat ini, kategori makanan yang diharamkan adalah seperti berikut:

- (a) daging dan hasilan daging;
- (b) lemak makan dan minyak makan;
- (c) telur dan hasilan telur;
- (d) susu dan hasilan tenusu, makanan bertujuan khas yang mengandungi susu;
- (e) telur atau daging dan hasil-hasilnya;

- (f) makanan yang mengandungi lebih 2% telur; dan
- (g) coklat yang mengandungi susu, lemak mentega.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak kementerian tidak mempunyai statistik mengenai jumlah kes akibat dioksin yang dikesan dan juga keadaan kontaminasi dioksin di negara ini.

Berasaskan kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh negara-negara Eropah (EC), kejadian pencemaran dioksin adalah di antara 15 Januari 1999 hingga 2 Jun 1999.

Dengan itu, negara kita telah membatalkan larangan yang dibuat bagi produk-produk yang diproses selepas tarikh 2 Jun 1999.

Walau bagaimanapun, ianya akan diawasi melalui pemeriksaan secara rutin oleh pegawai penguatkuasaan di semua pintu masuk di negara ini. Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai rancangan setiap tahun bagi menjalankan pengawasan makanan yang diimport dari luar negara.

Pada tahun 1998 sahaja, aktiviti persampelan makanan yang diimport adalah seperti berikut:-

- (a) Mikrobiologi – 4,086 sampel;
- (b) Kimia – 8,061 sampel
- (c) Fizikal dan food standard – 2,831 sampel

Jumlah semuanya 14,976 sampel.

Daripada jumlah 14,976 sampel yang diambil untuk analisa didapati sebanyak 1,373 ataupun 9.2% telah melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985. Pelbagai tindakan telah dikenakan di mana 110 konsainmen di tolak, 176 konsainmen dimusnahkan dan 707 konsainmen diarahkan untuk diproses semula.

Kementerian Kesihatan juga sentiasa mempertingkatkan keupayaan makmal di seluruh negara, untuk menjalankan kajian ke atas pencemaran kimia seperti dioksin. Kementerian juga sedang bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam menjalankan analisis dioksin dalam makanan yang diimport mahupun yang dihasilkan di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, semua makanan yang diimport telah dibekalkan dengan surat-surat pengesahan seperti Sijil Kesihatan daripada pihak pengeluar atau pembekal yang menyatakan makanan tersebut tidak mengandungi bahan kimia dioksin dan selamat dimakan.

Mengikut daripada kajian yang telah dijalankan oleh EPA, pendedahan kepada dioksin boleh menyebabkan gangguan sistem reproduksi dan pertumbuhan badan, ia juga merosakkan sistem pertahanan ataupun immune system dan pengeluaran hormon. Beberapa kesan kesihatan yang dapat dikesan dalam jangka masa panjang adalah seperti berikut:

- (i) Kanser testicle dan prostate;

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagikah? Panjang sangat itu dalam soal perkara ini, janganlah panjang sangat kerana kita ada satu jam sahaja.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, fasal 12 soalan sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Seminit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya cepatkan membaca.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang ini mustahak, penyakit rahim.

- (ii) endometriosis
- (iii) meningkatkan risiko kanser payu dara;
- (iv) mengurangkan sperm count sebanyak 50%.

Analisa dioksin memerlukan kepakaran dan kemudahan yang canggih yang memerlukan kos yang tinggi. Misalnya, bayaran untuk analisis sebagai satu sampel yang dibuat oleh makmal New Zealand adalah lebih kurang NZ\$2,000. Namun demikian, negara melalui kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan USM akan berupaya menjalankan analisis dioksin dalam jangka masa yang singkat ini.

Buat masa sekarang hanya terdapat 12 makmal di seluruh dunia bagi analisis dioksin dalam makanan, dengan keupayaan makmal USM negara kita merupakan negara kedua selepas New Zealand yang mampu menjalankan analisis di rantau ini.

Nilai penahanan makanan yang diimport adalah seperti berikut:-

- (i) Penahanan di pintu masuk – RM12.58 juta;
- (ii) penahanan domestik – RM6.62 juta.

Semua produk yang dilepaskan ke pasaran termasuk dari Nestle adalah berasaskan jaminan dari Sijil Kesihatan dari negara berkenaan. Tiada data kandungan dioksin kerana tiada analisis dijalankan. Dari jumlah 76 produk yang masih ditahan, satu daripadanya adalah produk Nestle keluaran luar negara.

Kementerian Kesihatan Malaysia masih meneliti dokumen sebelum membuat pengesahan bagi tujuan pelepasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai akta yang komprehensif iaitu Akta Makanan 1983 yang mempunyai kuasa untuk mengharamkan pengimportan mana-mana makanan yang tercemar dengan sebarang bahan termasuk dioksin.

Pelanggaran kepada akta tersebut, boleh dikenakan hukuman tidak melebihi lima tahun penjara atau denda atau kedua-dua sekali. Bahan-bahan makanan yang telah disahkan tercemar boleh juga dimansuhkan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang mengikut organisasi Kementerian Kesihatan Malaysia, pegawai penguatkuasa ditempatkan di semua pintu masuk bagi menjalankan pemantauan ke atas makanan yang diimport serta mengambil contoh makanan untuk tujuan analisis bagi memastikan makanan selamat sebelum pengimportan dibenarkan. Kementerian sedang giat membuat persiapan untuk analisis tersebut.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan ahli dari parti pembangkang semuanya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, semua tidak mahu bertanya dah ya, panjang. *[Ketawa]*

6. Puan Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah Harga Indeks Pengguna di Sabah berbanding

dengan negeri lain. Apakah rancangan dan tindakan yang akan diambil untuk memastikan adanya usaha yang berkesan untuk meringankan beban para pengguna di Sabah.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi negeri Sabah dari tahun 1996 hingga 1998 menunjukkan kadar aliran turun naik. Ia adalah 2.5% pada tahun 1996, turun kepada 1.9% pada tahun 1997 dan naik kepada 4.7% pada tahun 1998. Kadar ini adalah lebih tinggi daripada negeri Sarawak kecuali bagi tahun 1997. Berbanding dengan Semenanjung Malaysia, kadar IHP di Sabah adalah lebih rendah bagi ketiga-tiga tahun perbandingan tersebut.

Sementara itu, bagi tahun 1999 ini kadar IHP bagi bulan Januari hingga Mei 1999 menunjukkan negeri Sabah mencatatkan kadar perubahan IHP yang lebih rendah daripada Semenanjung Malaysia, iaitu 3.4% tetapi lebih tinggi daripada negeri Sarawak, iaitu 2.2%.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan bahagian kedua, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini telah mengambil pelbagai langkah yang di bawah bidang kuasa kementerian ini bagi memastikan adanya usaha yang berkesan untuk meringankan beban para pengguna khususnya berhubung dengan kos perbelanjaan harian serta menjamin kecukupan bekalan barangan pengguna.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian ini adalah bertujuan untuk menjamin keperluan barangan pengguna mencukupi pada setiap masa dengan harga yang berpatutan. Ini dilakukan dengan kerjasama pihak pengeluar agar bekalan barangan sentiasa mencukupi, termasuk semasa menghadapi musim perayaan.

Di samping itu, langkah mengawal harga secara pentadbiran bagi 12 jenis barangan didapati amat berkesan dalam memastikan pengguna mendapat bekalan pada harga yang berpatutan akan terus dikekalkan. Tindakan-tindakan pengawalseliaan akan terus dipergiatkan bagi menjamin perniagaan dan perdagangan beretika sentiasa diamalkan oleh kalangan-kalangan berkenaan yang terbabit. Dalam hubungan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan membuka tiga buah cawangan baru Bahagian Penguatkuasa di Sabah, iaitu di Kudat, Keningau dan Lahad Datu bagi melicinkan lagi pengurusan kawalseliaan di kawasan berkenaan dan sekitarnya.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan komposisi indeks harga pengguna negara, saya ingin tahu komposisi ini terdiri daripada beberapa item dan berapa item ini yang di bawah kawalan atau yang mendapat subsidi daripada kerajaan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, IHP yang dikumpulkan oleh Jabatan Perangkaan itu merangkumi beratus barangan yang tertentu tetapi saya tidak dapat memberi angka yang tetap, tetapi pada umumnya IHP dikumpulkan daripada kumpulan makanan, satu katogeri, lagi satu sewa kasar bahan api dan kuasa, perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah, perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan, ini satu lagi katogeri, perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan serta pelbagai barang dan perkhidmatan. Jadi ini adalah katogeri-katogeri yang barang-barang dan perkhidmatan yang dikumpulkan untuk mengira IHP oleh Jabatan Perangkaan.

Mengenai barang-barang pada keseluruhannya tidak ada barang-barang yang diberi subsidi tidak secara direct, tetapi adalah apabila umpamanya kalau minyak masak dalam negara kita lebih rendah daripada harga pasaran antarabangsa oleh kerana pihak kerajaan minta industri itu membekalkan minyak masak, minyak kelapa sawit kepada pihak kilang-kilang dengan harga yang lama supaya harga lama dikekalkan bagi minyak masak. Ini adalah sebagai satu contoh langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kerajaan dari masa ke masa.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu ketika dahulu memang ada cadangan supaya kita mengadakan satu indeks harga pengguna kedua supaya ia merupakan satu indeks yang lebih tepat dibandingkan dengan indeks harga pengguna pada sekarang ini. Jadi saya ingin tahu keadaan sekarang tentang mengadakan indeks harga pengguna yang kedua. Jikalau indeks harga pengguna yang kedua ini tidak berjaya adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu indeks harga pengguna yang berlainan iaitu di bandar satu indeks yang lain dan di luar bandar ataupun di kampung-kampung satu indeks yang lain kerana ia merupakan satu keadaan yang tidak sama di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak kerajaan bercadang dan Jabatan Perangkaan telah pun memula mengadakan IHP bukan berdasarkan kepada bandar, luar bandar tetapi berdasarkan perpendapatan, adi golongan berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan atas dan sebagainya. Walau bagaimanapun untuk membuat satu comparison adalah didapati bahawa IHP yang digunakan sehingga sekarang iaitu satu ukuran yang antarabangsa diteruskan untuk membuat perbandingan dengan kenaikan kos penurunan dan sebagainya. Walaupun indeks harga pengguna lagi satu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat cuma digunakan untuk rujukan pihak jabatan dan juga pihak kerajaan.

7. **Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang sebab-sebab Projek Bakun dijalankan semula dan jangka masa yang diambil untuk melaksanakan projek tersebut dan siapakah bakal pemegang saham BHEC ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Segambut dan dari Kubang Kerian yang dijadualkan untuk dijawab masing-masing pada 20.7.1999 kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan bercadang untuk meneruskan pelaksanaan projek Hidroelektrik Bakun di dalam beberapa fasa dan pada saiz yang lebih kecil dengan bekalan elektrik hanya tertumpu kepada Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan. Ini adalah kerana dengan pemulihan ekonomi negara permintaan bekalan elektrik dijangka meningkat di masa hadapan. Bekalan tenaga lektrik yang mencukupi adalah sangat penting bagi menarik minat pelabur asing di negari Sarawak dan Sabah khususnya. Walau bagaimanapun keperluan kapasiti bekalan elektrik yang dicadangkan akan bergantung kepada permintaan kegunaan bekalan elektrik di masa hadapan.

Untuk fasa pertama cadangan yang sedang dikaji ialah membina stesen penjanaan kuasa di bawah terowong pengalihan sungai pada kapasiti 500 megawatt. Pembinaan stesen penjanaan kuasa di bawah terowong ini akan mengambil masa 3 tahun dan keseluruhan projek ini dijangka dapat disiapkan dalam tidak kurang daripada 6 tahun. Buat pada masa ini pihak Tenaga Nasional Berhad telah dikenal pasti untuk mengetuai konsortium untuk membangunkan projek ini semula. Kerajaan juga bercadang menjemput kerajaan negeri Sarawak dan syarikat-syarikat dari negari Sarawak untuk menyertai dalam konsortium yang akan dibentuk untuk melaksanakan projek ini. Mengenai bayaran pengambilan alih projek ini kepada Bakun Hydroelectric Coperation Bhd. yang berjumlah RM950 juta, jumlah bayaran kepada pemegang saham terbesar syarikat ini iaitu EKTRAN Bhd. ialah sebanyak RM390 juta sahaja. Bayaran asal yang telah dicadangkan oleh Price Water House Coopers semasa menjalankan due diligence review ialah sebanyak RM819 juta di mana bayaran kepada EKTRAN Bhd. ialah sebanyak RM251 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibuat oleh EKTRAN Bhd. sebelum kerajaan dapat mengambil alih kesemua projek ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Batang Lumar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Assalamualaikum Tun.

Tuan Yang di-Pertua: Waalaikumussalam.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Soalan tambahan. Apabila projek Bakun dimulakan pada pertengahan tahun 80-an, satu konsep yang disarankan oleh pihak konsultan ialah menggunakan kerajaan untuk meminjam wang dan sebagainya supaya peminjaman wang itu adalah rendah faedah dan sebagainya, pengurusan struktur dan pengurusan guna tenaga manusia pun lebih teratur. Tetapi apabila projek itu diserahkan kepada pihak Bakun daripada EKCRAN, daripada peringkat itulah konsultan mengatakan projek ini telah menempuh jalan baru berlainan daripada saranan pihak konsultan.

Jadi, pada masa sekarang walaupun kita hendak membina projek EKCRAN yang lebih kecil, adakah konsep-konsep asal penyelidikan Bakun ini akan kita kirakan untuk melaksanakan supaya Bakun ini tidak kali yang kedua tergendala semula.

Persoalan saya juga berbangkit kepada persoalan, orang yang mendaftar diri dengan Bakun management dulu, 3,000 syarikat bumiputera seluruh Malaysia mendaftar diri dan membayar RM2,500 kepada syarikat itu. Apa telah terjadi dengan wang ini dan apa telah terjadi dengan syarikat-syarikat ini? Adakah syarikat ini diambil kira untuk membuat kerja-kerja kecilan di projek Bakun apabila dilaksanakana nanti. Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bayaran yang telah ditentukan sebanyak RM950 juta itu adalah diberikan kepada syarikat-syarikat seperti yang berikut:-

- i. Institusi kewangan sebanyak RM436 juta;
- ii. EKCRAN RM390 juta;
- iii. Donga RM24 juta; dan
- iv. Pemegang-pemegang saham Bakun Hydroelectric Corporation iaitu pihak kapital sebanyak RM100 juta.

Jadi, dengan itu, inilah tanggungjawab kerajaan dan draf perjanjian yang telah dipersetujui oleh pihak kabinet pada 23 Jun 1999 dan ini merupakan satu cara penyelesaian untuk kita menangani masalah Bakun Hydroelectric.

Masalah-masalah yang timbul mungkin di peringkat bawah lagi, itu akan diselesaikan kemudian pula seperti pampasan yang akan diberikan kepada penduduk-penduduk tempatan yang telah dipinda dan juga kontrak-kontrak yang telah dijalankan yang belum dibayar lagi mungkin akan juga diselesaikan setakat itu.

Saya percaya apabila projek ini dikurangkan saiznya..... ini telah menjadi manageable oleh kerajaan dan dengan kedudukan ekonomi yang telah kita pulihkan, kita percaya dapatlah kita mencapai matlamat kita dan saya juga percaya iaitu konsep asalnya adalah tidak berubah kecuali daripada saiznya iaitu kerajaan akan mengambil alih aset dan liability Bakun Hydroelectric termasuk terowong pengalihan sungai iaitu river diversion tunnel, Bakun Resort, Lapangan Terbang Bakun, Jeti Tubau dan juga mengambil alih saham PSC itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua [*disampuk*]. Tuan Yang di-Pertua, apa perlunya projek Bakun ini diteruskan dalam keadaan ekonomi negara sekarang berada dalam keadaan kegawatan.

Seorang Ahli: Diam, diam.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sedangkan di Sarawak sendiri, saya kira bekalan tenaga sudah melebihi daripada keperluan yang ada untuk beberapa tahun akan datang. Apa lagi ditambah dengan kos pembinaan terowong, saya ingin tahu juga berapa kos yang dianggarkan untuk pembinaan terowong di dasar laut itu. Saya rasa projek ini adalah satu projek yang membazir, yang tidak perlu dibuat sekarang ini dan satu projek yang tidak praktikal dalam keadaan ekonomi seperti sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup ya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, PAS memanglah. Bila kita buat, dia cakap tidak boleh buat, bila kita hendak hentikan, dia cakap apa hendak berhenti, bila kita hendak teruskan dia cakap mengapa kita hendak teruskan. Jadi, kita jawab apa pun dia tidak terima.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan selesai. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat daripada Tanjong telah mengeluarkan satu point of order berkenaan dengan notis yang sepatutnya dihantarkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan saya telah pun membuat pemeriksaan, saya dapati bahawa notis itu telah dihantarkan kepada ahli itu beralamat No. 8 Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur dan telah pun dihantar pada 7 Jun 1999 dan telah pun diterima pada 8 Jun 1999 pada besoknya oleh seorang yang bernama Encik Anuar Shaari. Dengan yang demikian saya dapati bahawa notis-notis yang sama juga ataupun kepada alamat yang sama juga dihantarkan kepada mesyuarat-mesyuarat yang lepas, yang tidak ada bantahan dan sebagainya dan selain daripada itu, pada fikiran saya sepatutnya seseorang ahli itu memberitahu kepada pejabat di mana alamatnya yang patut dihantar notis supaya notis itu boleh dihantar kepadanya jikalau sekiranya dia berpindah tempat. Dengan yang demikian saya membuat keputusan bahawa mesyuarat ataupun notis ini telah sah dihantarkan kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, Point of order. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Parlimen sedia tahu bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh ada di Sungai Buluh dan bukannya surat-surat patut dihantar ke sana dan diberi peluang untuk dia membuat pertanyaan tulis dan jawapan lisan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini, yang lepas-lepas pun dihantar kepada alamat yang sama dan saya dapati ada soalan-soalan yang telah pun dihantarkan kepada Parlimen pada mesyuarat-mesyuarat yang lepas. Pada kali ini saya tidak tahu mengapa dia mengatakan dia tidak terima tetapi mengikut peraturan iaitu kita telah pun menghantarkan dan telah poskan notis ini kepadanya pada masa yang telah pun ditentukan oleh peraturan mesyuarat. Dengan yang demikian apa yang telah kita buat itu adalah sah dari segi peraturan mesyuarat. Ya, sila.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 8 hingga 68. akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987; di bawah ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, dibaca kali yang pertama akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN (PEMBUBARAN) 1999

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1958 untuk membubarkan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan dan Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang ditubuhkan di bawah Akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan; di bawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi Penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia untuk menyatakan kuasa dan fungsi suruhanjaya itu bagi perlindungan dan pemajuan hak asasi manusia di Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya atau bersampingan dengannya; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Luar Negeri; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK (KONVENSYEN VIENNA) (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua

11.05 pagi.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1966 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan yang di-Pertua, pada masa sekarang perkara-perkara yang ada hubungkait dengan perwakilan diplomatik di Malaysia adalah diperuntukkan dalam dua ordinan yang berasingan iaitu Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 dan Bahagian V, Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957.

Sebelum akta 1966 digubal, peruntukan-peruntukan di Bahagian II dan V Ordinaan 1957 mengenai perwakilan diplomatik adalah terpakai.

Akta 1966 digubal untuk memberikan kuat kuasa kepada Konvensyen Vienna mengenai Keistimewaan Diplomatik 1961 setelah negara kita Malaysia menyertai konvensyen tersebut pada 9 November 1965. Bahagian II Ordinan 1957 kemudiannya dimansuhkan setelah akta 1966 diluluskan. Walau bagaimanapun, Bahagian V Ordinan 1957 yang tidak dimasukkan dalam akta 1966 adalah masih lagi terpakai untuk perwakilan diplomatik sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian cadangan Rang Undang-Undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999 ini akan dimansuhkan Bahagian V Ordinan 1957 itu dan menjadikan akta 1966 lebih comprehensive kerana perkara-perkara yang berhubung kait dengan perwakilan diplomatik akan diperuntukkan di bawah satu akta sahaja.

Dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999 ini akan menjadi Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 lebih comprehensive kerana perkara-perkara yang berhubung kait dengan perwakilan diplomatik akan diperuntukkan di bawah satu akta sahaja.

Sehubungan dengan itu juga, Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 juga dapat dimansuhkan sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 Bacaan Kali Kedua dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila Marang.

11.05 pagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya suka saya menyatakan bahawa perlindungan yang diberi kepada diplomat asing yang diamatkan oleh masyarakat antarabangsa hari ini merupakan satu undang-undang yang telah diasaskan oleh Islam sejak 1400 tahun yang lalu apabila Rasulullah s.a.w menegaskan dalam satu hadis "*Adalah haram bagi orang Islam melakukan sesuatu yang tidak baik kepada utusan daripada negara asing sama ada yang dinamakan duta atau sebagainya, mereka hendaklah diberi perlindungan diplomatik sejajar dengan hak asasi manusia yang berlandaskan kepada keadilan*". Apa yang menarik apabila ahli undang-undang antarabangsa yang ingin menggubal rang undang-undang antarabangsa termasuk dalam perkara hak asasi manusia dalam persidangan yang diadakan di Belanda selepas Perang Dunia Pertama, mereka menjadikan Al-Quran salah satu daripada rujukannya kerana di dalamnya terdapat aspek-aspek hak asasi manusia yang merupakan perkara dasar yang diakui oleh masyarakat antarabangsa.

Apa yang menjadi masalah, kita perlu menyedari terdapat di kalangan negara dunia termasuk mereka yang menandatangani dan menyetujui Konvensyen Vienna kadangkala melakukan perkara yang tidak sopan terhadap undang-undang antarabangsa terutamanya di kalangan kuasa-kuasa besar dunia yang tidak berlandaskan kepada aqidah ketuhanan yang melakukan segala-segalanya tidak berdasarkan kepada kepercayaan dosa dan pahala maka mereka boleh melakukan apa-apa sahaja, menahan diplomatik dan sebagainya. Kita perlu menyedari adalah menjadi tanggungjawab kepada negara kita memperjuangkan hak asasi manusia ini.

Dalam masa yang sama sebelum daripada pihak kerajaan memperjuangkan hak asasi manusia di peringkat antarabangsa maka pihak kerajaan juga hendaklah menjadi atau menunjukkan contoh yang baik di dalam menegakkan hak asasi manusia dalam negara sendiri yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen maka kebebasan kepada rakyat untuk mengundi dengan cara yang adil dan baik hendaklah dilakukan.

Berlakunya gejala-gejala seperti pengundi-pengundi hantu dalam masa pilihan raya, politik wang, menyalahgunakan media massa yang diberi kepada satu pihak sahaja, tidak diberi kepada pembangkang, ini adalah contoh-contoh yang tidak baik yang ditunjukkan oleh kerajaan dalam mengendalikan keadilan di mahkamah sebagai satu cara. Mengikut hak asasi manusia, seseorang yang dituduh mestilah dianggap tidak bersalah, ia baru dituduh sahaja jangan dianggap dia sudah bersalah, hendaklah dibuktikan terlebih dahulu dengan saksi-saksi yang adil, dengan keterangan-keterangan yang nyata dan jelas. Apa yang berlaku sebagai contoh perkara yang menimpa Ahli Parlimen dari Permatang Pauh sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua.

Media massa telah digunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan yang tertinggi dalam kerajaan membuat kenyataan-kenyataan yang terbuka seolah-olah beliau sudah bersalah. Apa yang membimbangkan, kenyataan-kenyataan ini boleh mempengaruhi mahkamah dan boleh berlaku perkara-perkara yang menjejaskan hak asasi manusia yang berlandaskan kepada keadilan yang sebenarnya.

Oleh kerana itu di dalam menegakkan undang-undang hak asasi manusia pihak kerajaan hendaklah terlebih dahulu menunjukkan contoh-contoh yang baik dalam negara sendiri supaya undang-undang yang diamalkan itu benar-benar berkesan dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

11.16 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bercakap berhubung dengan Rang Undang-undang 'Hubungan Konsular' (Konvensyen Vienna) 1999 [*Tersilap membaca rang undang-undang. Seorang wakil memberi senaskah rang undang-undang yang lain*] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, salah baca rang undang-undang, kadang-kadang kita salah juga ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bawa marilah itu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kertas bill tidak ada atas meja.

Tuan Yang di-Pertua: Rang undang-undang ini telah dibentangkan dalam Parlimen pada 24 April 1999.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Oh! yang telah lama sudah dibawa balik Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya masih ingat semua cerita itu. Tetapi yang dibaca itu tersalah, cermin mata baru tukar. [*Ketawa*]

Terima kasih beri peluang saya bercakap ini. Saya bercakap tidak begitu panjang mungkin satu jam.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan konsular-konsular di luar negara sebagai penghubung negara kita Malaysia kepada negara-negara asing. Mereka ini sepatutnya mendapat latihan-latihan yang khusus untuk memberi penjelasan kepada negara-negara luar di mana mereka mewakili negara kita. Banyak masalah berlaku di negara ini telah tidak mendapat laporan-laporan yang sebenarnya di luar negara. Jadi, kita berharap iaitu pihak-pihak media Barat supaya pihak media kita untuk membuat laporan. Tetapi kita berasa sedih laporan-laporan itu juga tidak menepati apa yang kita hendak laporkan ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat – saya pernah sebut di Dewan ini berhubung dengan perkara jerebu menimpa negara ini pada tahun lepas. Setahun selepas itu gambaran-gambaran di luar negara masih menunjukkan – bahkan ada menteri mengatakan yang profesor saya berumur 72 tahun yang mana isterinya datang ke sini mengatakan di Sarawak, di Malaysia ini masih berjerebu. Bukan dia mengatakan masih berjerebu, tetapi laporan di media Barat itu mengatakan di Malaysia ini masih berjerebu. Jadi, dia memberi amaran kepada isterinya kalau datang ke Malaysia berjaga-jagalah kerana kamu sudah tua, berumur 69 tahun kena berjaga-jaga sedikit takut kena penyakit ada hubung kait dengan masalah jerebu.

Jadi, sebenarnya gambaran-gambaran yang diambil pada tahun jerebu itu berlaku masih ditunjuk di televisyen. Gambar-gambar menunjukkan mereka di luar negara. Jadi, bukanlah kita boleh mengatakan yang konsular ataupun wakil-wakil kita di luar negara mengadakan televisyen sendiri, kerana kita mungkin tidak berkemampuan berbuat

demikian. Dengan keadaan sedemikian, konsular ataupun wakil-wakil kita di luar negara mestilah mengambil satu tindakan yang khusus, mengambil satu tindakan yang rapi supaya membuat penyebaran, membuat penjelasan dengan seberapa banyak yang boleh. Janganlah konsular kita hanya hadir luncheon, dinner, tea party dan sebagainya sahaja.

Saya juga ada pergi ke luar negara mengikut wakil-wakil kita menghadiri beberapa function yang di'organise' oleh mereka dan penjelasan kepada mereka di luar negara. Tetapi kita mesti mendedahkan penjelasan yang secara khusus kita beri kepada pegawai kerajaan, kementerian-kementerian kerajaan di mana kita bertapak kepada media. Kita mesti berani bertegas mengatakan apa yang berlaku di Malaysia itu tidak sepatutnya dilaporkan sebagai perkara yang berlainan apa yang sebenarnya berlaku di sini.

Jadi, ini adalah satu kepincangan yang telah dibuat oleh pihak yang tertentu di negara asing yang mempunyai agenda-agenda mereka sendiri. Ini telah menjejaskan pertamanya industri pelancongan kita, menjejaskan imej negara kita. Walaupun kebakaran bukan berlaku di negara kita, tetapi apa yang berlaku ialah kesan pembakaran di luar negara lain telah datang ke negara kita. Tetapi malangnya telah menjejaskan keadaan di negara kita juga. Jadi, tugas dan tanggungjawab wakil kita di luar negara mestilah mengambil tindakan supaya negara tersebut di mana mereka bertugas mendapat maklumat-maklumat yang tertentu.

Begitu juga persoalan-persoalan lain, kalau kita hendak bangkitkan persoalan-persoalan umpamanya persoalan human rights, perlembagaan, undang-undang ISA dan sebagainya, perkara ini banyak dibangkitkan di luar negara. Tetapi masalahnya satu, kita melihat apabila kita sudah bertapak di luar negara, konsular kita sudah begitu global pandangannya dan pandangan rakyat Malaysia, pandangan pemimpin-pemimpin Malaysia tidak lagi menjadi satu pegangan kepada orang yang sudah menjadi rakyat dunia (world citizen) yang berpandangan global yang mungkin menerima pakai pandangan negara-negara yang mempunyai agenda politik mereka sendiri.

Umpamanya, kalau kita lihat agenda United Nations memang kita semua mengalu-alukan penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini, kerana apabila League of Nations dahulu telah gagal menangani masalah peperangan dunia pada ketika itu dan apabila League of Nations telah gagal menangani masalah-masalah perundangan antarabangsa pada ketika itu, apabila negara menang berperang pada Peperangan Dunia Kedua pada tahun 1942 lagi, ura-ura negara pada ketika itu ialah Allied Forces ataupun negara bersekutu pada ketika itu melawan exist peperangan telah berura-ura membuat penubuhan badan untuk menggantikan League of Nations sebagai satu badan to oversee apa yang berlaku di negara di seluruh dunia. Pada tahun 1942 sebenarnya deklarasi untuk menubuhkan badan Bangsa-Bangsa Bersatu telah dirancangan di Eropah.

Pada ketika itu, perundangan antarabangsa terutama sekali berhubung dengan perundangan hak asasi manusia adalah terletak di atas kebijaksanaan negara yang tersebut sama ada di Amerika, di Eropah, di England dan sebagainya adalah semua hak asasi manusia pada ketika itu ialah governed by Munciple law, undang-undang tempatan negara tersebut. Maknanya, tidak ada secara menyeluruh satu undang-undang yang dikatakan undang-undang hak asasi manusia. Jadi, itulah maka League of Nations tidak boleh mengatasi masalah pencabulan hak asasi manusia pada ketika itu.

Apabila undang-undang charter United Nations dibuat dan diguna pakai selepas tahun 1948 dan deklarasi United Nations pada 1948 untuk human rights yang mengandungi 30 artikel untuk diguna pakai sebagai menjaga hak asasi manusia kepada semua ahli badan Bangsa-Bangsa Bersatu pada ketika itu dan banyak negara yang belum merdeka dan telah merdeka menggubalkan perlembagaan mereka. Apabila perlembagaan itu digubalkan, semua penggubalan perlembagaan selepas tahun 1948 mesti memasuki ciri-ciri deklarasi hak asasi manusia yang dibuat di United Nations pada tahun 1948. Dengan sendirinya

apabila Tanah Melayu merdeka pada Ogos 1957 ciri-ciri hak asasi manusia ini yang diambil daripada ciri-ciri hak asasi manusia United Nations ataupun deklarasi Human Rights pada 1948 telah dimansuhkan oleh pihak Suruhanjaya Perlembagaan ataupun Reeds Commission pada tahun 1957 ke dalam Perlembagaan Tanah Melayu merdeka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri hak asasi manusia ataupun deklarasi hak asasi manusia pada tahun 1948 telah dimasukkan ataupun diserapkan ke dalam Bahagian Kedua Perlembagaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Jadi, dalam keadaan sedemikian penjagaan hak asasi manusia telah diwujudkan, telah bertapak dan bersemadi di negara kita ini semenjak tahun 1957 lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun, hendak bagi jalan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa hendak tanya, tahukah konvensyen ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, saya baca rang undang-undang ini. Saya nampak keistimewaan diplomatik ini hanya bertumpu kepada wang untuk diremitkan kepada negara yang berkenaan dan juga mengenai dengan tanah sahaja. Tapi ini merayau kepada seluruh dunia dengan hak-hak asasi dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu mukadimah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, mukadimah, panjang sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang sedih tengok Kepong bercakap, dia tidak faham. Undang-undang Konsular ini ialah undang-undang berhubung dengan wakil kita di antarabangsa dan sebagainya. Jadi hal diplomatik, hal ambassador dan sebagainya. Jadi kalau seorang ambassador dihantar ke luar negara dia tak faham human right, tidak faham PBB, tidak faham benda macam ini, dia tidak boleh jadi wakil. Jadi wakil rakyat pun Tuan Yang di-Pertua, kena belajar sikit-sikit benda ini. Saya boleh ajar sikit-sikitlah. Jadi oleh kerana peluang tidak ada dengan Kepong tolonglah dengar cerita saya ini. Belajar dari orang yang lebih cerdik dan pandai lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin bangun hendak minta jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan dari Batang Lupar. Ini tentang Kepong. Saya amat terkejutlah, sepatutnya Kepong lebih tahu betapa penting kita memberikan gambaran yang sebenar mengenai kedudukan sebenar negara kita di dunia sana. Sebab saya pernah menghadiri mesyuarat-mesyuarat dengan beliau di negara-negara luar dan peranan beliau amat baik sekali dari segi mengetengahkan kepentingan-kepentingan negara kita. Jadi pada pagi ini saya amat terkejut Kepong berubah sedikit. Ini mungkin kerana tidak lama lagi pilihan raya sebab agenda dia sekarang ini mungkin dah berubah sedikit.

Saya nak bertanya sama ada Kepong bersetuju hendak lelong Putrajaya. Hendak lelong semua, esok Kepong pun hendak lelong sendiri.

Saya hendak bertanya Batang Lumar, dalam suasana era dunia yang global ini melangkah ke era akan datang di mana apa yang berlaku di negara luar terus ada kesan di negara kita. Kalau dahulu apa yang berlaku di Eropah, di Amerika Syarikat kesannya mungkin dua tiga bulan hanya ada pada kita. Saya hendak bertanya kepada Batang Lumar peranan duta-duta kita, peranan konsular-konsular ini kena kaji kembali dalam suasana dekad yang akan datang, peranan mereka ini bukan sekadar dahulu hanya menjalinkan hubungan. di antara negara kita dan negara-negara asing sahaja. Tetapi kena aktif supaya perkara-perkara yang mungkin negatif diterima di sana kalau tidak dijawab dengan secepat mungkin kesannya terus kepada ekonomi kita, terus kepada rakyat kita. Sebab sekarang hubungan dengan internet misalnya, kalau dia pakai internet ini dia punya site dimulakan di Arizona, semua orang mendapat maklumat ini.

Kalau maklumat ini salah, kalau duta-duta di embassy-embassy, adakah dia mempunyai kemudahan internet, dengan izin saya bertanya, supaya kalau ada benda-benda yang salah dapat dijawab terus. Ini saya risaulah Kepong rasa ini tidak penting. Betul atau tidak, Kepong? Kalau dikatakan satu internet, saya boleh katakan Kepong hendak lelong Kepong. Hendak dijawab terus, sebab di Kepong ada FRIM termasuk dia hendak lelong hutan-hutan di kawasan Kepong. Kita boleh kata ini dakyah. Kawan saya daripada PAS itu tadi dia ini pun banyak juga dengar dakyah-dakyah dia. Dakyah dia dengar parti dia buat itu dakyah juga. Kalau dia untung dia sokonglah. Kalau masa dulu Permatang Pauh dekat sana dia lanyak beriyalah. Sekarang lain pulak lagu dan suaranya pula, sebab kepentingan pilihan raya tidak lama lagi.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Batang Lumar, adakah sampai masanya kita kaji kembali peranan duta-duta kita, peranan konsular-konsular kita dengan keadaan dunia yang berglobal, dunia yang ke arah dekad akan datang ini. Pertama tugasnya, adakah semestinya duta-duta ini dari profesional duta-duta sahaja diplomatik, kenapa tidak diambil negara-negara yang penting itu duta itu bertaraf menteri sendiri atau bertaraf kepada mungkin ahli-ahli Parlimen, mungkin Batang Lumar sendiri hendak menawarkan diri sebagai duta? Ataupun dimasukkan juga kepada pegawai-pegawai tak semestinya mereka ini datang dari kalangan diplomat tapi mereka ini dahulu mungkin Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan mengapa tidak menjadi duta di Amerika? Sebab di sana implikasinya ekonomi dan kewangan.

Kalau mereka ini berlatarbelakangkan kewangan menjadi duta kita di Amerika Syarikat, isu yang ada kena mengena dengan kita, implikasi kepada ekonomi dan kewangan kita. Kalau duta itu sendiri ada kepakaran kewangannya sebab historynya dapat menghadapi tohmahan, cabaran yang dibangkitkan oleh IMF, dengan izin. Kalau duta kita selalu main golf dengan pegawai-pegawai IMF sudah semestinyalah kalau ada unsur-unsur yang negatif seperti internet dibuat oleh parti PASKah dapat dijawab terus. Sekarang parti PAS pun sudah canggih, kadang-kadang internet pun dia buat banyak juga tetapi dia kata dia tidak buat.

Yang keduanya mengenai kemudahan. Kita dengar juga keluhan duta-duta mengenai kemudahan-kemudahan yang diberi masih lagi kemudahan sepuluh tahun dahulu. Macam mana mereka ini hendak melaksanakan kerja mereka, timbalan menteri? Surat khabar pun sampai seminggukah, surat khabar tidak semestinya dihantar secara fizikal, dia boleh download dengan internet.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Rompin, hendak berucap atau hendak minta penjelasan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini yang hendak tanya tadi, adakah Yang Berhormat Batang Lumar setuju dengan kata-kata saya tadi?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat dari Rompin dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bagi peluang dia panjang lebar bertanya

tadi. Dengar Yang Berhormat dari Kepong, dengar? Dengar orang yang bijak bertanya, pertanyaan yang valid, pertanyaan yang relevan. Saya memang bersetuju dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rompin, iaitu persoalan yang pertama dari segi knowledge. Orang yang menjadi diplomat, konsular dan ambasadur kita di luar negara. Kita sepatutnya bukan daripada peringkat sudah jadi ambasadur, konsular dan sebagainya mesti berubah bahkan daripada peringkat akademi pendidikan orang hendak jadi konsular, jadi ambasadur dan sebagainya, jadi pegawai ini mesti start daripada sekarang.

Kita melatih mereka daripada semua segi, tidak lagi kita boleh menggunakan orang yang menjadi konsular dan ambasadur ataupun pegawai, wakil kita di luar negara ini sebagai orang yang stereotype. Orang yang zaman dulu yang dianggap layak menjadi wakil rakyat yang pandai pergi luncheon, pergi cocktail dan pergi berbincang dengan niceties dan diplomasinya, itu perkara lain. Perkara yang penting ialah keadaan zaman ini, keadaan macam mana yang Yang Berhormat dari Rompin sebut iaitu di zaman dunia tanpa sempadan yang mana apa yang berlaku di negara kita dalam hutan rimba belantara kita didengar orang di Geneva, didengar orang di Washington dan di Amerika.....

Dr. Tan Seng Giaw : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu dulu, belum habis sentence ini. Duduk sekejap kawan, nanti saya akan bagi. Apa sahaja yang berlaku di mana-mana akan didapati, akan diketahui, akan didengari. Persoalannya, kadang-kadang pendengaran mereka ini betul didengar mereka tidak hendak dengar, yang salah didengar baru dia cerita. Inilah sebabnya mengapa diplomat kita, konsular kita mesti mempunyai semua ilmu yang mencukupi untuk mempertahankan kedudukan negara kita di luar negara. Saya belum habis jawapan yang pertama, ini jawapan yang kedua. Okay, bagi peluang dia bertanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat dari Batang Lupar itu dan juga Rompin, mereweng, menjelajah ke seluruh dunia, tetapi bolehkah kita tumpu kepada perhatian kepada masalah di hadapan misalnya, meremitkan cukai caj, duti dan fee atau pemegangan tanah di Malaysia. Saya tahu dia hendak panjangkan syllabus sehingga empat jam setengah, ada dua bil yang kena mengena dengan diplomatik. Kalau tidak, pembangkang akan timbul. Itu masalahnya sekarang tetapi kita hendak isi kandungan yang benar. Menteri yang baru mesti boleh sahkan. Ini isi kandungan ada sini, tak payah kita menjelajah ke seluruh dunia, masa itu emas di sini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Masalahnya Yang Berhormat, saya nampak DAP ini, saya kadang-kadang rasa sedih. Kalau benda yang kita buat, macam cerita pagi ini juga, cerita hal Bakun yang daripada PAS dan sebagainya. Kalau kita buat, menteri jawab, kalau kita buat, kita kata perbuatan itu salah juga. Kalau kita tidak buat kita tidak bersedia kata dia. Jadi, kalau kita hendak bincang perkara ini kita narrowed it down to a very narrow margin, dia kata salah juga. Tetapi kalau kita cakap lebarkan perkara ini biar skop dia banyak semua sekali berhubung dengan soalan diplomacy dan ambasadur kita di luar negara dia kata salah juga, memang tidak boleh dengar. Kita buat betul pun salah, kita buat salah lebih lagi. Ha! Itulah you tu.

Kalau hendak dapat kredibiliti Yang Berhormat, memang credible character, mesti tunjuk you boleh dipercayai dan sebagainya. Kalau tak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, saya ingin mendapat penjelasan daripada sahabat saya daripada Batang Lupar. Adakah kita tidak menyedari

bahawa kebelakangan ini Malaysia amat diasak oleh satu gerakan daripada luar untuk memburuk-burukkan negara kita daripada luar dan adakah tidak mungkin bahawa Malaysia sebagai satu negara merdeka perlu memanggil seluruh diplomat asing, perwakilan asing di dalam negara yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Kalau dia ada consular office di Pulau Pinang, Kuching, Sabah, panggil semua sekali. Kita jelaskan bahawa apa yang berlaku dalam negara kita adalah urusan kita dan apa yang berlaku sebenarnya adakah benda yang benar dilakukan.

Saya mendapat maklumat masih lagi ada diplomat-diplomat asing yang hari ini tidak mahu mengakui bahawa kegawatan ekonomi yang berlaku dalam negara adalah berpunca daripada luar. Dia kata adalah kesilapan rakyat Malaysia. Jadi adakah kita mahu mengambil satu exercise menjalankan satu gerakan untuk memurnikan minda seluruh perwakilan asing dalam negara mengenai perkara yang berlaku. Keduanya adakah tidak wajar untuk disiapkan satu policy papers, seluruh dasar Malaysia yang ada dalam negara ini yang masih lagi relevan kepada pembangunan negara pada hari ini, kita serahkan kepada seluruh perwakilan asing dalam negara supaya mereka dapat memahami apa yang kita lakukan adalah perkara yang close demi kemerdekaan negara dan demi untuk mempertahankan hak asasi manusia Malaysia itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya punya perbincangan, Tuan Yang di-Pertua, saya akan tinggalkan di belakang, saya hendak jawab soalan dahulu. Jadi soalan Yang Berhormat daripada Parit Sulong sebelum saya terlupa, soalan dia saya setuju. Oleh kerana inilah satu pendekatan yang biasa dibuat, ini bukan di negara kita sahaja, di mana-mana pun. Apabila Amerika bom embassy China di Belgrade oleh pihak NATO, China pun panggil Ambassador Amerika di China untuk menyerahkan protes mereka.

Jadi ini memang perbuatan yang biasa, satu convention, international convention diguna pakai oleh pihak negara-negara luar dan kita sekarang bukan diserang secara bom, secara fizikal dan sebagainya. Kita diserang secara media secara intangible, secara tidak nampak, secara ekonomi, secara macam-macam lagi kereh dan tingkah laku untuk menyerang negara kita. Jadi, sepatutnya kita mesti membuat satu perspektif yang betul, menunjukkan hala yang betul memberi penjelasan yang sepuh-penuhnya kepada pihak-pihak wakil negara luar ke negara kita sama ada lawan ataupun kawan, mesti kena bagi satu penjelasan yang khusus, satu penjelasan yang jelas supaya mereka mengetahui apa sebenarnya berlaku.

Baru-baru ini saya baca yang berhubung dengan Laureate yang buat satu seminar di Singapura berhubung dengan keadaan kewangan dan ekonomi negara kita, Misamilla yang dibantah oleh Timbalan Gabenor Negara kita dalam surat khabar pagi ini tadi yang mengatakan pendapat Laureate itu adalah tidak tepat, tidak betul. Orang yang dapat Nobel Laureate pun buat kesalahan, inikan pula yang wakil negara daripada luar negara biasa sahaja. Jadi saya bersetuju Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita mesti buat satu program agar semua wakil luar negara sama ada ambassador, consular, charge d'affaires ataupun apa sahaja wakil luar negara, kita kena panggil dia, bukan kita hendak marah, kita tidak marah, kita minta kerjasama daripada merekadan diberi penjelasan dengan sepuh-penuhnya keadaan ekonomi negara kita, keadaan politik negara kita, keadaan sosial negara kita.

Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, mereka ada mata, tidak pandang, ada telinga tidak dengar, ada hati tidak ada perasaan. Itulah mengapa apa yang berlaku sedikit disebar seluruh negara dengan menunjukkan macam negara- kita Malaysia ini terkucak-kacir. Jadi, penjelasan perlu diberi agar mereka ini faham dan mengetahui sebenarnya.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu penjelasan. Kadang-kadang orang yang menyerang dari luar ini mereka tidak dapat menyerang sewenang-wenangnya melainkan mereka ada ejen-ejen di dalam negara kita

sendiri yang bekerjasama untuk mencari kepentingan parti politik ataupun badan-badan mereka. Sebab itu mereka memberi pertolongan membenarkan orang luar ini masuk mencerooboh ke negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, ini panjang cerita. Saya, sebulan lepas, di Sarawak, budak-budak sekolah mengadakan satu pertandingan debat. Salah satu daripada persoalan yang dibangkitkan ialah soalan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jadi salah seorang daripada anak daripada sekolah ini tingkatan 5 mempersoal kepada saya agenda-agenda tersembunyi. Jadi saya kata memang banyak agenda tersembunyi. Pertama, ialah negara besar, oleh kerana menakluk secara halus negara-negara kecil yang boleh dihentam.

Yang kedua, orang dalam negara yang kena hentam ini ada pula dalang-dalang yang tertentu, tali barut yang tertentu yang hendak kerjasama untuk mempromosikan agenda-agenda tersembunyi ini, agenda yang dilaksana secara halus ini di negara kita. Jadi, memang keadaan politik yang tidak menekankan kepentingan negara, kepentingan rakyat, kepentingan agama, kepentingan semua seluruh negara ini sendiri adalah satu kemahuan orang luar. Jadi, barangsiapa yang mengikut agenda-agenda ini bermakna dia telah menjadi tali barut kepada orang luar untuk menjalankan agenda politik mereka, agenda tersembunyi mereka di negara kita.

Jadi, orang yang jadi pemegang ataupun mana-mana sahaja orang sama ada dalam parti ataupun tidak dalam parti mesti memahami apakah pendirian, apakah pendekatan, apakah kemahuan negara ini untuk kebaikan orang dia sendiri, rakyat kita sendiri untuk mentadbir kita sendiri, tolonglah jangan take the security safety stability negara ini for granted. Saya baca laporan ataupun apa yang terkeluar pada pagi ini dalam Straits Times, Tuan Yang di-Pertua. Soal lima doktor kita yang pergi ke Kosova - saya tidak guna Kosova kerana orang Kosova tidak hendak nama itu Kosova, Kosova itu sebab ianya Serb, Serb yang bagi nama Kosova, jadi orang Kosova sendiri kata nama dia K-O-S-O-V-A, Kosova. Serb bagi nama K-O-S-O-V-O. Jadi saya gunakan Kosova, sebab orang Islam Albania yang guna.

Jadi dia laporkan keadaan yang begitu sedih sekali yang begitu mencuit sekali perasaan. Saya sendiri merasa hampir menangis, Tuan Yang di-Pertua, macam mana keadaan yang berlaku di Kosova itu yang touch feeling kita, perasaan kita.

Jadi, inilah keadaan kata doktor itu, saya menjadi orang yang telah bertukar perasaan, mungkin dahulu dia berperasaan macam DAP, macam PAS. Sekarang dia telah bertukar iaitu kepentingan untuk stability, kepentingan untuk task social yang baik, keadaan apa yang berlaku di negara kita ini, keamanan di negara ini adalah yang utama sekali untuk dipertahankan, apa sahaja benda lain umpamanya hendak menggunakan human right, hendak kata environment, apa sahaja benda yang macam begitu, walaupun daripada badan-badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, daripada pandangan mereka yang beragenda sendiri, daripada pandangan-pandangan mereka telah 200 tahun menganiaya bangsa manusia di dunia ini, sekarang baru to make amend kepada penganiayaan mereka 200 tahun. Make amend buat satu undang-undang, semua negara mesti ikut cara dia. Tetapi 200 tahun dahulu sepanjang 200 tahun dia menganiayakan bangsa manusia, makhluk Allah di dunia ini. Tetapi kita baru 40 tahun merdeka sudah hendak ikut cara mereka, ini satu agenda yang kita tidak boleh terima begitu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Jadi konsular kita, ambassador kita atau apa sahaja wakil kita di luar negara mesti kenal pendirian kita, pendekatan kita dan kemahuan kita untuk mempertahankan kestabilan politik, ekonomi dan sebagainya di negara ini mesti diberi penjelasan kepada wakil-wakil ini dan mesti digunapakai di luar negara, kita kena mempertahankan do not apologize dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, atas pendirian kita kerana kita mempertahankan negara

kita. Kalau negara kita kucar-kacir, siapa yang rosak, kalau negara kita ekonominya terjejas, siapa yang bertanggungjawab, kita bukan mereka. Kita tidak minta duit dengan mereka, kita tidak minta peruntukan daripada mereka untuk menjaga negara kita.

Jadi saya berharap, pihak ambassador kita, konsular kita mesti diberi latihan yang berlainan daripada latihan-latihan dahulu, kita tidak bolehlah tersenyum sahaja menunjukkan muka yang baik (smile all the way), kita terima yes sir, yes sir three bags full. The wisdom is all from the west and not from east. Itu tidak dapat diterima lagi, Tuan Yang di-Pertua, wisdom, memang global, apa yang baik di negara kita, that is our wisdom, at is our country, dengan izin. Kita tidak boleh terima sebulat suara apa yang dikatakan di sana mesti baik, semuanya baik. Saya bersetuju kalau digunakan betul-betul daripada hadis dan Quran tetapi jangan diselewengkan hadis dan Quran oleh kerana politik. Seperti mana hak asasi manusia telah diselewengkan oleh kerana agenda terselit negara-negara besar.

Jadi, ini satu dan yang kedua pertanyaan Yang Berhormat dari Rompin tadi Tuan Yang di-Pertua. Persoalan mengatakan kedudukan konsular dan ambassador kita di luar negara, saya tidak banyak melawat, ada sedikit sahaja. Saya pergi Australia, balik daripada Russia, Amerika, Kanada ada juga yang baik, saya mengucapkan Alhamdulillah kepada wakil kita di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, guna strange car iaitu kereta panjang, tidak pernah nampak di sini, ada sedikit sahaja kereta panjang, mereka guna kereta besar yang panjang, kita pun rasa bangga wakil kita menggunakan kereta yang baik. Tetapi bila sampai ke Russia, Tuan Yang di-Pertua, apabila pegawai hendak bawa orang kita keluar saya tengok kereta pun saya susah hati, di sini orang yang hendak angkat ikan ataupun angkat sayur daripada pasar borong ke pasar runcit menggunakan kereta seperti itu, van yang buruk. Tetapi embassy kita telah wujud di Russia semenjak tahun 1980-an, kenapa peruntukan tidak boleh diberi, tidakkah ini mencerminkan Malaysia ini maju, Malaysia ini kaya, Malaysia ini mampu memberikan kemudahan-kemudahan yang baik kepada wakil-wakil di luar negara.

Kita kena tunjuk sedikit benda-benda dan kemudahan-kemudahan yang baik kepada mereka, setaraf dengan kedudukan negara kita kalau kita boleh bina bangunan Petronas yang begitu canggih dan tinggi, bangunan yang begitu besar, tertinggi di dunia kenapa pula tidak boleh hantar Proton Perdana ke Russia untuk diguna oleh pegawai-pegawai kanan kita di Rusia. Begitu juga di seluruh Malaysia, hantarkan kereta-kereta Proton Perdana kita yang indah dan molek itu ke negara-negara luar, hantarkan ke sana, kalau tidak ada suruh mekanik kereta, ini pun kereta semua orang boleh buat, semua orang boleh check.

Jadi kemudahan bukan kereta sahaja tetapi banyak benda lain umpamanya tadi surat khabar, macam mana orang di embassy hendak tahu, apabila sesuatu berlaku di Malaysia. Saya bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang menjadi ketua pergi ke Russia, ke Moscow, saya tanya "Datuk sudah terima laporan daripada Malaysia, apa cerita yang berlaku". "Saya pun belum terima" katanya. Tanya dengan embassy belum terima, jadi macam mana kita hendak mempromosikan apa berlaku di Malaysia, macam mana kita hendak mempertahankan kedudukan kita di Malaysia kalau embassy kita tidak menerima laporan seperti apa yang berlaku di sini, juga diketahui dan dikenali di sana.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memang selalu bercakap mengenai hal ini, dahulu apabila hendak membeli bangunan di New York dan juga rumah kediaman untuk ambassador di Egypt juga saya sebutkan, kita kena memperbaiki dan meningkatkan peruntukan-peruntukan untuk kemudahan-kemudahan wakil-wakil kita di seluruh negara bukan sahaja itu tetapi kemudahan-kemudahan canggih yang sejajar, selaras dengan keadaan masa sekarang.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi saya belum habis jawapan tadi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Cerita saya pun belum habis, nanti ada cerita yang cerdik-cerdik sedikit boleh berdiri nanti fikir dahulu, duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk Yang Berhormat, dia tidak tidak beri jalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk dahulu, saya tahulah awak cerita hal kulit, hal benda macam itu, jadi soalan undang-undang, PBB ataupun Vienna Convention, I think something alien to you, benda asing.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan kemudahan-kemudahan yang canggih umpama di masa dunia global, di masa kesan tangisan di Kosovo boleh didengar di Malaysia dalam sekelip mata. Peruntukan dan kemudahan di embassy itu sendiri, pegawai dan latihan diberi kepada pegawai-pegawai embassy itu sendiri mestilah sejajar dan seiringian dengan kemajuan dan perubahan di dunia yang ada sekarang ini. Barulah orang di setiap embassy di seluruh dunia, kalau kesan Japanese Encephalitis sudah hilang, kesan haze sudah hilang dan kesan apa sahaja yang dibuat tuduhan oleh pihak media Barat telah hilang. Kita mesti menerima kehilangan itu di semua embassy dan embassy mesti mengambil tindakan yang khusus supaya masyarakat di negara mana mereka bertapak mendapat maklumat-maklumat yang terkini dan mutakhir.

Jadi, kalau kita tidak buat macam itu bermakna wakil kita hanya membuat benda yang pernah dibuat semenjak kita merdeka pada tahun 1950-an dahulu, Niceties and Diplomacy. Jadi, persoalan kebijaksanaan dan pendidikan itu juga mesti ditekankan, sebagaimana Yang Berhormat dari Rompin, memang saya setuju. Orang kita mesti kenal persoalan ekonomi kerana ini orang tidak hantar perang lagi, jarang-jarang walaupun NATO hentam Belgrade, saya setuju mereka hentam Belgrade, yang saya tidak setuju mereka hentam Embassy China, itu sahaja. Sekarang zaman peluru smart weapon, tidak mungkin orang boleh bom tempat-tempat yang macam itu. Mereka sengaja bom, buat pasal, mereka hendak tunjuk, mereka hendak cari cara sama ada China berani react ataupun tidak berani react.

Yang Berhormat kena analyze semua benda macam ini, perkara yang berlaku di dunia, jangan jadi Yang Berhormat duduk di Kepong tidak sedar diri, duduk di Kepong terkepong, terkepong badan dan minda, jangan Yang Berhormat. Di dalam kita memajukan agenda-agenda seumpamanya agenda United Nation, kita kena selidiki apa yang baik untuk negara ini bukan semuanya baik untuk negara lain, apa yang baik di Amerika bukan bermakna baik di Malaysia kerana mereka telah menindas orang-orang lain. Dahulu Yang Berhormat semasa penjajahan, awak baca sejarah dahulu dan kenalkan sejarah ini

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, beri peluanglah

Dr. Tan Seng Giaw: Ini kali yang pertama saya minta penjelasan, hampir sudah setengah jam, saya tidak ada mendengar apa yang bernas mengenai rang undang-undang, apakah masalah Yang Berhormat dari Batang Lupa ini. Saya pun hendak mengambil

bahagian juga. Saya tidak akan mengambil masa lebih daripada lima minit kerana ini hanya memberi kuasa kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk meremitkan caj, fees dan cukai-cukai sahaja untuk memberi kuasa kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memberi pegangan tanah sahaja kepada duta-duta negara asing, itu sahaja di dalam, tetapi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya minta Yang Berhormat Menteri yang baru untuk membantu dia supaya beliau faham apakah yang hendak kita bahas sekarang dan parit yang sulong pada dahulunya mengantuk saya tengok, kemudian dia tengok rakannya dikepong oleh saya, dia bangun dan sebagai Ketua Backbancher, memang mesti memberi nasihat dan garis panduan yang tepat.

Dr. Tan Seng Giaw:dan sebagai ketua back bencher memang mesti memberi nasihat dan garis panduan yang tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat kita ada banyak masa. Kalau kita tidak beri masa, Kepong pun tidak senang hati juga. Kita ada masa, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Ketawa] Saya bagi peluang hendak dengar. Kadang-kadang kata orang kalau kita suruh dia diam, orang tidak tahu. You know, allow people to be silent, you tidak tahu sama ada cerdik ataupun bodoh tapi kalau dia sudah buka mulut, jadi kita tahulah bodoh ataupun cerdik. Jadi, kita biarlah dia. Kalau kita dengar cerita, hendak bincang soal duit, tidak perlu bincang Yang Berhormat. Kalau tidak perlu table undang-undang ini dalam Parlimen ini pun Yang Berhormat, saya ingat dia buat usul. Dia akan buat usul undang-undang ini yang tak perlu dibincang di Parlimen. Dia marah, DAP yang buat.

Saya sudah sebutkan tadi, kita buat yang betul pun salah, kita buat yang salah, lebih lagi. Tapi kita tidak pernah buat salah pun. Kita tidak pernah buat salah. Pandangan dan persepsi mereka sahaja yang mengatakan salah. Tapi Yang Berhormat, kalau kita hendak lihat, pandangan Yang Berhormat, you tengok embassy daripada luar negara datang beroperasi di negara kita, mereka kadang-kadang buat kerenah sendiri, dia ada politik sendiri. Apabila dia sampai ke sini, dia buat satu kerenah, dia buat spying dan sebagainya, dia lapor balik ke negara mereka sendiri. Kadang-kadang ini pun berlaku Yang Berhormat.

Jadi, kalau you tidak ambil tindakan perkara macam ini Yang Berhormat, kalau ambassador daripada luar negara tidak diberitahu, janganlah buat sabotaj negara ini sama ada dari segi politik, military dan sebagainya. Buat Yang Berhormat. Kalau you banyak baca buku, ada satu buku nama *Central Option* dan sebagainya, ada laporan-laporan dari penyelidik-penyelidik Amerika, bagaimana penglibatan mereka dalam sabotaj ataupun penjenayah-penjenayah luar negara Amerika sendiri. Mereka buat Yang Berhormat. Jadi, perkara ini kita kena sebut, kita kena cakap. Bukan cerita hal duit sahaja. Kata, ini minta remitting duit daripada ini, habis cerita. Jangan cakap, sudah. Yang Berhormat juga marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Bagan bangun. Point of order.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, 36(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baik.

Tuan Lim Hock Seng: Boleh saya baca. Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk hanya perkara-perkara yang berkaitan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan dibahas dan tidak kepada

perkara-perkara yang melibatkan Akta Induk. Jikalau Tuan Yang di-Pertua hendak menjadikan ini satu amalan atau satu contoh di mana semua boleh dirangkumi, maka sebentar lagi apabila rang undang-undang yang lain timbul, kita akan merata-rata atau merayau-rayau ke lain-lain tempat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya dengar ucapan Yang Berhormat dari Batang Lupar, dia tidak merujuk kepada akta induk. Yang itu akta induk. Dia merujuk kepada perkara-perkara yang begitu luas yang ada kaitan saya rasa dengan bil ini sungguhpun dia quite remote tapi ia ada kaitan. Dia tidak merujuk kepada akta induk Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat. Benarkan saya membaca huraian iaitu Fasal 4, iaitu memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Bagan.

Tuan Lim Hock Seng:supaya melimit kepada apa-apa caj dan cukai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masalahnya dalam bil macam ini, perbincangan dasar, saya nampak semua Ahli pun menyentuh perkara-perkara yang

Tuan Lim Hock Seng : Kalau boleh abaikan Peraturan 36(1).....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang tidak dibenarkan, ia menyentuh kepada akta induk. Walau bagaimanapun, saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat perbincangan, biarlah perkara-perkara yang ada kaitan dengan bil ini yang disebut. Tapi perkara-perkara yang remote, yang terlalu jauh sangat, jangan bawalah. Ya, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua . Yang Berhormat memang begitu. Kadang-kadang dia merapu, mana-mana pun pergi, dia okay tapi bila orang lain cakap begitu, itu yang dia marah. Marah ini dia gunakan Peraturan Mesyuarat. Dia baca buku peraturan itu pun salah juga. Tuan Yang di-Pertua sudah beri ruling pun, dia tidak dengar juga. Ini salah. Bacalah buku itu. Kalau Tuan Yang di-Pertua sudah beri satu keputusan, you tidak boleh bantah, muktamad keputusan itu. Ha...dengar itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya. Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jangan duduk jadi Ahli Dewan Rakyat ini tidak tahu undang-undang. Jadi saya tahu, ini semua apa yang saya sebut semua ada hubung kait dengan konsular dengan persoalan peribadi dan kemudahannya dan persoalan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai konsular di luar negara, wakil kita di luar negara. Dia perlu belajar dari segi politik, sosial dan ekonomi negara ini untuk mempertahankan kedudukan negara dan mempertahankan peribadi mereka. Kalau dia tidak terima gaji daripada kerajaan, tidak perlu buatlah, bukan wakil negara. Daripada itulah, berbangkitnya tanggungjawab dan perhubungan apa yang saya bincangkan.

Itulah perhubungannya banyak, Yang Berhormat. Jadi, jangan ingat ada perhubungan itu sejauh mana sahaja sebab kalau kita hendak bincang daripada satu narrow perspective sahaja, Yang Berhormat sendiri pun tidak boleh buat kerana ketua Yang Berhormat, big boss Yang Berhormat, Ketua Pembangkang itu bercelaru juga nanti. Jadi, kalau orang cakap, ikut macam saya ini yang betul-betul, Yang Berhormat hendak kritik. Tunggulah Ketua Pembangkang bercakap, yang sibuk-sibuk nanti, itu nanti disebutkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, persoalan diplomasi ini memang banyak kita hendak perbincangkan oleh kerana soalan diplomasi, soalan dasar, soalan politik dan sosial kita adalah soalan di negara ini. Apa sahaja perkara yang berlaku di negara ini, pihak yang mewakili kita perlu tahu dan memahami daripada mana kita, pendekatan kita dan sebagainya, kita kena faham dan persoalan Bangsa-Bangsa Bersatu, Konvensyen Vienna ini, perlu faham apa sebenarnya Konvensyen Vienna ini dan apakah immunity dan kedudukan dan keutamaan yang patut, boleh diberi oleh Konvensyen Vienna kepada wakil-wakil negara dan sebagainya.

Jadi, perkara ini perlu kita sebut. Kalau ada perkara yang kadang-kadang hendak kita tunjuk kepada kementerian, constructive criticism yang kita hendak sarankan kepada kementerian supaya dibawa kepada kerajaan dan diimplementasikan oleh kerajaan, ini memang tugas dan tanggungjawab wakil rakyat yang duduk di Parlimen yang mulia ini untuk memperbincangkannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang pula bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, kalau kita tidak berbuat sedemikian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang bangun ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar daripada mula sahabat saya bercakap, saya tengok pembangkang banyak kacau. Tadi yang dia banyak jawab itu, penjelasan. Pointnya, saya ingat memang relevant dengan apa yang kita bincang. Jadi, dulu waktu boss dia bercakap pasal Akta Bank Pertanian lagi panjang berjela, keluar topik langsung. Dia tidak bangun pun betulkan boss dia. Bila orang lain salah baru dia nampak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pendapat oleh kerana banyak sangat pembangkang terutamanya DAP kacau Yang Berhormat bercakap, mungkin mereka ini lebih suka kalau konsular kita di luar negeri ataupun duta-duta kita tidak menjalankan tugas dengan baik, apabila negara kita ini diberi gambaran yang negatif di luar negara, maka ini merupakan satu advantage kepada mereka kerana mereka lebih suka negara kita ini diberikan satu gambaran yang tidak baik di luar negara dengan harapan mereka boleh menanggung di air keruh. kerana ini memang tabiat pembangkang, apa sahaja isu yang boleh mengambil kesempatan kepada mereka, mereka akan menjadi hero.

Jadi, sebab itu mereka mungkin tidak berapa suka cadangan-cadangan bernas daripada Yang Berhormat untuk memperbaiki keadaan kedutaan kita di luar negara dengan apabila cadangan Yang Berhormat tadi boleh dilaksanakan, saya yakin bahawa kewibawaan negara kita, nama baik negara kita akan lebih cemerlang di luar negara. Tidakkah Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya bahawa pembangkang lebih suka imej negara kita ini lebih buruk di luar negara kerana mereka boleh menanggung di air keruh kalau perkara ini berlaku.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang betul Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah melihat daripada sejarah, apabila masalah pembalakan di Christmas Island berlaku, pembangkang menceritakan hal ini di Dewan, mereka pergi juga ke sana, mereka tidak ceritakan apa yang sebenarnya berlaku. Dia menunjukkan supaya blame berlandas apa yang berlaku di Christmas Island itu dilonggokkan kepada Kerajaan Malaysia, walaupun perkara itu adalah perbuatan syarikat berasingan. Syarikat yang mana pihak Kerajaan Malaysia tidak ada buat, tidak ada control pun.

Apabila berlaku Lim Guan Eng masuk jail, Ketua Pembangkang pergi ke IPULah, pergi buat tuduhan yang melulu dan sebagainya. Tetapi kalau beribu-ribu orang sudah

melakukan kesalahan di negara ini masuk jail oleh kerana kesalahan mereka yang sepatutnya mereka patut dijail, masuk dalam penjara, tidak ada pun perbuatan apa-apa tapi bila Lim Guan Eng masuk jail.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan bangun lagi Yang Berhormat

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi satu agenda yang besar dalam IPU.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan bangun Yang Berhormat. Point of order Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap ya.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:jadi satu agenda yang besar dalam eye view.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, point of order, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, masih lagi...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak jawab soalan ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Biar dia sebutkan dahulu, Yang Berhormat, beri dia sebutkan.

Tuan Lim Hock Seng: Peraturan 36(1). Mungkin di sini kita ada dua rang undang-undang, Tuan Yang di-Pertua. Satu, meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999, lagi satu sebentar lagi DR 15/99, itu baru ada berhubung kait dengan hubungan jawatan konsular. Ada dua rang undang-undang. Kita sedang membicarakan satu rang undang-undang – DR 2/99 iaitu berkaitan dengan dua fasal sahaja. Jangan merayau-rayau, kata orang tidak faham, dia sendiri pun tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita punya pengalaman dalam Dewan ini, kadang-kadang perbincangan itu kita tidak boleh tumpukan terlalu khusus kepada seksyen itu sahaja. Dalam seksyen-seksyen tertentu itu yang fasal-fasal itu dalam Jawatankuasa. Jadi, pada dasar ini biasanya perbincangan kita begitu meluas sekali terutama kepada dua bil yang ada kaitan. Saya rasa dua bil ini memang ada kaitannya, jadi, saya sebagai Yang di-Pertua tidak boleh menegah mereka menyentuh perkara-perkara yang luas kerana ini ucapan dasar, Yang Berhormat, kecuali kalau benda yang disentuh itu tidak ada kait-mengait langsung dengan akta yang ada sekarang tetapi saya perhatikan ada kaitannya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas penjelasan dan bimbingan Tuan Yang di-Pertua itu. Saya memang sentiasa akur, Barisan Nasional memang biasa akur. Yang tidak akur dia orang. Jadi, saya hendak jawab juga soalan kawan saya, kalau saya tidak jawab susah juga, kenapa soalan ini, walaupun

terkeluar sedikit' kena dijawab. Jadi, jawapan saya memang ini satu agenda parti pembangkang. Apa yang buruk orang luar tuduh negara ini dia tidak hendak buat penjelasan, bahkan dia lebih suka kalau wakil kita di luar negara itu tidak pandai membuat penjelasan, tidak mahu buat penjelasan, bahkan ambil tindakan yang mungkin akan menjejaskan kedudukan negara kita. Ini yang dia mahu kerana dia orang ini menangguk di air yang keruh, kalau air tidak keruh pun dia buat keruh supaya dia senang tangguk. Jadi, kita tidak hendak, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak air jernih dan tenang supaya 'Bujang Senang' tidak boleh tangkap. Jadi, dia orang ini jahat, jadi saya tidak hendak perkara ini berlaku. Saya berani mempertahankan kedudukan saya, apa yang saya sebut tadi adalah betul iaitu kalau perkara itu perlu penjelasan, kita kena beri penjelasan. Jadi, persoalan Yang Berhormat itu memang saya setuju. Itu sebab dia tahu, dia tidak boleh jawab lagi itu.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan-persoalan yang disebutkan tadi memang relevan dengan apa yang saya sebutkan dan jangan, umpamanya apa yang berlaku sekarang. Baru sekarang ini menjadi satu isu yang hangat di Singapura – perbincangan hangat di Parlimen Singapura membahaskan persoalan Masjid Kampung Gelam yang mana semua orang Melayu, wakil rakyat sana digunakan oleh siapa saya tidak tahu. [Disampuk] Ha, Istana Kampung Gelam. Saya tidak tahu kenapa pula orang Melayu itu berbincang, yang kita ini, kita bincangkan perkara yang relevan kerana orang Melayu sepatutnya memang berperasaan apabila perhubungan heritage orang Melayu itu terkena ataupun terancam di mana-mana sahaja. Kalau apa yang berlaku di negara kita ini – seekor anjing mati terbunuh, SPCA dari Amerika itu sibuk, kita tidak buat apa-apa, ini heritage kedudukan zaman Istana Kampung Gelam itu di mana orang Melayu mula bertapak itu tidak boleh dibincangkan, tidak boleh dikritikkan, siapa mereka ini, janganlah buat kesalahan. Jadi, benda macam ini kita kena peka dan kita kena ambil tindakan dan berbincang.

Kita bukan hendak serang Singapura, kita hendak aturkan sedikit benda yang salah. Jadi, kalau ada orang Melayu di sini sama ada badan korporat ataupun persendirian ataupun wakil rakyat menyuarkan perkara ini, janganlah dimarahkan. Begitulah kalau diplomat kita atau ambassador kita di Singapura mesti memberi penjelasan kenapa orang Malaysia rasa terkena apabila masalah persoalan Istana Kampung Gelam itu dibangkitkan oleh pihak televisyen.

Jadi, benda-benda macam ini kita kena tahu, maknanya perhubungan di antara Malaysia dengan ambasadornya di luar negara kena immediate, apabila berlaku dia kena sedar perhubungan dua hala. Mereka mesti memberi laporan balik kepada Wisma Putra apa yang berlaku di luar negara supaya Wisma Putra boleh memberi arahan apakah tindakan-tindakan dan susulan yang perlu dibuat. Ini semua perhubungan dua hala di antara embassy ataupun wakil kita di luar negara, mesti dibuat dengan baik dan teratur supaya dasar-dasar pendirian dan pendekatan kita disalurkan kepada pihak mereka dan mereka pula boleh memberi laporan apa susulan dan tindakan dan apakah kesan tindakan mereka dan apakah bantuan yang perlu daripada negara ini untuk menyokong tindakan dan maklumat yang telah mereka beri kepada negara mana mereka bertapak.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak lagi hendak cerita. Oleh kerana ada seorang, dua kawan hendak bercakap, saya menyokong rang undang-undang ini dan saya berharap apa yang saya sarankan ini diambil tindakan terutama sekali kemudahan dan sebagainya bagi pihak wakil-wakil kita di luar negara itu dipertingkat dan diperbaiki.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Sri Aman pula bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: untuk mencerminkan imej negara kita. Terima kasih.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sudah habiskah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tadi ada yang minta penjelasan di sebelah situ.

Tuan Jimmy Lim: Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lumar. Dapatkah Ahli Yang Berhormat dari Batang Lumar mengesakan unsur-unsur cultural cleansing dalam tindak-tanduk Kerajaan Singapura terhadap orang di Kampung Gelam itu untuk menghapuskan kebudayaan mereka?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini memang soalan yang canggihlah, bukan immediate connection, dia kata cultural cleansing. Ini satu perkataan terminologi amat baru kepada kita tetapi benar. Mula-mula Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak cleans orang itu, mula-mula kita hilangkan culturenya, nombor dua kita hilangkan agamanya, lepas itu baru kita assimilate dia kepada society itu, dengan sendirinya society itu akan jadi satu society yang kita mahu dan culturenya hilang, agamanya hilang dan sebagainya hilang. Ada berkemungkinan, saya berpendapat ada berkemungkinan kehilangan tapak dan tempat Istana Kampung Gelam itu adalah satu proses panjang untuk menghilangkan culture, adat-istiadat, budaya Melayu, mungkin juga agamanya akan keciciran pada masa yang akan datang. Itu tidak tahu tetapi berkemungkinan kerana prosesnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada dahulu lagi macam mana pihak assimilation mana-mana negara yang dijajah dan sebagainya, mula-mula kita hilangkan agamanya, praktisnya, culture, custom, undang-undangnya kita hilangkan. Lepas itu kita masukkan agama, custom dan kemahuan kita kepada society itu, dengan sendiri menjadi satu bangsa dan satu society, macam mana yang berlaku di West, sama ada kita terima ataupun tidak memang macam itulah.

Ada seorang hamba Allah bertanya dengan saya kenapa pula kita tidak berpendirian sebagaimana di Amerika dan di England. Saya jawab macam ini dengan dia, dia sorang peguam – cerdik, pandai, terlatih dari England juga. Saya kata dengan dia macam ini, “Semasa you pergi ke England, the first thing you buat ialah total submission kepada language and culture orang England tetapi kalau orang datang ke Malaysia, you hendak tunjukkan language and culture you sendiri, jadi tidak ada penerapan, you hendak buat ini, buat itu di Malaysia as if you want to bring your culture sampai ke Malaysia ini berlainan daripada culture orang Malaysia, mana you akan bercanggah tetapi kalau you pergi ke England, pergi ke Perancis, pergi ke Amerika, culture itu you terima, you buang semua culture you sendiri, betul patutlah dia baik, patutlah tidak ada masalah tetapi kalau you sampai ke sini, you hendak introduce culture you sendiri, memang ada percanggahan. Jadi, itu assimilation of society itu di negara Barat telah berlaku dan mungkin akan diamalkan di Singapura untuk menghilangkan semua bangsa lain dan mewujudkan satu bangsa Singapura yang mempunyai satu culture sendiri yang mengketepikan sama adat dan budaya lain.

Saya kurang jelas dan kurang faham tetapi berkemungkinan, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

12.20 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma menumpu kepada beberapa perkara. Yang pertamanya, mengenai kuasa yang diberi kepada Yang di Pertuan Agong untuk meremitkan cukai, caj, duti atau fee yang dikenakan kepada duta-duta orang asing dan di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat apakah pandangan Malaysia mengenai duta-duta dijadikan sebagai sarang pengintip dan sebagainya. Ini memang satu perkara yang sering berlaku sama ada di negara ini bahkan juga di seluruh dunia. Kedutaan dijadikan salah satu sarang untuk mengintip dan sebagainya.

Saya sebutkan hal ini kerana sering kali kita dengar bagaimana pihak luar negara dapat maklumat daripada negara ini dan digunakan untuk merosakkan negara itu dan perlulah kita dapatkan satu penjelasan daripada pihak kementerian apakah dasar negara mengenai hal seumpama ini.

Yang keduanya, bolehkah Yang Berhormat menerangkan jumlah wang untuk diremitkan setiap tahun di negara ini. Ini bermakna kita mesti tahu bilangan mission yang diadakan di tanah air kita sama ada kedutaan ataupun conselory dan sebagainya di seluruh negara. Bolehkah Yang Berhormat berikan maklumat yang lebih terperinci supaya kita faham apakah kegiatan negara asing di dalam negara ini. Akhir sekali mengenai pemegangan tanah kuasa yang diberi kepada pihak duta asing.

Tuan Yang di-Pertua, apakah setakat ini kerana walaupun di Konvensyen Ghiana ini yang disebutkannya, apakah sebenarnya yang disebutkan di dalam konvensyen mengenai tanah-tanah yang diberi pegangan kepada orang asing sama ada di Malaysia ataupun di seluruh dunia. Sebab itu tidak disebutkan di sini apakah sebenarnya yang kita bahaskan di sini dan bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat mana keluasan tanah yang setakat ini diberi kepada duta-duta asing di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong.

12.23 tgh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan rang undang-undang ini. Pertamanya, saya terkejut kerana Kepong hari ini memecahkan rekod dirinya sendiri, cakap hanya beberapa minit.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak banyak kalau untuk dibahaskan pindaan yang dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini. Tetapi oleh kerana memahami, menyedari satu hakikat bahawa sekarang ini wujud satu pendirian ataupun satu dasar di kalangan beberapa negara-negara gergasi untuk menjadi dasar luar negaranya sebagai satu mekanisme penjajahan semula di wilayah-wilayah yang difikirkan relevan, yang difikirkan wajar untuk ditakluki semula walaupun dalam bentuk apa sekalipun.

Jadi, saya ingin mengambil satu iktihar daripada satu buku. Saya minta maaf kerana saya terlupa penulisnya tetapi secara ringkasnya adalah 'foreign policy' ataupun dasar luar sebagai satu mekanisme penjajahan. Ini terbukti memang wujud beberapa negara besar yang menjadikan dasar luar negaranya sebagai salah satu mekanisme untuk mencari kemungkinan-kemungkinan mengembangkan prinsip-prinsip penjajahan semula di negara-negara di mana mereka diberi 'diplomatic immunity' untuk menubuhkan misi ataupun kedutaan dan juga pesuruhjaya tingginya. Ini hakikat dan perkara ini sekarang ini nampak amat ketara apabila dunia menjadi unipola. Dengan runtuhnya blok ke Timur dengan keruntuhan Kremlin, maka muncul sebuah kuasa di dunia ini mendakwa bahawa dirinyalah yang paling keramat, dirinya yang paling besar di dunia ini dan tidak ada lagi orang lain, malahan diri orang itu sendiri yang harus dicontohi, harus diikuti dan harus didengar dalam semua aspek kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini agaknya mula memunculkan kebenaran-kebenaran kebelakangan ini. Tahun lalu apabila berlaku satu kegawatan ekonomi dan diiringi dengan keresahan politik di dalam negara kita. Kita terdengar dan malahan terbukti ada kuasa-kuasa asing yang cuba masuk campur di dalam pengurusan hal ehwal ekonomi mahupun pengurusan hal ehwal politik di dalam Malaysia. Terbukti apabila seorang Naib Presiden berucap mengakui kononnya orang-orang yang mengendalikan politik jalaran itulah dia kata 'the brave Malaysian'. Ini adalah satu perkara yang jelas

bahawa orang ini sedang melaksanakan menerusi dasar luarnya satu penjajahan semula untuk bertapak di Malaysia.

Terdapat laporan orang-orang asing dan yang ada berkaitan misi-misi asing di Malaysia hadir mungkin mengakui dirinya sebagai pemerhati tetapi kita takut secara aktif untuk mendalangi, menjadi tulang belakang kepada gerakan-gerakan jalanan dalam negara. Saya minta Kerajaan Malaysia bertegas dengan keadaan macam ini, sebab itu saya ingin bertanya menerusi perbincangan pada hari ini adakah pihak negara ini mempunyai satu mekanisme untuk mengesan, saya tidak mahu menggunakan perkataan mengintip. Mengesan, lebih canggih lagi memantau, 'to monitor', dengan izin, gerakan-gerakan diplomat asing 'foreign mission' dengan izin, sejak kebelakangan iaitu sejak daripada bulan September 1998 sehingga ke hari ini. Sama ada mereka memainkan peranan untuk memporakperandakan, mengeruhkan keadaan atau cuba 'menangguk di air keruh'.

Yang keduanya, adakah Kerajaan Malaysia mempunyai satu mekanisme untuk mengenal pasti ada atau tidak Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan secara popularnya dikenali sebagai Non Governmental Organisation (NGO) yang mempunyai pertalian rapat dengan embassy-embassy ataupun misi asing di dalam negara. Oleh kerana memang salah satu skim ataupun salah satu aktiviti-aktiviti kedutaan asing adalah 'to cultivate' iaitu untuk mewujudkan talian persahabatan dengan beberapa puak tertentu yang boleh dijadikan elemen untuk di'stabilized' ataupun tidak menstabilkan keadaan negara ini di mana sekalipun. Inilah peranan-peranan yang jahat, kita pernah mengalami satu peristiwa, satu zaman pada tahun 1963. Satu kedutaan telah pun memainkan peranan yang amat aktif untuk menanam sentimen anti Malaysia pada tahun 1963, adalah di dalam Kertas Putih. Waktu itu, Allahyarham Tun Ismail sebagai Menteri Dalam Negeri mengeluarkan satu Kertas Putih di mana memang terbukti sebuah kedutaan asing di dalam negara ini menjadi markas untuk menanamkan, menyemaikan perasaan anti kerajaan Malaysia supaya dia menentang Malaysia, supaya mereka turut menganyang Malaysia, supaya mereka terlibat sekali dalam proses dan kempen menganyang Malaysia, terbukti.

Jadi, saya bimbang dan saya takut sejak tahun 1987, 1988 dan sekarang ini tahun 1997, 1998 dan 1999. Ada atau tidak NGO-NGO yang dipelihara ataupun being cultivated by foreign mission yang sekarang ini menyeludup di kalangan masyarakat, mereka menyusup 'in fill trade di dalam organisasi-organisasi halal', the in fill trade legal organisation untuk memanjangkan bibit-bibit 'new colonelisme' di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawakan perkara ini oleh kerana amat relevan sekali. Keadaannya memang terlalu orang kata itu 'suitable', dengan izin. Bermakna terlalu sesuai, terlalu sensasi untuk ditanamkan bibit-bibit ini supaya lahir pemberontakan-pemberontakan, supaya menjadi negara ini lebih porak peranda. Pagi ini saya ditunjukkan oleh seorang sahabat, satu surat khabar pembangkang yang seharusnya hanya dibaca oleh penyokong-penyokongnya sahaja, dijual. Sahabat itu tunjukkan saya satu iklan dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal surat khabar itu tetapi saya boleh bawa di lain hari. Surat khabar ini memuatkan satu iklan colour dalam tulisan bahasa Inggeris dengan 'catch word'nya, segala-galanya dalam bahasa Inggeris yang cuba menanamkan benih-benih penghasutan rakyat kepada negara. Siapa yang mengeluarkan iklan tidak ditulis tetapi pokoknya iklan itu ditampung, dimuatkan dalam satu surat khabar parti pembangkang, paling khusus adalah Parti PAS dan surat khabar itu bernama *Harakah*.

Contohnya apabila wujud perbalahan antara Pakistan dengan India, siapakah yang amat diasak dan diinjak oleh kuasa-kuasa asing khususnya menerusi media-media, bukankah itu Pakistan dan bukankah Pakistan sebuah negara Islam. Sebab itu saya menuntut supaya Malaysia menjadi amat cemburu dengan situasi yang wujud pada hari ini.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan wujud elemen-elemen penjajahan semula (new colonialism), kita harus cemburu dengan apa yang ada di keliling kita. Baru-baru ini, kita kedengaran bagaimanakah Singapura cuba menuduh surat khabar terulung yang menjadi lidah orang Melayu memperjuangkan kemerdekaan iaitu *Utusan Group* telah diancam sebagai surat khabar perkauman kononnya.

Oleh kerana surat khabar itu memanjangkan berita dan cerita yang berlaku di Istana Kampung Gelam, kawasan yang hanya 2.5 hektar yang dahulunya 25 hektar, tinggal 2.5 hektar. Kawasan itu menerusi Enakmen Sultan Hussein, sekarang ini mahu diporak-perandakan. Apabila surat khabar *Utusan Melayu* membuat laporan-laporan, itu adalah sebagai satu pemberitaan kepada orang di sini. Singapura dengan Malaysia majoriti rakyatnya mempunyai linkages sentiment, mempunyai linkages darah, mempunyai linkages persaudaraan, tidak bolehkah surat khabar di Malaysia memberitakan apa yang berlaku di Singapura, paling kurang sekali menjadi iktibar kepada kita, menjadi cermin kepada kita supaya orang Islam khususnya terus memelihara persaudaraan. Salahkah *Utusan* membuat berita seperti itu?

Maka dituduhlah *Utusan* sebagai surat khabar perkauman. Saya ingat kepada sebuah buku mengenai *The PAP's Story* iaitu sebuah buku yang ditulis oleh aktivis Peoples Action Party (PAP) atau Parti Tindakan Rakyat Singapura yang diterbitkan pada tahun 70-an.

Sebaik sahaja berlaku rusuhan kaum di Singapura pada tahun 1963/1964 maka dituduhlah *Utusan* sebagai lidah yang menyebarkan elemen-elemen perkauman.

Saya kata, perkara yang berlaku adalah antara dua puak kaum yang besar, antara orang Islam dan bukan Islam. Kalau yang Islam diasak sentimennya oleh *Utusan* tidakkah yang bukan Islam diasak sentimennya oleh surat khabar yang bukan Islam. Mengapakah *Utusan* dijadikan mangsa, oleh kerana mungkin pemimpin ulung Singapura memang terlalu bias kepada *Utusan Melayu*.

Saya ingat bagaimana senior minister di Singapura Tuan Lee Kuan Yew, memang terlalu sangat bias kepada *Utusan Melayu*, di dalam cerita dia hendak menggubal dasar Malaysian Malaysianya, *Utusan Melayu* menjadi mangsa pada setiap hari. Mengapa tidak dikhabarkan surat khabar yang lain? Inilah hakikatnya dan sehingga mendesak Menteri Luar Singapura, S. Jayakumar mengatakan bahawa *Utusan Melayu* memutarbelitkan isu yang berada di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, Singapura adalah sebuah negara Melayu menurut sejarahnya dahulu. Tidak mungkin, mustahilkah untuk kita merasa tersirat dan merasa amat pedih melihat kepada sebuah kaum Melayu yang di Singapura. Mereka memang telah menjadi minoriti tetapi mereka adalah bangsa Melayu.

Apabila berlaku satu perkara kepada orang-orang keturunan Tionghua di Indonesia, orang-orang Tionghua di seluruh kawasan Asia Tenggara meluahkan suara mereka menerusi media secara terang-terangan. Mengapa tidak dikatakan mereka perkauman, mengapakah bila orang Malaysia menyuarakan suara rasa simpati kepada orang-orang Melayu di Singapura, kita dituduh perkauman.

Persoalannya kita jangan lupa kepada sejarah nusantara. Kita harus mengingatkan jajahan ini dahulunya adalah jajahan Melayu, tetapi oleh kerana kemerdekaan menuntut kita berkongsi kuasa, tetapi jangan dilenyapkan elemen-elemen Melayu.

Saya mengatakan apabila berlaku perkara yang tidak seronok, perkara yang zalim kepada keturunan Tionghua di Indonesia, saya teringat lagi di kalangan sahabat-sahabat kita yang bukan Melayu di dalam Dewan ini juga, 'rally for signatures', mengapa tidak ada orang yang mengatakan perkara itu salah atas sentimen bangsa asalnya – tidak salah.

Adakah salah untuk orang Malaysia mendaftarkan rasa simpati kepada apa yang berlaku di Kampung Gelam. Apatah lagi saya, pada tahun 1947 saya dilahirkan di Singapura. Tok nenek saya banyak dikuburkan di Singapura, tak tahulah mana hilang dah, Kampung Wak Tanjung tak ada, Geylang sudah hilang, semuanya sudah hilang.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya harap surat khabar di Singapura, pemimpin-pemimpin di Singapura di dalam erti kata untuk menjunjung semangat 'peaceful coexistence' kita harus memahami sensitiviti antara satu sama lain di wilayah ini, apatah lagi Singapura dengan Malaysia adalah dua negara yang bersahabat rapat.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bagan Datoh bangun Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari sahabat saya, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Adakah apa yang dibuat oleh pemerintah Singapura ini sebagai salah satu usaha mereka untuk melakukan ethnic cleansing, dengan izin, terhadap bangsa Melayu di Singapura?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tadi, persoalan ini telah pun di suarakan. Saya kurang pasti tetapi seolah-olah menjurus ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, dua bulan yang lalu, saya berkesempatan menerusi satu platform rasmi iaitu Commonwealth Parliamentary Association Executive Committee. Kami bermesyuarat di Singapura. Destinasi yang pertama dibawa perwakilan Commonwealth Parliamentary Association Executive Committee, dibawa ke Muzium Moden Singapura. Di mana contribution orang Melayu, di sana ditunjukkan orang Melayu hanya sebagai peon. Tidak pernah dikatakan orang Melayu adalah sekian-sekian – tidak! Saya rasa terhina juga, tetapi saya hendak kata macam mana, itu negara dia.

Tetapi lack the truth speaks by itself, jangan disembunyikan. Ini masalahnya, sekarang hari ini umpamanya waris Sultan Hussein mengatakan bahawa tanah di Kampung Gelam itu adalah 'crown land' bukan 'state land'. Mungkin ada perbezaan apabila British membuat tafsiran terhadap tanah Kampung Gelam itu sebagai 'crown land' tanah lain dipanggil 'state land' mesti ada yang tersirat di belakang itu - jangan berlaku. Kita tahu Singapura sebuah kerajaan yang adil, yang demokratik, kerajaan yang didukung oleh rakyat, yang progresif, yang maju.

Tetapi jangan diizinkan tindakan-tindakan yang tidak terkawal sehingga mungkin boleh dituduh sebagai Singapura melaksanakan ethnic cleansing ataupun cultural cleansing. Ini pedih. Kalau seluruh rakyat Malaysia berani bersatu padu bangun mendukung perjuangan memulihkan martabat orang Bosnia-Herzegovina yang berpuluh ribu kilometer jauhnya daripada sini, kalau kita sanggup sekarang ini secara sukarela memperjuangkan nasib sahabat-sahabat kita di Kosovo atau Kosova, jangan cuba diduga kesabaran kita kalau perkara ini berlaku di Singapura.

Kita memang orang yang bertanggungjawab, rakyat Malaysia seluruhnya orang yang bertanggungjawab, pemimpin Malaysia orang yang bertanggungjawab, tetapi di dalam kita berjiran, kita mestilah ingat, kita bantu membantu bergantung dan kebergantungan kepada satu sama lain. We compliment and we supplement each other.

Ini perkara yang pokok dan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta juga dalam konteks ini, oleh kerana saya tahu kedutaan Singapura adalah satu kedutaan yang amat efisien di dalam negara kita. Saya teringat satu cerita sewaktu saya menjadi Setiausaha Politik kepada bekas Timbalan Perdana Menteri iaitu sekarang ini Tan Sri Musa Hitam.

Satu rombongan dari Singapura datang membuat courtesy call kepada Tan Sri Musa Hitam di Jabatan Perdana Menteri. Salah seorang dari pegawai Tan Sri Musa Hitam

hanya berjenaka, bertanya: "Is Singapore going to face water problem?" Soalnya. Dia kata, adakah Singapura akan berhadapan masalah air? Perkara itu diambil secara sensitif sehingga besok pagi, satu nota dihantar kepada Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu.

Begitu dia punya cekap. Bagaimanakah kedutaan Singapura dia cultivate, saya tak tahu siapa yang dia cultivate, I was in the press, saya press community dahulu, saya tahu bagaimana dia try to cultivate, cuba bersahabat dengan kalangan wartawan, dengan izin, bukan saya hendak menyentuh wartawan, dia memang dengan secara daya upaya untuk berbaik-baik rapat dengan orang yang boleh mendapat maklumat, orang yang dealing dengan information, dia akan cuba berbuat baik.

Tetapi wartawan Malaysia, wartawan yang patriotik, jadi susahlah dia hendak penetrate kita. Tetapi dalam keadaan hari ini, apabila wujud sebilangan atau segelintir rakyat yang sedang rasa resah dan cuba mahu menentang kerajaan secara melonjak apabila wujud beberapa kalangan NGO yang memang terang-terang menentang kerajaan, saya takut orang-orang ini akan being easily cultivated, dengan izin, oleh orang-orang yang sekarang ini duduk di kedutaan-kedutaan asing.

Sebab itulah di dalam saya menyokong rang undang-undang, saya minta kita semua menjadi paling cemburu, saya katakan tadi. Kita harus sentiasa berwaspada, kita harus berjaga-jaga supaya tidak ada puak-puak asing yang akan cuba terus memecah-belahkan negara ini mengharu-birukan negara ini di dalam keadaan yang kita sedang bekerja keras untuk memulihkan martabat bangsa kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi adalah mengenai kerenah-kerenah asing terhadap negara kita. Tadi, saya bertanyakan kepada sahabat saya dari Batang Lupar, mengapakah Malaysia kebelakangan ini amat sangat diserang dan cuba diganggu gugat oleh puak asing. Di manakah puak asing ini mendapat maklumat, adakah hanya menerusi dunia tanpa sempadan, digital information di Cybermaya, di alam maya ataupun di mana, atau mungkin tidak ada tali barutnya di dalam negara kita? Dahulu kita pernah meminda Akta Pertubuhan 1965 (Registrar of Society) bermakna Akta Pertubuhan 1965.

Kita minta supaya pertubuhan-pertubuhan ini telus dengan dia punya financial banking dan sebagainya, tetapi bagaimanakah kalau kewangan-kewangan yang disalurkan menerusi saluran-saluran yang halal, kita mesti rasa. Saya hendak minta supaya dikaji semula perkara-perkara ini. Dahulu pernah ada kedutaan-kedutaan contohnya, saya hendak ambil contoh satu buku yang ditulis oleh bekas diplomat Australia mengenai apa yang dilakukan oleh golongan-golongan diplomat-diplomat di Indonesia sewaktu zaman Sukarno. Ini harus menjadi satu cermin kepada kita. Bagaimanakah para diplomat dahulu, para diplomat umpamanya macam di negeri Siam, di Thailand, di sana terdedah negara itu terbuka sebab itulah dalam perang dunia kita kena jajah dia tidak kena jajah. Dia kata please go if you want, please jalan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita fikir panjang-panjang, kadang-kadang kita rasa hendak tutup semualah tetapi oleh kerana kita tidak boleh hidup dalam keadaan terpencil atau in isolation, jadi kalau kita terpaksa membuka pintu negara ini kepada kewujudan orang-orang asing secara rasmi kita harus mempunyai kuasa untuk mengawal kegiatan mereka supaya tidak detrimental dengan izin kepada survival bangsa kita itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada lagi yang hendak ambil bahagian Yang Berhormat. Saya bagi peluang kepada siapa yang hendak ambil bahagian. Ya, sila Muar.

12.54 tgh:

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bil yang dikemukakan di Dewan ini. Sepatutnya bil ini dikemukakan lama dahulu tetapi baru kini dapat dikemukakan, walau bagaimanapun saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniahlah kepada Kementerian Luar Negeri.

Hubungan kita antara negara-negara asing mestilah berasaskan kepada principle of reciprocity. Bil ini memberi kita kuasa kepada ke bawah Duli Yang di-Pertuan Agong untuk memberi kemudahan-kemudahan yang tertentu, tetapi saya harap kalau ada negara-negara yang tidak memberi kemudahan-kemudahan sebagaimana yang hendak diberi kepada mereka itu, kemudahan-kemudahan itu hendaklah ditarik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan ucapan saudara saya dari Batang Lupar tentang kekesanan duta-duta besar kita di luar negeri. Kerajaan mengamalkan dasar supaya duta-duta besar dilantik daripada carrier diplomat. Dalam suasana yang ada sekarang ini kita lihat seolah-olah ada duta-duta besar yang kita hantar ke luar negeri tidak mempunyai political commitment. Saya rasa sudah sampai masa seperti kerajaan memikirkan semula tentang dasar-dasar perlantikan duta-duta besar. Pada masa Allahyarham Tuanku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak jadi Perdana Menteri, kita pernah menghantar ahli-ahli politik yang bertaraf menteri menjadi duta-duta besar. Tetapi sekarang ini masalah kita ataupun suasana politik di negara kita ini sudah berlainan sikit. Maka adalah lebih penting kalau duta-duta besar itu dihantar terdiri daripada ahli-ahli politik. Kita ada karier politik, karier diplomat jadi politician dan di dalam Dewan ini kita ada bekas karier diplomat seperti Menteri Penerangan kita sekarang ini. Mengapa tidak boleh kita hantar menteri kita jadi duta-duta besar.

Saya suka mencadangkan supaya duta-duta besar di tempat-tempat yang tertentu seperti di London, di Paris, di Berlin, di Moscow di Cairo, di New York, di Washington D.C. hendaklah dihantar terdiri daripada kalangan ahli-ahli politik kerana mereka ini mempunyai political commitment dan kita pasti tahu di dalam negara kita ini pun juga ada pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang tidak mempunyai commitment kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya sikitlah. Kita melihat situasi ataupun keadaan dunia apabila peperangan dunia kedua tamat, lepas itu keadaan perang dingin berlaku iaitu dua pola iaitu Barat dan Timur. Barat Amerika, yang di Timur pula Russia. Jadi keadaan politik antarabangsa pada ketika itu adalah amat berlainan kerana dua-dua pihak sama ada di Barat ataupun di Timur hendak mencari kawan. Jadi sekarang selepas tamatnya perang dingin, pola dunia kepada satu sahaja. Jadi pendekatan tidak ada lagi daripada Timur tetapi dari Barat kesemuanya. Jadi, pihak Barat boleh buat apa yang dikatakan arm twisting untuk obedient ataupun compliant, apa-apa segi sekali pun dalam dunia ini.

Jadi ada berkemungkinan wakil-wakil kita di luar negara menggunakan pandangan global, menggunakan pandangan antarabangsa yang begitu liberal, yang begitu sejagat umpamanya dikatakan digunapakai sebagai satu pendekatan mereka untuk berhubung dengan negara-negara luar. Jadi apa yang berlaku di negara kita, kita masih di peringkat awal kemerdekaan, selepas kemerdekaan bukan kalau di banding dengan Amerika, di banding dengan negara-negara yang tidak pernah dijajah yang mana mereka

telah mengalami semua masalah dalam 100 atau 200 tahun. Jadi dalam tahun 50-an kita gunakan satu pendekatan wakil kita di luar negara dan pendekatan ini mungkin lagi tidak relevan pada zaman unipola ataupun satu pola ini yang mana pola Amerika, pola Barat sahaja iaitu supaya pendekatan bukan sahaja dari segi politik dan ekonomi mesti dikenakan tetapi soal pola ini mesti juga diserapkan kepada pihak-pihak carrier diplomat kita kalau tidak pun dapat dilantik sebagaimana yang disaran Yang Berhormat tadi. Jadi saya hendak tanya dengan Yang Berhormat, macam mana pendapat Yang Berhormat persoalan politik dunia ini dan macam mana perubahan yang patut diubah kepada wakil kita di luar negara supaya to accommodate ataupun menerima apa yang berlaku di negara kita juga digunakan sebagai satu pendekatan mereka kepada negara-negara di mana mereka bertapak.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang hidup dalam era globalisasi, keadaan dahulu dan keadaan sekarang sudah bertukar dan berlainan, tetapi globalisasi tidak bermakna globalisasi dalam semua aspek. Kita ada globalisasi dalam aspek trading, marketing tetapi kadang-kadang kita tengok pemimpin-pemimpin dari Barat menggunakan globalisasi untuk campur tangan dalam hal-ehwal dalam negara asing. Kita berasa dukacita Al Gore, Vice President Amerika, Robin Cook Setiausaha Luar Britain telah campur tangan dalam hal-ehwal dalam kita. Kalau kita mengikut Article 55, Vienna Convention, negara asing tidak mesti campur tangan dalam hal-ehwal negara-negara lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk pagi ini sudah cukup, kita sambung sebelah petang.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Majlis Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Muar, sila sambung.

2.30 ptg.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil perhatian kepada ucapan yang telah dibuat oleh wakil dari Parit Sulong tentang Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Singapura dan Malaysia ada sejarah yang sama. Saya pun belajar di Universiti Singapura pada tahun 1953 dan saya pernah berkenalan dengan Dato' Lee Kuan Yew, Toh Chin Chye, Rajaratnam dan David Marshall pada masa saya menjadi President Democratic Club dahulu di Universiti Malaya. Saya pegang jawatan President Democratic Club Universiti Malaya Singapura dalam tahun 1956 setelah Tan Sri Musa Hitam meletak jawatan. Saya kenal sangat dengan pemimpin Singapura seperti Dato' Lee Kuan Yew. Kadang-kadang kita berasa hairan mengapa sikap Singapura yang mula-mulanya sejarah yang sama dengan Malaysia, ini sangat berbeza dengan sikap Malaysia. Agaknya harus pemimpin-pemimpin yang lama itu sudah tidak ada. Ada pemimpin-pemimpin baru seperti kita ada di sini Yang Berhormat dari Parit Sulong pun orangnya muda, agaknya Timbalan Perdana Menteri Singapura pun orang muda. Dato' Goh Chok Tong Perdana Menteri Singapura pun orang muda.

Yang kita lihat di Singapura itu tidak ada sensitivity terhadap Malaysia pada hal origin historynya sama. Apa sebab perkara ini berlaku. Saya ingat Singapura ini so

obsessed dengan konsep survival. Kita di Malaysia mengamalkan sikap yang diutarakan oleh Perdana Menteri kita prosper thou neighbor tetapi di Singapura.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]: Saya ingin penjelasan. Memang Yang Berhormat dari Muar ini memang orang lama, betul. Jadi, dengan terlalu lamanya hubungan dan nostalgia dengan Singapura ini, mungkin menyebabkan dia agak lembut berbanding dengan Parit Sulong tadi sebab dia lahir selepas daripada zaman Muar.

Soalnya kenapa timbul sekarang ini, apabila berlaku penulisan semula sejarah Singapura, saya lihat dalam buku teks sekolah-sekolah dan juga di dalam bahan-bahan sejarah terbaru Singapura menafikan terus bahawa pengwujudan Singapura itu bermula apabila Parameswara membuka pulau itu tetapi dalam sejarah Singapura ditulis apabila Stamford Raffles mula menjejakkan kaki di Singapura itulah sejarah mula Singapura, ertinya mereka mahu menafikan sejarah.

Adakah keadaan ini dipersetujui oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar dan kalau benar penulisan ini mahu menafikan sejarah awal orang Melayu di Singapura bahawa nusantara ini, rantau Melayu ini di mana Singapura adalah salah satu elemen sebelum itu, mahu dinafikan begitu sahaja.

Jadi, walaupun ethnic cleansing yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong adalah terlalu kasar bunyinya tetapi ini adalah shuttle ethnic cleansing yang dibuat oleh mereka di mana penghapusan ethnic yang tidak ketara. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Muar.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Singapura diserahkan kepada kerajaan British dalam tahun 1819. Jadi, dijajah oleh British sampailah Singapura menerima kemerdekaan selepas ditendang keluar daripada Malaysia. Sepatutnya Singapura mesti berterima kasih dengan kita, kalau tidak ada Malaysia, Singapura harus tidak dapat kemerdekaan tetapi oleh sebab Singapura masuk dalam gagasan Malaysia termasuk Sarawak dan Sabah, negara itu dapat kemerdekaan di dalam Malaysia tetapi kita tendang Singapura kerana Lee Kuan Yew pada masa itu Perdana Menteri Singapura memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia sebagaimana juga yang diperjuangkan oleh saudara pembangkang kita daripada DAP. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak menyebut Singapura melaksanakan ethnic cleansing, ada tuduhan-tuduhan mengatakan Singapura melaksanakan cultural cleansing, satu. Yang keduanya, saya juga berkongsi pandangan dengan saudara saya dari Bagan Datoh. Apabila kita melawat Muzium Singapura moden, dia mengatakan bahawa orang yang membuka Singapura itulah yang bernama Tumashi, bukannya bermakna Singapura itu pernah dikenali sebagai sebuah negara yang bernama Tumasik, ini yang menghairankan dan di situlah mungkin dia kata Singapura dulu ditemui oleh seorang yang bernama Tumashi, Tumashi ini bermakna seorang etnik pedagang atau pendatang daripada Tanah Besar Cina. Bukannya Parameswara, Sang Nila Utama ataupun Parameswara pergi ke sana, lepas itu dia nampak singa garang dan sebagainya, maka tanah itu dipanggil Tumasik dan sebagainya - bukan, bukan macam dalam sejarah Melayu.

Ini satu perkara yang menghairankan kita sebagai orang yang tahu sejarah di nusantara dan sebagai rakyat Johor, kita juga hairan oleh kerana dahulu Singapura adalah sebahagian daripada jajahan takluk negeri Johor. Jadi, bermakna proses-proses penghapusan sejarah yang dilakukan ini secara shuttle. Kalau kita pergi muzium dia mempunyai satu muzium yang kita boleh multi-dimension dengan dia punya three

dimensional presentation untuk menarik pelancong-pelancong dan akan dipersembahkan dengan sejarah-sejarah yang pada pandangan kita mungkin silap dari segi faktanya.

Jadi, adakah kita tidak boleh berhak untuk mengatakan bahawa kemungkinan ada usaha-usaha penghapusan sejarah silam yang sebenarnya dari diketahui oleh rakyat nusantara dan dikongsi oleh nusantara. Itu yang saya amat hairan sekali dengan Singapura. Masalah yang berlaku, masalah soal Istana Kampung Glam itu adalah salah satu daripada proses cultural cleansing di Singapura memang kita nampak jelas, memang amat jelas tetapi ethnic cleansing itu tidaklah, oleh kerana orang-orang Singapura bukan keturunan Serb yang ganas dan tidak berperikemanusiaan. Dia adalah orang yang bertanggungjawab, berperikemanusiaan tetapi mempunyai satu tindakan yang sinister, yang amat diragui kadang-kadang, itu yang amat menghairankan kekanda saya dari Muar.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Terima kasih. Kita tidak boleh menafikan sejarah tetapi sejarah hendaklah digunakan untuk iktibar pada masa-masa akan datang. Singapura sekarang ini sudah jadi satu negara asing yang mempunyai kedaulatannya sendiri dan kita akan hidup sampai hari kiamat dengan Singapura sebagai jiran kita. Jadi, kita mestilah mencari jalan bagaimana hubungan Singapura dengan Malaysia itu dapat diperbaiki.

Saya pernah dengar dikatakan pada saya Datuk Lee Kuan Yew semasa menjadi Perdana Menteri dia kata, Singapura will go to war with Malaysia sekiranya perbekalan air itu ditutup. Itu saya statement yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri Singapura. Itu mempunyai satu sikap yang tidak baik. Kita Malaysia akan terus memberi air kepada Singapura on humanitarian ground.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Muar sentimen yang dimainkan oleh Singapura tentang isu pembekalan air, saya rasa bahawa perlu Dewan mendapat penjelasan sedikit dan pandangan juga rakan-rakan di Dewan bahawa Malaysia tidak pernah memberikan gambaran (sign) bahawa kita hendak memberhentikan bekalan air kepada mereka. Tidak pernah – saya kira hendak penjelasan Muar kalau Muar bersetuju atau tidak, Perdana Menteri kita atau kerajaan dalam satu-satu mana masa pun mengatakan kita Malaysia tidak akan memberhentikan memberi bekalan air kepada mereka. Kita tidak pernah mengatakan begitu. Betul Yang Berhormat? Tetapi sebagai kenyataan saya ingat Dewan yang mulia ini dapat sedikit maklumat dan saya rasa bahawa kita difahamkan mungkin Yang Berhormat dari Muar dapat jelaskan bahawa air yang dibeli daripada Johor Bahru ialah air yang belum ditapis (raw), saya rasa dua, tiga sen satu gelen, lebih kurang begitulah. Tetapi adakah kita tahu Singapura menjual ke kapal-kapal [*Seorang ahli menyampuk*] terutama ke kapal-kapal dahulu yang datang sebanyak RM3 atau RM4 segelen, lebih kurang begitulah. Mungkin Timbalan Menteri tolong beritahu sedikit – berapa harganya, tolong dapat pegawai semak sama ada betul ke atau tidak betul. [*Ahli dari Johor Bahru menyatakan: Ya*] Ha betul, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru kata betul. Dia kena tahulah – ini negeri dia. Takut PAS mungkin hendak jual Johor Bahru ini.

Saya hendak bertanya bermakna mereka menggunakan sentimen supaya rakyat Singapura marah kepada kita, yang sebenarnya mereka mengambil keuntungan daripada kita. Untuk memberikan bekalan air kepada orang Singapura kita tidak pernah menyatakan kita akan memberhentikan tetapi mereka hendak membuat keuntungan yang besar atas kita. Ini yang kita tolak. Saya minta pandangan dari Muar sedikit.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Sebenarnya di Johor Bahru itu di mana loji air disiapkan untuk menghantar air ke Singapura itu sebagai seolah-olah satu koloni yang kuasa daripada luar pun dalam Malaysia tidak boleh masuk ke dalam itu. Rasa saya itu adalah kesilapan ataupun perjanjian yang dibuat semasa Singapura dalam Malaysia dahulu tetapi tentang pembekalan air memang ada provisi supaya rate itu boleh dikaji

semula dan saya pun tertanya-tanya mengapa rate air yang diberi kepada Singapura itu belum lagi dikaji.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, masalah Singapura dengan Malaysia ini semakin lama semakin runcing. Sebaliknya, seperti yang saya katakan kita makin lama akan terus berjiran dengan Singapura. Kita hanya boleh meminta merayu kepada pemimpin-pemimpin Singapura kerana masalah Singapura itu become autocratic oleh sebab penduduk Singapura lebih daripada 80% orang Tionghua. Kita di Malaysia ini – penduduk kita orang Melayu hanya tidak sampai 52%, penduduk Tionghua sebanyak 38% ataupun 32%. Jadi, kita punya sikap selalu more liberal daripada sikap kerajaan dan penduduk-penduduk Singapura. Ini masalah yang kita hadapi pada masa yang akan datang dan saya harap Kementerian Luar Negeri akan cuba mencari formula bagaimana kita boleh co-exist dengan Singapura sebagai jiran yang penuh muhibah dan persaudaraan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Buntar.

2.45 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan bagi saya untuk turut membahaskan rang undang-undang ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian kerana membawa pindaan ini seperti mana kita tahu antaranya bertujuan untuk meminda rang undang-undang mengenai hubungan konsular dengan memberikan kuasa kepada Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Konsular 1963.

Jadi, saya raya ini bersesuaian dengan tuntutan masa. Sebelum saya meneruskan hujah ini saya ingin menyebut sedikit tentang masalah hubungan kita dengan Singapura yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan yang berbahas sebelum ini. Saya agak tertarik hati apabila Bagan Datoh dan Parit Sulong menimbulkan tentang apa yang mereka tanggap sebagai satu kegiatan cultural cleansing yang dikatakan dilakukan oleh pemerintah Republik Singapura.

Saya tidak tahu sama ada ini wujud atau tidak tetapi yang jelas dari pengamatan saya sendiri, saya tidak mahu menuduh cuma kalau kita melihat dasar pendidikan itu sendiri. Apa yang diamalkan sekarang ialah kemasukan ke institusi pengajian tinggi misalnya bagi satu kaum tertentu hanya diutamakan golongan wanita. Kalau kita lihat institusi pengajian tinggi di Republik Singapura kebanyakan pada institusi pengajian tinggi itu pelajarinya (population) dari satu kaum tertentu hanya terdiri daripada golongan wanita sedangkan kaum lelaki itu lebih digalakkan untuk menyertai sektor lain misalnya masuk ke perkhidmatan national service. Jadi akibatnya apabila lebih ramai wanita dari kaum tertentu memasuki universiti kemudian mereka keluar, bekerja dan mendapat kedudukan yang baik dalam masyarakat, timbul masalah apabila mereka ingin mencari pasangan hidup. Jadi, akibatnya selalunya orang kalau dia seorang siswazah dia akan mencari pasangan juga yang terdiri daripada siswazah dan bila hendak cari pasangan daripada kaumnya sendiri, dia tidak dapat, akhirnya terpaksa cari orang lain untuk mendirikan rumah tangga dengan pasangan kaum lain. Ini adalah dari satu segi merupakan satu langkah yang baik, ia menggalakkan perkahwinan percampuran tetapi kesan jangka panjang (long term effect) ialah secara tidak langsung mungkin suatu hari nanti kaum yang berbeza-beza di Singapura itu tidak akan wujud lagi. Maka timbullah satu bangsa yang dikatakan bangsa campuran.

Jadi, dari satu segi apakah ini boleh kita lihat samalah juga dengan kegiatan cultural atau ethnic cleansing tadi dalam cara yang lebih halus dan teratur. Saya tidak menuduh cuma ini hakikatnya. Jadi, kita buat interpretasi kita sendiri apakah matlamat jangka panjang yang ingin dimajukan oleh pemerintah negara itu.

Sebenarnya, kalau kita lihat dari perspektif yang luas kita harus berbangga jugalah dengan kemajuan yang kita capai dalam hubungan antarabangsa (international relation) terutama sekali sejak 18 tahun dahulu. Saya masih ingat apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengambil alih pucuk pimpinan negara ini, salah satu perkara yang beliau gariskan ialah memberikan keutamaan-keutamaan tertentu dalam mengendalikan hubungan antarabangsa kita. Kalau tidak salah saya, keutamaan diberi misalnya untuk hubungan dengan negara-negara ASEAN; kedua, dengan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC); ketiga, Pertubuhan Serantau dan keempat, Gerakan Negara-negara Berkecuali (Non-Alliance Movement), Komanwel dan sebagainya.

Jadi, walaupun keutamaan bukan in that order, tetapi inilah antara lain panduan yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, sekarang sudah jelas setelah 18 tahun kebelakangan ini kita sudah tahu, kita tidak boleh menafikan bahawa suara kita di peringkat antarabangsa makin didengar. Negara kita makin dikenali, kawan kita makin ramai. Kalau dahulu mungkin kita hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan jumlah negara yang agak terhad, tetapi hari ini saya rasa semua, kecuali dengan Israel kita belum ada hubungan diplomatik.

Ini sebenarnya adalah satu langkah yang baik. Kalau kita ingin maju selaras dengan apa yang ingin dicapai oleh negara kita di bawah matlamat ataupun objektif Wawasan 2020 kita harus bergerak sejajar dengan perkembangan dalam negara dan juga dengan peringkat antarabangsa. Malangnya, kalau kita lihat perkembangan akhir-akhir ini, saya melihat seolah-olah ada satu usaha yang concerted, usaha yang bersungguh-sungguh untuk menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah negara 'pariah' oleh golongan-golongan tertentu di peringkat antarabangsa. Dengan izin, there is now concerted attempt to turn Malaysia into a 'pariah' nation. Maknanya, ada usaha-usaha di peringkat antarabangsa untuk memberi gambaran kepada orang lain bahawasanya Malaysia ini adalah sebuah negara yang tidak mengikut etika orang lain yang tidak bergerak selaras dengan orang lain dan akhirnya kalau boleh saya rasa mereka mahu Malaysia ini dipulaukan. Samalah dengan usaha yang pernah dijalankan kepada Singapura dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an dahulu.

Macam mana langkah ini dijalankan. Kita sering mendengar laporan-laporan yang negatif.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dari Yang Berhormat, apa erti 'pariah'?

Tuan Yang di-Pertua: Itu dia.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Ini sebenarnya adalah satu prerogative language. Seolah-olah Malaysia ini satu negara yang terasing, di peringkat antarabangsa ia macam isolate, tidak harus dijadikan kawan, harus dipandang rendah. Dalam bahasa Inggeris sebenarnya perkataan ini digunakan. Tetapi bila kita terjemahkan, bila gunakan perkataan 'pariah' itu seolah-olah ia dianggap sebagai satu usaha untuk – tidak ada kena-mengena dengan soal kasta di kalangan masyarakat India. Ini cuma term, satu istilah yang lazim digunakan. Kalau ini mungkin disalah erti, saya minta maaf. Maksud saya ialah untuk menjadikan Malaysia itu sebagai sebuah negara yang tidak harus kita buat kawan kerana ia tidak sama dengan orang lain.

Tadi saya sebut salah satu cara ialah dengan menggunakan media antarabangsa. Kita sering lihat sejak peristiwa 13 Mei saya ingat, lepas satu, satu. Apabila ada peristiwa besar berlaku di negara ini media-media antarabangsa tidak akan lupa untuk terus mengkritik Malaysia dan gambaran yang cuba diberikan ialah kita tidak serupa orang lain, kita ini ganjil, kita ini tidak ikut dequorum. Ini pernah dilakukan oleh media antarabangsa

kepada Republik Singapura pada masa dahulu. Tetapi lama-kelamaan mereka terus memberhentikan kegiatan ini.

Di samping media terdapat juga komen-komen kepada setengah-setengah pemimpin di peringkat antarabangsa yang memang kita tahu tujuannya jelas untuk merendah-rendahkan. Saya ingin jelaskan di sini agar Kementerian Luar tidak harus mengambil gusar tentang usaha-usaha ini. Sebab kita tahu tujuan mereka, matlamat mereka ialah untuk merendah-rendahkan kita dan dari satu segi untuk menggagalkan usaha kita. Tetapi sebaliknya apa yang harus kementerian buat ialah untuk meneruskan usaha yang baik. Tadi saya katakan sejak 18 tahun yang lalu kita sudah dapat banyak kawan, kalau dahulu pendekatan kita dalam hubungan diplomatik hanyalah untuk menjaga mengenai hal-hal dengan politik saya rasa kini kita juga memberi tumpuan tentang kegiatan ekonomi untuk mendapatkan modal-modal asing melabur dalam negara ini.

Mungkin satu aspek yang sekarang ini tidak diberi tumpuan ialah tentang soal budaya. Semasa kita mempromosikan hal-hal mengenai politik, sistem pemerintahan, ekonomi, saya ingat masanya mungkin sudah sampai untuk kita memberikan perhatian yang lebih sedikit tentang menyebarkan tentang budaya kita. Kita lihat negara-negara maju misalnya seperti Amerika Syarikat, Perancis, Britain, terdapat di setengah-setengah tempat mereka ada pusat kebudayaan. Misalnya, di Amerika Syarikat ada pusat kebudayaannya. Mungkin masanya sudah sampai untuk kita mengadakan cultural attache ataupun kalau boleh kalau kita mampu kita buat pusat kebudayaan sendiri. Di bandar-bandar besar di negara maju, misalnya di bandar-bandar besar di Amerika Syarikat, di Britain, di Perancis dan di tempat-tempat lain di Eropah. Ini dengan sendirinya akan membolehkan orang lebih faham tentang kita, dan apabila kefahaman ini jadi meluas maka saya rasa pandangan-pandangan negatif kepada negara kita dapat dikurangkan. Walaupun misalnya ada usaha-usaha daripada pemimpin-pemimpin tertentu, daripada pertubuhan-pertubuhan media tertentu, tetapi kalau masyarakat di negara itu sendiri memahami tentang kita, saya rasa salah faham ini dapat dikurangkan.

Mungkin juga kita harus membuat pendekatan yang berbeza dengan pendekatan yang pernah kita buat pada tahun-tahun 1960-an, 1970-an dan 1980-an tahun dahulu. Menjelang alaf baru ini saya rasa mungkin kita perlu memikir semula tentang macam mana hendak mengendalikan hubungan antarabangsa kita kalau sekarang perkara-perkara ini hanya dilakukan oleh mission ataupun kedutaan kita di seberang laut, mungkin masa sudah sampai untuk kita menggunakan semua agensi kita di luar negara. Di samping kedutaan-kedutaan kita, kita juga mempunyai pelbagai agensi yang ada pejabat mereka di luar negara, misalnya Lembaga Kemajuan Pelancongan (TDC) dahulunya juga ada pejabat-pejabat di seluruh dunia, MIDA dan sebagainya.

Sekarang agensi-agensi ini tidak bergerak selaras dengan kedutaan-kedutaan kita. Kedutaan kita secara rasminya jaga kepentingan Malaysia di seberang laut, agensi-agensi seperti Lembaga Penggalakan Pelancongan dan MIDA ini jaga kepentingan jabatannya. Misalnya, TDC hanya mempromosikan soal-soal mengenai pelancongan, MIDA mengenai pelaburan. Apa salahnya kalau kita 'integrate'kan, kita sepadukan semua ini biarlah sama-sama bercakap dalam satu nada. Untuk ini saya rasa kemudahan-kemudahan harus juga dipanjangkan kepada agensi-agensi seperti TDC dan MIDA ini. Satu masa dahulu mereka ini berbeza. Kalau pegawai-pegawai yang bekerja di kedutaan, mereka diberikan status diplomatik. Pegawai-pegawai MIDA, TDC dan sebagainya mereka tidak ada status diplomatik ini, akibatnya susah mereka hendak bergerak. Mereka tidak dapat kemudahan-kemudahan ataupun prevelege yang dinikmati oleh pegawai-pegawai diplomat.

Jadi, mungkin masanya sudah sampai untuk kita berikan taraf diplomatik kepada pegawai-pegawai ini. Ini sebenarnya telah dilakukan oleh negara lain. Kalau kita ambil setengah negara macam Russia misalnya. Wartawan Russia yang bekerja di Malaysia pun ada taraf diplomatik. Jadi, membolehkan dia bergerak ke tempat-tempat - Kalau seorang

ahli diplomat tidak boleh bergerak, oleh kerana dia wartawan, dia boleh pergi ke mana-mana, pada hal dia memegang taraf diplomatik, kita tidak tahu kerja apa dia buat. Jadi, ini juga boleh dilakukan oleh pegawai-pegawai Malaysia.

Satu lagi cara saya rasa yang boleh kita lakukan, tadi saya sebut, saya cadangkan supaya kita tubuhkan pusat kebudayaan kita di sesetengah tempat terpilih. Mungkin juga kita harus juga membesarkan perkhidmatan maklumat kita. Sekarang ini di kebanyakan kedutaan bukan semua pun, sesetengah kedutaan dia ada Attaché Penerangan yang mungkin tarafnya hanyalah di peringkat setiausaha kedua atau ketiga. Jadi kerja pegawai Attaché Penerangan ini sebenarnya tujuannya ialah bukan sahaja untuk memberi penerangan mengenai Malaysia di luar negara tetapi juga untuk memungut apa-apa juga bentuk maklumat yang harus disampaikan kepada kita di Malaysia ini, kepada kementerian supaya kalau ada maklumat-maklumat yang salah, ia boleh diperbetulkan. Tetapi oleh kerana pegawai-pegawai ini kedudukannya agak junior di dalam hierarchy kedutaan ini, maka dia mempunyai limitation ataupun sekatan-sekatan tertentu sehingga dia tidak boleh berfungsi seperti mana yang dia sepatutnya berfungsi.

Saya tengok misalnya, ambil contoh Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur ataupun dulu, Soviet Union yang dikatakan Attache Penerangan ini kalau kita tengok dia punya circle of friends atau jumlah kawan dan lebih ramai daripada duta itu sendiri, orang kenduri pun dia pergi, orang di Malaysia kenduri pun pergi. Kadang-kadang kenduri di kampung pun Pegawai Penerangan di kedutaan ini dia boleh pergi bercampur dengan orang tempatan. Jadi dengan sendirinya dia akan dapat memperoleh maklumat yang lebih di samping menyebarkan maklumat mengenai negara dia.

Jadi, saya perhatikan Pegawai Penerangan kita di luar negara, kerjanya mungkin menyebarkan, bagi surat khabar ataupun bagi maklumat kepada masyarakat kita di luar negara, kepada orang Malaysia yang saya rasa tidak perlu, yang penting ialah jaga orang luar. Bukan orang kita yang tinggal di luar negara. Jadi mungkin ini akan mengakibatkan implikasi kewangan yang lebih tetapi saya rasa pada jangka panjangnya adalah tidak merugikan, tidak rugi untuk kita belanja lebih sedikit, kerana benefit atau faedahnya yang tidak ketara tetapi lebih bermanfaat dari segi jangka panjang sebab kita.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari Parit Buntar tentang kebudayaan ataupun mengenai negara-negara yang mana duta-duta ini ditugaskan. Saya hendak bertanya, adakah elok sebagai pandangan Yang Berhormat dari Parit Buntar, kalau pegawai-pegawai yang bertugas di missions kita di luar negara bahawa di Perancis elok mereka mengetahui bahasa Perancis, kalau di Jepun elok tahu berbahasa Jepun, kalau di Itali elok tahu berbahasa Itali. Kadang-kadang kita dengar mereka ini dihantar setahun, dua, tiga tahun mereka tidak mampu hendak mengendalikan bahasa negara yang mereka bertugas. Oleh kerana itu kadang-kadang kemampuan mereka untuk menerangkan tentang kedudukan negara kita agak terbatas. Apakah pandangan Yang Berhormat dari Parit Buntar tentang perkara ini?.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat dari Rompin. Saya ambil satu contoh, saya pernah bertemu dengan seorang diplomat dari Russia. Saya berjumpa dia dekat Leningrad tempat di mana jasad Lenin dipamerkan untuk tontonan orang ramai. Pertama sekali saya terperanjat apabila beliau berjumpa saya, bercakap bahasa Melayu yang cukup fasih, tidak langsung pelat macam orang asing. Kemudian beliau menghulurkan saya rokok kretek. Jadi, pertama kali saya nampak orang Russia hisap rokok kretek. Kemudian saya tengok orang ramai duduk tunggu hendak masuk ke tempat persemadian Lenin, jadi saya tanya, "Kenapa ramai sangat orang, dia hendak pergi mana?". Dia kata "Orang ini semua menunggu untuk menziarahi makam 'Allahyarham' Lenin". Jadi itu dia punya sensitiviti, dia translate semua, dengan Lenin

pun jadi 'Allahyarham' dan tempat persemadian Lenin itu jadi makam, seolah-oleh raja dan memang bagi mereka, dia adalah raja.

Jadi, ini menunjukkan bahawa negara-negara lain memberi perhatian kepada aspek ini tetapi diplomat-diplomat kita mungkin mereka ada yang boleh menguasai bahasa asing tetapi kebanyakan Bahasa Malaysia dan mungkin sedikit sebanyak bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris pun sejak akhir-akhir ini saya dimaklumkan tetapi sekarang mungkin dah ada baik. Saya dimaklumkan oleh bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, sudah bersara, dia pernah beritahu bahawa Kementerian Luar Negeri malah semasa itu dalam tahun 80-an menghadapi masalah kerana banyak diplomat yang kita hantar ke luar negara ada satu macam perasaan inferiority complex, rasa rendah diri kerana keterbatasan mereka dalam menguasai bahasa Inggeris, akibatnya mereka tidak mahu campur dengan orang. Kalau dijemput ke undangan-undangan tertentu, majlis-majlis tertentu yang melibatkan pergaulan dengan masyarakat antarabangsa mereka seboleh-bolehnya mengelakkan diri untuk hadir.

Ini maklumat yang disampaikan kepada saya beberapa tahun dahulu oleh bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan saya yakin sekarang perkara ini telahpun dipulihkan saya kira, dan saya dimaklumkan banyak kursus diadakan dan saya yakin diplomat-diplomat kita sekarang terutama di peringkat konsular dan ke bawah, mungkin dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik untuk membolehkan mereka berfungsi dengan efektif.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Rompin tadi, memang tidak dapat dipertikaikan bahawa seorang diplomat yang baik harus dapat menguasai bahasa yang sekurang-kurangnya di negara di mana mereka bertugas. Hanya dengan cara itu sahaja mereka dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Kalau kita hendak cari maklumat saya ingat adalah lebih baik untuk bergaul dengan masyarakat tempatan.

Saya ingin berbalik kepada saranan saya tadi supaya kita mengkaji kemungkinan meluaskan lagi peranan kita di seberang laut untuk menangkis serangan-serangan percubaan untuk 'mempariakan' negara kita ini. Saya ingat salah satu caranya [*Disampuk*] ialah macam saya kata tadilah untuk bukan sahaja meluaskan perwakilan kita di seberang laut tetapi macam saya katakan tadi, adakan pusat kebudayaan (cultural center) dan luaskan lagi perkhidmatan penerangan dan kalau di Kuala Lumpur, kita dulu ada USIC yang kerja dia bagi penerangan tentang Amerika. Kenapa kita tidak boleh ada pusat yang sama misalnya di Washington atau New York ataupun di London. Kalau pegawai-pegawai kita sekarang misalnya, dianggap tidak begitu kanan untuk menjalankan peranan ini kita boleh lantik attaché penerangan yang mungkin bertaraf duta. Ini boleh dilaksanakan kerana tujuannya adalah mulia. Kita tidak harus melupakan pengalaman yang pernah kita alami dalam tahun 60-an dulu.

Kalau sekarang ini percubaan hanya dibuat media dan pemimpin-pemimpin tertentu untuk memburuk-burukkan kita tetapi pengalaman yang kita alami semasa tahun 60-an terutama sekali semasa zaman konfrontasi dengan Indonesia dulu adalah amat pahit. Masa itu sejarah sudah menunjukkan bahawa kita terlalu memberi tumpuan pada hubungan dengan negara-negara bekas jajahan British. Masa itu kita punya pandangan lebih pro kepada Barat dan kita abaikan negara-negara baru muncul, kita abaikan Negara-negara Dunia Ketiga sehingga akhirnya lompong yang kita lahirkan itu dipenuhi oleh pemimpin dari Republik Indonesia semasa itu iaitu Allahyarham Sukarno dan Sukarno telah berjaya untuk memburukkan kita di kalangan Negara Dunia Ketiga, di kalangan Negara-negara Berkecuali. Akhirnya kita tidak ada kawan, semua negara ini memusuhi, nasib baiklah kita ada Britain dan juga Australia-New Zealand yang masa itu baik dengan kita tetapi kalau perkara ini berlaku sekarang ini, saya tidak yakin kita boleh mendapatkan bantuan yang sama daripada mereka.

Jadi adalah jelas bahawa untuk survival kita pada masa hadapan, untuk compliment ataupun untuk melengkapi usaha kita di dalam negara untuk memajukan negara maka usaha-usaha di peringkat antarabangsa ini harus kita pertingkatkan. Saya yakin dengan kepimpinan yang ada sekarang, dengan keghairahan, dengan komitmen yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri, kita boleh berjaya dan insya-Allah, saya juga yakin negara kita akan lebih terkenal di masa-masa hadapan di peringkat antarabangsa.

Sebenarnya untuk membolehkan kita disegani dan dikenali, pertama sekali hendaklah ada usaha untuk memperkenalkan kita dan kedua, idea-idea yang hendak kita keluarkan itu hendaklah merupakan idea yang bernas, yang boleh diberikan contoh. Ini telah kita buktikan, kita boleh melihat daripada usaha kita untuk memulihkan ekonomi, kita boleh melihat pendirian kita mengenai isu-isu penting seperti isu Bosnia dan Kosovo.

Jadi, orang telah melihat dan berdasarkan kepada ini kita juga telah mempamerkan kebolehan rakyat Malaysia bekerja keras sehingga sebelum gawat misalnya kita dapat mengekalkan pertumbuhan yang mapan dalam bidang ekonomi pada tahap hitung panjang 800 tahun. Semua ini merupakan tanda-tanda yang boleh menyakinkan orang bahawa kita sebenarnya adalah sebuah negara, kita sebenarnya adalah satu bangsa yang harus disegani dan dihormati. Dengan adanya usaha yang bersungguh-sungguh di peringkat luar, saya yakin lama-kelamaan pandangan-pandangan negatif mengenai Malaysia ini, ulasan-ulasan yang mungkin tidak enak kita dengar mengenai Malaysia ini dengan sendirinya lenyap. Samalah misalnya apa yang pernah berlaku kepada sebuah negara jiran pada suatu masa dahulu.

Jadi, saya tidak berhajat untuk bercakap lebih daripada itu dan dengan ini sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong Karang.

3.12 ptg.

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana saya juga ingin bersama-sama memberi pandangan mengenai Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999. Apabila menyebut hubungan konsular ini, saya ingin

Tuan Yang di-Pertua: Bukan yang itu Yang Berhormat, yang nombor dua, yang itu nombor lima belas.

Tuan Haji Noh bin Omar: Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang terdahulu itu.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sebab lebih kurang sama Tuan Yang di-Pertua, dia punya

Tuan Yang di-Pertua: Ialah betul tetapi kalau hendak buka mukadimah itu kenalah yang nombor dua itu.

Tuan Haji Noh bin Omar: Ya, terima kasih. Jadi saya ingin menyentuh mengenai hubungan kita dengan negara jiran kita kerana saya rasa hubungan diplomatik ini yang paling penting ialah kita dengan jiran kita. Kalau kita dengan jiran kita tidak mempunyai hubungan yang baik, sudah tentu kita sukar untuk menjalinkan hubungan dengan negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat tersentuh dengan kelakuan dan tindakan kerajaan Singapura yang sering menguji kesabaran Malaysia. Banyak insiden yang telah berlaku boleh menggugat hubungan serantau dan boleh dikatakan kesemuanya berpunca

daripada Singapura. Tanpa sifat kesabaran dan kekeluargaan yang diamalkan oleh Malaysia, sudah lama kejadian-kejadian tersebut boleh mencetuskan sesuatu yang tidak baik di antara Malaysia dan Singapura.

Marilah kita bersama-sama imbas kembali apa yang pernah Singapura lakukan boleh menguji kesabaran Malaysia. Yang pertama, Singapura pernah bersekongkol dengan Israel. Singapura pernah menerima lawatan rasmi Ketua Negara Israel walaupun mendapat bantahan keras dari rakyat Malaysia. Perhubungan Singapura dengan Israel cukup akrab. Singapura menerima bantuan dari segi teknikal kepakaran tentera Israel.

Yang kedua, pengembangan angkatan tentera yang keterlaluan, berdasarkan perangkaan dan juga pemerhatian saya sebagai rakyat Malaysia, Singapura dianggap mempunyai kelengkapan tentera yang paling lengkap dan tercanggih di kalangan negara-negara di rantau ini. Di antara peralatan canggih yang dimiliki oleh Singapura ialah seperti kereta kebal heavy battle tank yang sesuai untuk tugas offensive, kapal tentera laut yang lengkap dengan senjata canggih jarak jauh, kelengkapan udara yang terkini seperti radar pengesanan jarak jauh, jet pejuang F16 dan yang terkini pembelian beberapa helikopter penyerang Apache yang memang dikhususkan untuk tugas menyerang offensive jarak jauh. Pengembangan angkatan tentera Singapura yang begitu agresif dan besar tidak seimbang dengan saiz negaranya yang kecil dan bertentangan dengan aspirasi ASEAN yang ingin mewujudkan kawasan berkecuali, aman dan bebas di rantau ini.

Yang ketiga, pencerobohan pesawat-pesawat tentera udara Singapura, beberapa siri pencerobohan terhadap ruang udara Malaysia terutamanya di Johor telah dilakukan dengan cara sengaja untuk tujuan pengintipan dan latihan offensive di samping untuk menguji pertahanan udara Malaysia.

Yang keempat, persetujuan dan juga perjanjian Singapura dengan Amerika Syarikat untuk menyediakan kemudahan pelabuhan dan logistik kepada kapal-kapal perang angkatan laut Amerika Syarikat sebagai pangkalan logistik menggantikan pangkalan di Subic Bay. Kemudahan tersebut dipercayai disediakan secara percuma.

Yang kelima, tuntutan kes ke atas Pulau Batu Putih di perairan negeri Johor masih menjadi isu.

Yang keenam, pengukuasaan yang lebih ketat ke atas rakyat Malaysia yang memasuki Singapura. Rakyat Malaysia dikenakan bayaran levi kenderaan yang tinggi untuk masuk ke Singapura. Mengarahkan rakyat Singapura supaya memaksimumkan tangki minyak sebelum memasuki Malaysia, salah satu lagi cara isu mereka menyinggung perasaan kita. Arahan ini seolah-olah melarang rakyat Singapura membeli minyak di Malaysia kerana harga yang lebih murah dan pertukaran wang yang tinggi.

Yang ketujuh, pengeluaran wang CPF rakyat Semenanjung Malaysia yang telah bersara dan bekerja di Singapura tidak dibenarkan mengeluarkan caruman sebelum usia 55 tahun.

Yang kelapan, kenyataan negatif dan kontroversi oleh seorang pemimpin kanan Singapura mengatakan Malaysia iaitu Johor, sebuah negeri yang tidak selamat kerana kerap berlaku rompakan dan jenayah.

Yang kesembilan, laporan negatif oleh media Singapura yang mengkritik dan mengecam hebat serta memperkecil-kecilkan keupayaan Lapangan Terbang KLIA, kononnya terlalu banyak kelemahan dan tidak setanding dengan Lapangan Terbang Changi.

Yang kesepuluh, organisasi dalam angkatan tentera Singapura. Perkhidmatan tentera adalah diwajibkan iaitu National Service ke atas kesemua rakyat Singapura yang mencukupi syarat, malangnya orang-orang Melayu hanya berkhidmat sebagai anggota lain-

lain pangkat (pangkat bawahan) di dalam perkhidmatan tersebut. Sukar sekali dilihat pegawai-pegawai Melayu di dalam angkatan tentera Singapura, berbanding di Malaysia para pegawai angkatan tentera tidak hanya terhad untuk orang Melayu bahkan ramai bukan Melayu yang menyandang jawatan tinggi termasuk jeneral.

Yang kesebelas, pemindahan operasi Kastam dan juga Imigresen CIQ KTMB ke Woodlands, Tanjung Pagar telah wujud sejak sekian lama bahkan sebelum Singapura bebas dari Malaysia lagi. Tanah di Tanjung Pagar adalah milik Malaysia. Tindakan Singapura yang ingin mengubah sesuatu tanpa perundingan terlebih dahulu adalah sesuatu yang membelakangkan dan mencemarkan maruah Malaysia.

Daripada pengalaman dan senario yang dilalui, jelas segala isu yang timbul adalah berpunca daripada Singapura sendiri yang bersifat provokatif untuk mencabar kewibawaan Malaysia. Perangai Singapura boleh ditafsirkan melanggar tatasusila sebagai sebuah negara di Asia.

Tuan Yang di-Pertua, budaya Asia adalah pentingkan keharmonian dan saling hormat-menghormati tetapi Singapura dilihat semakin hari semakin ia maju semakin hilang ciri-ciri keAseanannya. Singapura seolah-olah iri hati dan takut dengan kelebihan yang ada pada negara jirannya iaitu negara kita. Gaya Kerajaan Singapura yang membangunkan negaranya sebegitu rupa yang jauh ke hadapan dan terlalu ketenteraan dari segi sumber manusianya, kecekapan dan peralatan tentera yang berlebih-lebihan menggambarkan negara-negara jirannya terutamanya Malaysia yang terdekat dianggap satu ancaman seolah-olah musuh kepadanya.

Media dan juga Kerajaan Singapura seolah-olah mempunyai sentimen dan agenda-agenda tertentu berniat tidak baik terhadap Malaysia, seumpamanya wujud budaya kiasu yang ianya sentiasa untung dan menjadi juara setiap masa dan proneness, selalu bimbang dan prasangka buruk ke atas apa-apa yang dilakukan oleh orang lain. Suasana ini tidak boleh dipandang ringan oleh Malaysia kerana ia melibatkan soal maruah dan kedaulatan negara. Malaysia selama ini tidak pernah bertindak balas negatif terhadap Singapura, di sebaliknya kita selalu mengalah dan sabar kerana utamakan semangat kejiranan dan cintakan keamanan. Sudah sampai masanya satu pengajaran yang tegas harus dikaji supaya Singapura tidak terus hanyut dengan sikapnya yang boleh menjahanamkan masa depan negara-negara jirannya. Singapura seharusnya kenal siapa dirinya dan dari mana asal usulnya.

Kesimpulannya, Malaysia dan Singapura mempunyai hubungan sejarah tersendiri. Walaupun telah berpisah dari Malaysia dan berhak menentukan haluannya, namun pada hakikatnya kedua-duanya tidak dapat dipisahkan dari ikatan sejarahnya. Singapura harus ingat bahawa mereka hanya bergantung kepada Malaysia, umpamanya bekalan air, sumber makanan lain dan juga ekonomi. Malaysia banyak menyumbang kepada kepesatan aktiviti dagangan Pelabuhan Singapura. Walaupun banyak perkara dalaman yang menyentuh perasaan rakyat Malaysia seperti diskriminasi di dalam angkatan tentera dan mengabaikan hak orang Melayu walhal kesultanan Melayu itulah yang telah membuka Pulau Temasik yang kini bergelar Singapura dan hari ini yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, Kesultanan Melayu di Istana Kampung Gelam Singapura telah pun dikacau oleh pihak Kerajaan Singapura seolah-olah menafikan hak orang-orang Melayu iaitu Kesultanan Melayu di Singapura. Ini sudah tentu menghiris perasaan orang-orang Melayu di Singapura kerana asal usul Kesultanan Singapura itu datangnya daripada Tanah Melayu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Singapura sepatutnya berperangai seperti sebuah negara ASEAN yang mengutamakan keharmonian dan nilai-nilai ketimuran. Sikap buruk sangka, iri hati dan budaya kiasu yang diamalkan harus dibuangkan jauh-jauh dan kembali kepada semangat ASEAN. Sikap ingin menjadi juara di rantau ini dan membiarkan negaranya dipergunakan oleh sebarang kuasa besar adalah sesuatu yang tidak bermoral dan

akhirnya mungkin akan boleh menimbulkan hubungan yang tidak baik, bukan sahaja dengan Malaysia tetapi dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Maka kita harap, hubungan di antara Malaysia dengan Singapura yang saya nyatakan tadi banyak telah menghiris perasaan rakyat Malaysia dan orang Melayu khususnya harus diperbaiki dan saya harap pegawai-pegawai kita di kementerian dan juga pihak kerajaan akan dapat mempertingkatkan hubungan ini. Mudah-mudahan dengan hubungan baik di antara jiran ini akan dapat mempertingkatkan hubungan kita dengan negara-negara lain.

Dan akhirnya, saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji beberapa negara yang masih kita belum lagi mempunyai hubungan diplomatik seperti di Malta, yang mana baru-baru ini ramai Ahli Parlimen kita melawat Malta yang mana kita difahamkan Malta tidak ada wakil kita di sana, hanya melalui kedutaan kita di Rome yang mana jaraknya begitu jauh dan kita lihat kalau ada hubungan kita dengan Malta, insya-Allah, akan dapat membantu kita terutamanya dari segi kita meningkatkan bidang pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sipitang.

3.24 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan konsulat-konsulat ataupun diplomatik-diplomatik di negara kita di seluruh dunia memang telah kita hantar lama dan mereka telah pun menjalankan tugas sebagai wakil negara untuk menerangkan dan juga untuk memberi penjelasan mengenai perkara-perkara negara kita kepada mereka. Pada masa ini kalau kita lihat wakil kita di negara luar, kita mempunyai 13 Consulate-General ataupun konsulat dan 65 perwakilan diplomat. Untuk keseluruhan di dunia ataupun negara-negara, kita belum mempunyai, kalau kita lihat bilangan negara begitu banyak tetapi konsulat ataupun perwakilan konsular kita cuma dalam bilangan yang terhad. Ini ertinya tugas mereka meliputi kawasan yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham kita perlukan kewangan. Contohnya, di Sepanyol sahaja, baru-baru ini CPA kita ada melawat, kita cuma ada tiga atau empat orang pegawai yang menjalankan tugas di satu negara yang terbesar di Eropah yang mempunyai penduduk 40 juta orang. Ada juga konsulat kita yang berpusat di satu tempat tetapi menjalankan tugas untuk beberapa negara. Sudah tentu kepincangan-kepincangan ini membebaskan mereka dan banyak kerja yang perlu diselesaikan. Mungkin itu jugalah bahawa negara kita, apa yang berlaku di negara kita, dasar negara kita dan juga isu-isu semasa yang berlaku di negara kita tidak dapat disampaikan ataupun terhad pengetahuan untuk beberapa tempat sahaja. Memang kita faham tugas media seperti media-media asing antarabangsa tidak akan menyiarkan isu-isu yang mereka tidak mempunyai kepentingan. Apa yang mereka siarkan adalah isu-isu yang mempunyai kepentingan mereka sama ada berniat baik ataupun berniat jahat tetapi tugas yang ada pada konsulat kita ataupun diplomatik-diplomatik kita mestilah yang disarankan oleh kerajaan dan untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi tugas dan peranan konsulat-konsulat kita ini, ada tugas-tugas rasmi yang perlu untuk negara. Tugas-tugas ini dijalankan mengikut arahan-arahan, dasar-dasar negara dan juga dari masa ke semasa ada tugas-tugas sampingan sama ada yang tersirat atau yang tersurat yang perlu kita sampaikan. Kalau kita lihat keistimewaan-keistimewaan di bawah Perkara 34 dan Perkara 35 bahawa konsulat-konsulat kita ini boleh bergerak bebas – iaitu Perkara 34 Kebebasan Untuk Bergerak,

kemudian Perkara 35 Kebebasan Untuk Berkomunikasi. Ertinya peluang seperti ini hendaklah kita gunakan sepenuhnya di mana wakil-wakil kita yang bertugas di negara-negara tertentu bebas untuk bergerak untuk meninjau keadaan di sesuatu negara dan juga bebas berkomunikasi dengan sesiapa sahaja sama ada secara rasmi atau tidak rasmi untuk mendapatkan maklumat ataupun menyampaikan maklumat mengenai dasar negara kita ataupun apa yang berlaku di negara kita dan juga mendapatkan maklumat di negara-negara di mana mereka bertugas.

Tuan Yang di-Pertua, masalah seperti rakan kita katakan tadi mungkin pegawai-pegawai kita ini tidak bebas bergerak ataupun tidak mahu bergerak oleh kerana kawasan yang begitu luas dan juga keadaan perhubungan terutama sekali dari segi bahasa yang mereka tidak pakar dalam negara tersebut. Oleh itu, dalam perkara ini kerajaan mesti melihat bahawa mestilah ada pegawai yang cukup untuk dihantar ke satu-satu tempat mengikut kawasan. Saya tidak mencadangkan semua negeri ataupun negara di dunia ini tetapi kepada negara-negara yang strategik yang kita mempunyai kepentingan politik dan juga kepentingan ekonomi, sosial dan sebagainya. Jadi, kita mesti menghantar dan untuk menghantar pegawai-pegawai ini mestilah penuh dengan persediaan terperinci khususnya dari segi kepintaran ataupun kepakaran dan juga dari segi kefasihan berbahasa.

Pegawai kita yang akan ditempatkan misalnya di negara-negara asing, misalnya di Russia mestilah mempunyai sekumpulan, bukan seorang, sekumpulan pegawai-pegawai yang fasih, mahir berbahasa Russia tanpa ada pelat sedikit pun dan untuk persediaan ini kita bukan menghantar, kita cuma ambil, lihat pegawai yang sesuai hantar dan apabila mereka berada di Russia barulah ambil kelas malam untuk belajar bahasa Russia. Tiga tahun di Russia masih tunggang-langgang tidak boleh bercakap bahasa Russia dan masih diketawakan oleh orang Russia. Sepatutnya sebelum kita hantar ke Russia, sekumpulan pegawai-pegawai ini ataupun pembantu-pembantu diplomat ini mestilah fasih betul dengan bahasa Russia dan tidak ada pelat Melayu ataupun pelat orang Malaysia dan mereka boleh bercampur gaul dengan orang Russia dan barulah mereka boleh bebas bergerak di Russia. Begitu juga dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya di negara-negara Amerika Latin Selatan mengikut bahasa negara mereka sama ada bahasa Sepanyol, Portugis dan sebagainya. Sebelum kita menghantar, kita mestilah memilih mengikut priority kita dalam bidang apa yang kita ingin tonjolkan, misalnya penerokaan perniagaan ataupun pasaran baru di Amerika Selatan ataupun di Afrika. Mestilah kita mempunyai pegawai yang mahir dalam bidang perundingan, perniagaan, perundingan perdagangan dalam bahasa yang mereka gunakan di negara tersebut. Bukan seperti yang saya katakan awal tadi apabila kita hantar pegawai ke situ barulah mereka akan menghadiri kelas malam dan tiga tahun tinggal di situ, cakap bahasa Sepanyol, Portugis pun belum boleh lagi, macam mana mahu negotiate? Sudah terlambat dan apabila mereka ini sudah pandai pula berbahasa mereka sudah sampai masa untuk ditamatkan perkhidmatan. Jadi, bagaimanakah kita boleh mempertingkatkan hubungan kita untuk mendalami sesuatu negara ataupun budaya negara tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa kebanyakan diplomat-diplomat ataupun konsulat-konsulat ini adalah daripada kalangan PTD, orang yang telah dilatih dalam pentadbiran kerajaan. Sedikit benar mereka ini yang daripada kalangan orang politik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah kerajaan menimbang semula supaya barangkali separuh mengikut negeri dan tempat di mana mereka akan ditugaskan. Kita hantarlah bekas ahli-ahli Parlimen ataupun bekas menteri ataupun bekas Ahli Dewan Undangan Negeri yang mempunyai kepakaran tertentu menjadi wakil-wakil, konsulat-konsulat ataupun diplomat-diplomat ke negara luar. Saya ingat rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini setuju supaya dihantar ahli-ahli Parlimen ataupun mereka yang telah mempunyai banyak pengalaman mengenai dengan keadaan negara, keadaan politik semasa dan juga yang fasih dengan pentadbiran. Saya pasti mereka akan boleh menjalankan tugas

ini dengan lebih baik khususnya dalam soal hubungan dua hala politik dan juga diplomatik. Bukan saya menidakkan kebolehan pegawai-pegawai PTD. Itu memang mereka juga pakar tetapi apa salahnya kalau kita campur ataupun gabungkan di antara pegawai PTD dengan ahli-ahli politik.

Tuan Yang di-Pertua, pembangkang pun boleh, kalau dia sudah masuk Barisan Nasional menyokong negara kita boleh hantar juga menjadi diplomat ke negara luar. *[Disampuk]* Ada cadangan pemimpin PAS boleh dihantar ke negara-negara Timur Tengah, Arab Saudikah ataupun ke Iran dan Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang rumit yang sering kita hadapi adalah saya melihat bahawa pengetahuan kita ataupun aspirasi ataupun pemikiran negara-negara di mana kita ada diplomat ini. Kita tidak faham dari segi apa yang mereka perlukan dan mungkin kegagalan kita tidak mengetahui isu-isu yang akan ditimbulkan oleh sesuatu negara itu lebih awal. Barangkali kegagalan wakil-wakil kita di negara tersebut yang tidak mengetahui ataupun yang sukar diketahui apabila sesuatu perkara yang menyentuh isu-isu sensitif ditimbulkan di negara tersebut. Kadang-kadang lambat kita ketahui sehingga ia sudah menjalar luas menjadi isu yang begitu besar barulah kita ketahui. Sepatutnya wakil-wakil kita, diplomat, konsulat kita di negara tersebut mengetahui perkara ini lebih awal dan menghantar maklumat ke negara kita supaya maklumat ini boleh diproses, boleh diteliti dan diberitahu kepada pemimpin-pemimpin negara kita dan bolehlah kita membuat persediaan untuk 'counter', dengan izin, ataupun membalas kenyataan-kenyataan itu dengan sesuatu yang lebih positif mengikut cita rasa dan juga barangkali mengawal sensitiviti negara tersebut.

Jadi, ini boleh kita elakkan kalau kita boleh dapat mengumpul maklumat-maklumat di negara tersebut. Contohnya, beberapa isu setempat yang saya ingin kritik ialah hubungan kita di antara ASEAN itu sendiri. Di mana beberapa isu ASEAN yang kita katakan kita boleh menyelesaikan banyak masalah di antara negara ASEAN tetapi masih lagi perkara-perkara ini menjadi topik utama dan juga perkara yang belum nampak penyelesaiannya. Contohnya, isu tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah masih belum ada nampak jalan ataupun perubahan pendirian negara jiran kita. Tuntutan bertindih Kepulauan Spratly yang baru ini menjadi isu, walaupun berada di keliling ASEAN iaitu di antara negara Vietnam, Filipina, Indonesia, Malaysia dan Brunei. Isu ini masih samar-samar dan belum ada tanda-tanda untuk jalan penyelesaian. Cara yang paling senang barangkali, oleh kerana ia berada di kawasan kita, kenapa perkara ini boleh berlaku? Kita masih mempersoalkan peranan kita untuk menyelesaikan masalah ini.

Apa tidaknya kita boleh bahagi-bahagikan Pulau Spratly ini secara mudah. Brunei ambil sebuah, Malaysia dua buah, Filipina ambil tiga pulau, China ambil, Vietnam, mengikut di mana kedudukan mereka. Tetapi jikalau masing-masing tidak mahu menyelesaikan masalah ini tentu sekali masalah ini akan berlanjutan, berterusan dan tidak akan selesai dalam jangka masa yang lama dan ini merupakan bibit-bibit ataupun detik-detik yang akan sentiasa membelenggu yang menimbulkan perasaan curiga, perasaan tidak tenteram dan juga sebagai bahan untuk pertelingkahan di masa akan datang. Jadi, kalau boleh perkara-perkara seperti ini diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu juga bahawa pengalaman yang lalu mengenai dengan kedudukan konsulat ataupun wakil-wakil luar ke negara kita. Saya dapat tahu pada masa yang lalu, saya minta penjelasan daripada kementerian, ada orang Malaysia yang dilantik menjadi konsulat oleh negara luar. Warganegara Malaysia yang dilantik oleh negara luar menjadi konsulat mereka. Ini mungkin mengurangkan perbelanjaan dan memudahkan sama ada perkara ini masih adakah konsulat negara-negara luar yang melantik warganegara Malaysia menjadi konsulat mereka di Malaysia ini sama ada di Sabah ataupun di Sarawak. Ataupun adakah juga kita Malaysia melantik konsulat-konsulat wakil kita di kalangan warganegara asing di negara mereka bertugas.

Sepatutnya jikalau ada warganegara Malaysia yang menjadi wakil negara luar, sepatutnya wakil-wakil negara luar ini ialah yang perlu bertanggungjawab, mengambil peranan yang begitu besar apakah mereka ini pernah dipanggil ataupun diberi penerangan mengenai di samping mereka menjadi konsulat kepada negara luar mereka juga sepatutnya bertugas untuk memberi maklum balas mengikut citarasa negara kita. Bukan cuma mereka mengambil jawatan tersebut dan mengambil elaun barangkali bertugas dan menjadi orang suruhan negara-negara berkenaan. Di sini mungkin akan timbul perasaan patriotik yang mereka ini memikirkan barangkali setelah mendapat jawatan bukan pula bertanggungjawab kepada negara kita tetapi bertanggungjawab kepada negara yang mereka wakili. Jadi, ini kita minta sama ada masih ada atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah lain yang perlu diselesaikan dan saya melihat peranan wakil-wakil kita, konsulat-konsulat kita memang begitu besar dan boleh dijayakan jikalau kerajaan menyusun strategi, susun semula apakah tugas-tugas sampingan yang perlu mereka jalankan setelah ada tugas rasmi, ada pula tugas-tugas sampingan konsulat atau pun wakil-wakil kita di negara luar ini untuk membantu kerajaan menyelesaikan masalah-masalah yang wujud. Pertelingkahan yang hangat misalnya soal seperti rakan kita bincangkan tadi, iaitu negara jiran kita Singapura dengan pelbagai tuduhan, dengan pelbagai fitnah atau sebagainya, saya rasa boleh dikurangkan jikalau ahli-ahli konsulat kita membuat kunjungan ataupun pegawai-pegawai ini berinteraksi dengan pegawai-pegawai yang membuat dasar atau yang membuat di negara tersebut. Memang kadang-kadang ada juga kenyataan-kenyataan itu yang secara spontan keluar daripada mulut pemimpin atau pun ahli politik. Tetapi dalam banyak keadaan bagi kenyataan-kenyataan yang terancang ataupun yang sudah diaturkan boleh pegawai diplomat kita membuat kunjungan hormat tertentu kepada pegawai-pegawai yang membuat dasar di negara berkenaan supaya menimbang semula ataupun meredakan kenyataan-kenyataan yang begitu keras untuk kebaikan bersama setelah ia keluar dalam surat khabar, media massa, barulah kita ingin kaunter secara yang lebih buruk pula dan inilah mungkin satu hari susah untuk kita perbaiki masalah ini.

Begitu juga dengan masalah-masalah lain, masalah-masalah bersama contohnya mengenai dengan masalah-masalah pendatang, rakyat-rakyat negara jiran yang berada di negara kita misalnya di Sabah ramai, begitu juga di Semenanjung. Di Sabah ramai warganegara Indonesia, warganegara Filipina yang berada di Sabah dan juga di Semenanjung. Kita minta kerjasama supaya konsulat-konsulat negara luar ini, jiran kita ini, mengambil peranan yang begitu proaktif dan kita memberi bantuan mereka supaya mengawal masalah-masalah ini misalnya memang banyak berkeliaran pendatang-pendatang tanpa izin di Malaysia ini yang seolah-olah nampak kita tidak mengambil tindakan yang serius terhadap perkara ini. Kita membiarkan juga mereka berada di negara kita, kita buat operasi 'Ops Bersih, macam-macam operasi untuk menangkap mereka ini dan kita hantar. Tetapi apakah tugas dan tanggungjawab konsulat wakil-wakil negara ini supaya masalah ini kita dapat tangani bersama untuk kebaikan bersama. Kita memang inginkan juga, kita memang tidak menolak bahawa kita perlu juga buruh-buruh asing ini khususnya di sektor perladangan, perkilangan, pembinaan misalnya di Sabah. Kalau tidak ada pendatang ataupun pekerja asing ini sudah tentu banyak kelapa sawit di Sabah ini tidak akan dikutip. Tetapi masalahnya juga bahawa soal pendisiplinan ataupun masalah budaya orang-orang pendatang yang berada di negara kita ini di Sabah khususnya bahawa mereka tidak boleh membuang budaya cara mereka hidup di negara mereka dan dibawa masuk ke tempat mereka bekerja. Kalau mereka ada geng atau pun kumpulan-kumpulan di negara mereka, mereka juga akan ada kumpulan di negara kita. Misalnya, kalau di di negara mereka ada geng samseng, mereka bermusuhan di negara mereka, buat kacau di sana dan apabila mereka datang ke Sabah mereka meneruskan perasaan dendam mereka itu di Sabah dan mereka akan membalas dendam di Sabah dan terjadilah pergaduhan yang membawa akibat yang tidak baik. Oleh sebab itu kita lihat bahawa setiap hari kalau surat

khobar di Sabah, siapa yang pergi ke Sabah ada sahaja berita - dua hari sudah pun ada pergaduhan di kompleks pembinaan di Kuala Lumpur ini yang sama-sama mereka bergaduh. Tetapi mereka ini sebenarnya bergaduh asal usulnya di negara mereka.

Jadi di sinilah kita ingin minta peranan konsulat-konsulat ini, wakil-wakil negara ini supaya membudayakan pekerja-pekerja ini supaya bekerja untuk mencari makan di negara kita dengan lebih berdisiplin bukan membawa budaya mereka yang tidak baik, saya mengatakan budaya mereka di kampung mereka yang tidak baik dan dibawa ke sini. Jadi kita minta supaya konsulat ini mengambil peranan lebih proaktif.

Ini juga sikap kerajaan kita iaitu kita perlu melihat bahawa permohonan untuk pekerja-pekerja asing ini mestilah kita luluskan mengikut yang diperlukan oleh peladang-peladang, pengilang-pengilang kerana mereka perlukan kelulusan ini dan kalau kita tidak meluluskan, sudah tentu mereka ini perlukan juga pekerja asing ini dan mereka akan terpaksa mengambil buruh-buruh secara haram dan ini akan menggalakkan lagi keadaan, iaitu akan memasuki satu pusingan ataupun satu visor cycle, dengan izin, pusingan maut di mana makin banyak pekerja asing, pekerja haram ini akan diambil.

Jadi, hubungan di antara

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Beri peluang kepada dia. Bukankah masuk Barisan?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sipitang. Saya bersetuju dengan saranan ataupun pandangan Ahli Yang Berhormat tentang peranan konsular kita di luar negara mengenai dasar buruh dan juga budaya kita. Tetapi apakah pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai peranan konsular kita di luar negara khususnya negara jiran mengenai tatacara untuk memohon kewarganegaraan oleh kerana negara-negara jiran kita menganggap seolah-olah negara kita ini tidak ada lagi tatacara khusus yang wujud mengenai cara-cara permohonan menjadi warganegara kecuali melalui penjualan pasport ataupun kad pengenalan palsu di pasaraya ataupun di jabatan-jabatan pendaftaran.

Jadi, adakah ini penting atau adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa ini juga penting diperjelaskan oleh konsular kita di luar negara khususnya di negara-negara jiran. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih rakan saya daripada Tuaran. Kita ada undang-undang, soal pemberian kewarganegaraan itu kita proses mengikut undang-undang. Dan setiap perkara itu memang ada orang-orang yang akan melanggar peraturan dan undang-undang. Ada penjenayah, ada orang yang membuat kad pengenalan palsu, ada orang yang mencuri pasport, membuat pasport palsu, kewarganegaraan palsu dan sebagainya.

Ini telah pun ditangani oleh kerajaan, sebab itu kerajaan telah pun menangkap, masuk ISA mereka yang membuat kad pengenalan palsu, membuat pasport palsu dan sebagainya. Tetapi apa yang kita ingin jelaskan di sini bahawa ia mestilah ada prosesnya, ada cara-caranya yang tersendiri dan saya ingin juga di sini menyebutkan bahawa perkara-perkara seperti ini kita juga mesti membekalkan ilmu ataupun prosedur-prosedur ini kepada wakil-wakil kita, konsulat-konsulat kita di mana mereka bertugas, khususnya negara-negara yang mempunyai keadaan yang serius ini, misalnya di Indonesia, di Filipina, di Bangladesh, di Sri Lanka, India, Thailand, Myanmar dan sebagainya di mana terdapatnya banyak pendatang asing tanpa izin ini yang boleh menyeludup masuk oleh kerana kelonggaran proses kita.

Tindakan tegas hendaklah diambil mengikut undang-undang kepada mereka yang bersalah, yang memalsukan, yang menyeludup, yang memuat sindiket membawa pekerja asing ini tanpa izin.

Sebab itu, saya katakan awal-awal tadi, bahawa kerajaan hendaklah mengkaji bahawa jikalau permohonan itu perlu untuk mendapatkan pekerja asing, kenapa tidak kita luluskan kerana ini juga untuk kebaikan negara dan untuk mengelakkan adanya sindiket-sindiket pekerja asing ini yang banyak dilaporkan, ada yang masuk dalam lori ikan, ada yang dalam bot dan macam-macam lagi cara dan kaedah untuk membawa masuk pekerja asing ini.

Bagi petugas-petugas yang saya katakan tadi, bahawa konsulat ini perlu dibekalkan dengan ilmu ini, prosedur dan peraturan ini mengikut keseluruhan bukan sahaja tatacara untuk memohon ataupun dokumen-dokumen yang perlu tetapi juga perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan urusan-urusan kemasukan pekerja asing ini, misalnya soal kesihatan, soal budaya, soal tatacara kehidupan orang-orang di Malaysia, soal apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan di negara mana mereka akan bertugas. Ini mungkin ada diberitahu tetapi penekanan dan tanggungjawab ini tidak dilaksanakan oleh wakil-wakil kita di negara-negara tersebut.

Kita ingin tahu berapa banyak misalnya, perjumpaan dengan agensi buruh asing di negara asal mereka sebelum mereka datang ke Malaysia secara legalnya ataupun secara mengikut undang-undang, wakil kita datang memberi ceramah ataupun menyampaikan maklumat kepada mereka yang akan dihantar ke negara ini.

Saya dapat tahu membaca daripada laporan-laporan memang mereka ini diberi taklimat, tetapi taklimat mereka adalah bagaimana untuk mengelak daripada ditangkap oleh Pegawai Keselamatan, bukan taklimat untuk mengikuti cara-cara negara kita yang betul tetapi bagaimana atau jalan mana yang mereka harus lalu supaya mereka ini menjadi pendatang tanpa izin yang selamat di negara kita.

Jadi, ini saya ingat bertentangan dengan kehendak kita dan ini perlu dibanteras, biarlah ia terbuka secara sihat supaya mereka datang ke negara kita, negara kita aman, bebas daripada pendatang izin ini, kerana kalau kita biarkan dalam jangka masa yang panjang secara berterusan, ini akan memudaratkan kita dari segi keselamatan, dari segi budaya, dari segi hubungan sosial, soal nikah kahwin, anak dan sebagainya, banyak masalah yang susah untuk diselesaikan dan sekarang ini pun kita ada ratusan ribu masalah yang tergantung, yang sukar kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan peranan dan tugas konsulat, wakil kita atau diplomat kita di luar negara ini perlu dikaji semula ataupun diberi assignment ataupun tugas-tugas khas mengikut di mana mereka akan ditugaskan, biarlah mungkin ada mission tertentu seperti mission James Bond ataupun Mission Impossible, dengan izin, untuk mereka jalankan dan kita bersetuju supaya pegawai-pegawai yang dihantar itu memang pakar ataupun tahu dalam bidang mereka.

Jadi, saya tidaklah ingin bercakap panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Labuan

3.58 ptg.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi membincangkan Akta Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvesyen Vienna) (Pindaan) 1999.

Walaupun ada setengah kawan-kawan kita nampaknya telah terlangkau, terlanjut membahaskan rang undang-undang yang belum lagi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Walaupun demikian, saya ingin, pertama mengalu-alukan serta menyokong pindaan ke atas Akta yang ada ini, yang bagi saya pindaan ini memperlihatkan kepada dunia, bahawa Malaysia mempunyai kerangka perundangan yang jelas bagi memperuntukkan keistimewaan diplomatik. Ini selaras dengan persetujuan Konvensyen Vienna. Dan ianya juga bagi saya bukan sahaja merupakan suatu akta yang lengkap, tetapi ia juga disebut secara jelas.

Walaupun sebelum ini kita difahamkan sudah ada peraturan-peraturan ataupun tatacara yang dilaksanakan, yang melibatkan keistimewaan diplomatik ini di mana ianya dilaksanakan secara budi bicara Kerajaan Malaysia walaupun ianya tidak termaktub ataupun tidak dinyatakan secara khusus dalam bentuk akta.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan ini, saya juga ingin menyebutkan secara ringkas, apa yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi tentang hubungan negara kita dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, kita memahami bahawa kita boleh memilih jiran kalau kita mahu duduk di sebuah kawasan, kalau jiran itu tidak sesuai dengan kita, kita pilih tempat lain untuk kita duduk. Tetapi bila kita berhadapan dengan masalah di mana jiran kita sebuah negara yang mempunyai masalah dengan kita ini, kita sebenarnya tidak mempunyai pilihan, yang hanya ada ialah kita harus toleran kepada apa jua tindakan, tingkah laku jiran kita supaya kita dapat mewujudkan hubungan diplomatik, hubungan kejiranan yang baik. Tetapi kalau kadangkala kita bertindak kasar kepada jiran-jiran kita, ianya juga tidak akan mendatangkan kebaikan.

Tetapi dalam kebanyakan hal, dalam kebanyakan perkara, negara kita selalunya bertindak mengalah, tidak begitu agresif, misalnya apa yang dilakukan oleh Singapura kita banyak berdiplomasi daripada bertindak balas. Saya rasa sudah cukup dan tiba masanya bagi kerajaan kita untuk bertindak balas kepada apa yang dilakukan oleh Singapura kepada kita, apa yang dilakukan oleh Singapura tentang beberapa perkara, beberapa masalah yang perlu diselesaikan secara diplomatik di antara negara kita dengan Singapura ini memang selalunya merumitkan dan sukar untuk mencari jalan penyelesaian. Singapura selalunya mengheret daripada satu perkara lain untuk dimasukkan ke dalam misalnya perjanjian untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Ini bagi saya adalah satu tindakan yang tidak adil, tidak adil dilakukan oleh sebuah negara apatah lagi ianya tidak adil dilakukan oleh sebuah negara jiran kepada negara jiran yang dekat yang mempunyai hubungan sejarah dengan negara kita ini.

Jadi, sekali lagi saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya memikirkan supaya negara kita ini bertindak liar, bertindak kasar sedikit, secara offensive sedikit kepada negara Singapura ini. Misalnya kita tutuplah air, jangan beri Singapura air, cuba tengok dia serangkah atau tidak besok, dia beranikah serang Malaysia besok kalau kita tutup dia punya bekalan air itu.

Itu pandangan sayalah, mungkin agak kasar, tetapi itu pandangan saya, tidak semesti Malaysia berpendirian mengalah selama-lamanya. Walaupun Yang Berhormat Menteri Luar kita hari ini berada di Singapura, mungkin sedang duduk berbincang dengan pegawai-pegawai di Singapura, tetapi tidak salahlah, ini pandangan wakil rakyat Malaysia yang tidak senang hati, yang tidak puas hati dengan apa yang dilakukan oleh negara Singapura terhadap kita selama ini. Takkan kita duduk diam sahaja selama-lamanya dan

tunduk kepada kehendak Singapura. Saya rasa apa yang kita buat, apa yang kita ada di negara kita ini, kita tidak sepatutnya mengalah, kita tidak sepatutnya apologetic terhadap apa yang kita ada ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sedikit tentang pandangan rakan-rakan kita tadi. Saya juga ingin menyentuh soal hubungan luar ini tentang apa yang pernah disebutkan oleh rakan dari Sipitang tadi, tentang claim terhadap negeri Sabah yang belum lagi dapat diselesaikan di antara kedua negara kita ini walaupun kita mempunyai hubungan yang begitu baik, yang begitu akrab dengan negara Filipina tetapi sehingga hari ini negara Filipina belum lagi dapat menggugurkan tuntutan mereka terhadap negeri Sabah ini. Walaupun ianya didiamkan tetapi bagi penduduk negeri Sabah ianya masih lagi merupakan suatu tanggungan kepada kita dan dengan kedudukan yang sedemikian maka pendedahan-pendedahan daripada negara Filipina ini juga menganggap bahawa Sabah masih kepunyaan mereka, maka dengan itu mereka dengan sewenang-wenangnya boleh datang dan pergi ke negeri Sabah.

Saya rasa kawasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun ramai juga kawan-kawan daripada negara jiran, begitu juga di pulau saya, ramai daripada kalangan mereka ini yang masih berada di sana yang mempunyai kedudukan atau status yang tidak menentu. Negara Filipina pun kalau huru-hara di sana, dia ke Labuan, kalau misalnya di Labuan tidak ada pekerjaan, dia balik ke negaranya. Jadi begitulah keadaannya, tidak tentu. Jadi sudah tiba waktu dan masanya bagi kerajaan untuk membuat keputusan sama ada untuk menghantar balik semua pendatang haram daripada negara jiran kita ini atau bertindak sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sebutkan di sini ialah saya mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menubuhkan kompleks kita di pulau terumbu Layang-layang khususnya Peninjau dan Siput yang baru-baru ini mendatangkan kontroversi dan tentangan daripada negara jiran kita iaitu Filipina dan juga negara China dan mungkin negara-negara lain juga yang ada kepentingan dengan terumbu atau Kepulauan Spratly ini. Bagi saya, tindakan ini adalah merupakan suatu tindakan yang bijak yang diambil oleh kerajaan kerana bertindak dengan cepat dan mendiami kedua-dua pulau terumbu ini atau Peninjau dan Siput ini yang bagi saya adalah merupakan usaha yang akan mendatangkan kebaikan kepada negara kita ini.

Yang pertama kerana kita dapati bahawa kedua-dua pulau ini adalah merupakan pulau yang sentiasa mengalami kerosakan kerana ianya sentiasa dibom oleh kapal-kapal asing untuk tujuan penangkapan ikan di pulau tersebut. Maka amatlah sesuai dan amat bertanggungjawab, usaha yang amat bertanggungjawab oleh kerajaan kita untuk memastikan bahawa batu karang yang ada di kedua-dua pulau dan juga di persekitarannya akan sentiasa terjaga kerana saya difahamkan tujuan pengwujudan kompleks kita di kedua-dua pulau ini adalah untuk tujuan sains dan penyelidikan. Jadi, apa jua pandangan negara-negara luar saya rasa kita mempunyai hak.

Yang kedua, kita mempunyai hak kerana kedua-dua pulau ini terletak di kawasan EEZ kita. Maka dengan itu negara-negara luar khususnya Filipina atau negara China tidak sepatutnya campur tangan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin balik kepada rang undang-undang ini, secara ringkas sebenarnya memang ianya merupakan suatu pindaan yang pendek sahaja, ianya melibatkan dua perkara atau dua seksyen baru sahaja dimasukkan yang melibatkan tentang meremit segala cukai-cukai sama ada cukai langsung atau pun cukai tidak langsung. Yang kedua ialah tentang memberi kuasa terhadap pemegangan hartanah di negara kita oleh sesuatu negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan pindaan ini kerana ianya akan dapat mendatangkan banyak manfaat kepada negara kita ini. Seperti yang saya sebutkan pada

awal tadi, walaupun sudah ada diberikan keistimewaan misalnya tentang pelepasan cukai (remission of taxes) sama ada direct taxes atau indirect taxes telahpun diberikan tetapi ianya tidak disebutkan secara jelas ianya dilakukan selama ini atas budi bicara kerajaan kita ini. Jadi, pada kali ini ianya diperjelaskan dalam bentuk undang-undang. Cuma yang kita ingin tarik perhatian kepada kerajaan supaya walaupun kita mempunyai akta undang-undang yang jelas tetapi kerajaan harus mempunyai satu set peraturan ataupun garis peraturan yang jelas bagi melaksanakan, bagi membuat pemantauan dan sebagainya untuk mengimplementasi undang-undang ini. Sekiranya tidak, ianya juga tidak mempunyai erti kepada kita. Walaupun akta yang ada ini begitu jelas tetapi kalau tidak ada satu set peraturan dan juga garis panduan yang jelas dan ada pegawai-pegawai yang cukup, ada jawatankuasanya yang khusus bagi melihat, bagi memantau bagi tujuan untuk melaksanakan undang-undang ini.

Ianya harus ada. Jadi akta ini belum lagi complete sekiranya itu tidak dapat disediakan oleh kerajaan. Selalunya memang, dari segi potongan cukai direct taxes ini dalam bentuk pengkajian misalnya kepada pegawai-pegawai diplomat dan juga kedutaan ianya tidak dikenakan cukai di negara kita ini, yang tidak langsung itu cukai eksais, cukai ses dan sebagainya ataupun service taxes, cukai perkhidmatan ini ianya adakala dikenakan, adakalanya tidak dikenakan, ianya tidak dikenakan sekiranya barang itu dipesan daripada luar negara dibawa masuk untuk tujuan kedutaan ataupun diplomat ianya tidak dikenakan cukai tetapi kalau barang yang sudah dibawa masuk dibeli daripada peniaga tempatan atau kedai-kedai tempatan ianya sudah mungkin termasuk elemen percukaian di dalamnya. Maka dengan itu pihak kedutaan ataupun konsul ini terpaksa membayar cukai, namun demikian dengan adanya perundangan ini, ini akan dapat diselaraskan secara dua hala dengan persetujuan kedua-dua negara bilateral untuk tujuan potongan cukai tersebut.

Perkara yang kedua ialah tentang pegangan tanah atau hartanah atau harta di negara kita ini. Ini memperjelaskan secara tepat dan suatu yang akan menguntungkan negara kita ini dari segi kedudukan harta kita, harta pegangan kita di luar negara. Di setengah-setengah negara kita dapati bahawa mereka memberikan pengecualian terhadap property gain tax ini atau di setengah negara property tax disebutkan, ianya ada yang dikecualikan tetapi ada yang dikenakan.

Di negara kita ini sekiranya sebuah diplomat ataupun konsul itu diberikan pengecualian ini dari segi cukai ialah bagi tujuan resident ketua kedutaan, ketua negara dan juga pejabat, walaupun ianya terletak di dua atau di tempat yang berasingan tetapi di setengah negara ianya tidak dimasukkan, ianya tidak dikecualikan misalnya kalau di Singapura kita mempunyai pejabat ketua negara kita di sana tetapi rumah ketua negara kita ini di tempat yang lain, maka itu dikenakan cukai dan di Singapura saya difahamkan kerajaan Singapura mengenakan sebanyak RM2 juta property tax terhadap bangunan kita yang terletak di Singapura.

Ini adalah antara ketidakadilan yang dilakukan oleh negara Singapura terhadap kita, sedangkan harta mereka di negara kita, kita kecualikan daripada cukai ini. Maka dengan adanya perundangan seperti ini saya yakin masalah seperti ini akan dapat diselesaikan dengan adanya perundangan yang jelas ini.

Jadi, kita juga difahamkan ada pegawai-pegawai kita yang bekerja di luar negara dikenakan cukai pendapatan, jadi ini juga mendatangkan masalah, mungkin dengan adanya peruntukan ini dan juga peruntukan yang akan dibincangkan dalam Rang Undang-undang Hubungan Konsular sebentar lagi juga akan menyebut soal penggajian dan sebagainya.

Jadi, untuk itu sekali lagi saya ingin menyokong dan mengalu-alukan langkah yang dibuat oleh kerajaan khususnya Kementerian Luar Negeri kita terhadap keistimewaan diplomatik mengikut saranan Konvensyen Vienna tahun 1966 ini. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong. Yang Berhormat Kepong sudah mengambil bahagian pada awal pagi tadi. Ini kita masih Rang Undang-undang DR.2/99 mengenai Keistimewaan Diplomatik. Yang Berhormat Kepong sudah mengambil bahagian.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu Rang Undang-undang Hubungan Konsular.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekarang ini ya, dua.

Dr. Tan Seng Giaw: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap ya. Mengikut catatan ini masih dalam Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, Rang undang-undang Keistimewaan Diplomatik ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, masih. Ya, sila jawab kalau tidak ada hendak bahas lagi.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya cuba mengulaskan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan terima kasih atas usaha-usaha dan perhatian dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang pindaan ini yang seterusnya untuk kita memperkemaskinikan lagi undang-undang atau akta untuk memberi keistimewaan diplomatik kepada perwakilan-perwakilan asing di negara kita dan juga menjaga kepentingan negara kita dalam kita menjalankan perhubungan antara negara.

Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kerana perkara-perkara yang telah diberikan adalah satu kritikan yang positif dan memberikan gambaran-gambaran bahawa betapa pentingnya perkara-perkara dan isu-isu yang boleh dikatakan sentiasa dalam pandangan dan pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya cuba memberikan huraian atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan. Yang Berhormat dari Marang pagi tadi telah menyentuh perkara yang biasanya saya rasa adalah disuarakan oleh pihak beliau untuk menyatakan rasa tidak senang hati mengenai perkara-perkara pilihan raya, media masa dan sebagainya dan saya percaya kalau tidak silap saya, ini adalah biasanya perkara-perkara yang timbul bila menjelang pilihan raya. Ingin saya jelaskan di sini, isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, saya boleh katakan tidak boleh kita terima sama sekali kerana perkara-perkara seperti ini kita nampak di negara kita, dalam masa pilihan raya yang lalu banyak peluang untuk rayuan, banyak peluang untuk kita memberikan penjelasan dan juga peluang untuk berkempen dan sebagainya dan tidak pernah kita mendengar bahawa rakyat kita disekat dari mengundi di mana-mana kawasan.

Kalau tidak silap saya juga mahkamah kita pun pernah mengambil keputusan yang tidak berpihakkan kerajaan di mana keputusan tidak memihak kepada calon kerajaan. Ini adalah menunjukkan bahawa tindakan atau proses undang-undang kita dan juga proses pilihan raya kita adalah cukup bebas dan adil di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Marang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan dalam ucapan tadi sebahagian daripada contoh-contoh yang berlaku, di antara

perkara yang ketara dalam pilihan raya yang tidak boleh meyakinkan berlakunya keadilan ataupun kebebasan dalam pilihan raya ialah undi pos, sehingga hari ini pihak pembangkang tidak dibenarkan menghantar pemerhati di kawasan-kawasan tentera yang dianggap sebagai kawasan-kawasan keselamatan pada hal dalam negara kita sudah tidak bertempur dengan komunis. Komunis sudah tidak ada - itu dianggap sebagai kawasan keselamatan di mana terdapat berita-berita yang menunjukkan keraguan di dalam undi pos ini yang tidak melibatkan orang yang berkenaan mengundi sendiri. Ini boleh menjadi contoh bagaimana terdapat perkara-perkara yang tidak meyakinkan dari segi prinsip kebebasan dan hak dalam negara kita.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita ambil perhatian apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa memang prinsip yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu adalah, kita tidak cukup meyakinkan. Walau bagaimanapun, kita telah memberi banyak penyata dan juga bukti untuk kita menjelaskan bahawa pilihan raya kita berjalan dengan baik dan licin dan sentiasa cukup meyakinkan rakyat di sini.

Walaupun bagaimanapun, buktinya bahawa Yang Berhormat sendiri pun hadir di sini menunjukkan buktinya. Kita cukup yakin dengan sistem kita sekarang dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, kawasan-kawasan yang dilarang itu adalah dengan tujuan keselamatan walaupun tidak ada komunis sekarang tetapi cabaran-cabaran atau masalah-masalah yang lain mengganggu keselamatan kita pun masih wujud.

Yang kedua tadi, Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menimbulkan perkara mengenai perhubungan luar dengan negara asing dan juga perwakilan-perwakilan kita yang ada di luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kita sentiasa mengadakan latihan yang khusus untuk pegawai-pegawai kita mendapat latihan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri dan juga termasuk kursus di INTAN yang berhubung dengan diplomasi dan juga pengurusan perwakilan-perwakilan diplomatik di luar negeri.

Ini adalah juga melibatkan pengajar atau kursus untuk bahasa asing untuk negara-negara di mana mereka akan dihantar iaitu termasuk bahasa Sepanyol, Perancis, Rusia, Jerman dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ada juga kelemahan-kelemahan dalam perbincangan ini adalah kerana kadang-kadang bukan semuanya individu dapat menguasai mana-mana bahasa dengan fasihnya walaupun mereka berlatih atau berkursus dalam bahasa itu. Tetapi kita boleh katakan pada masa kini penguasaan bahasa-bahasa itu boleh dikatakan memadai di mana kita cuba mempertingkatkan lagi menggunakan pegawai-pegawai tempatan di kedutaan-kedutaan asing di luar negeri untuk memperkuatkan kelemahan-kelemahan khususnya dalam bahasa dan budaya.

Yang keduanya, ada juga perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi ialah sebaran maklumat dan banyak telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, Yang Berhormat dari Batang Lupar dan juga Yang Berhormat dari Parit Buntar. Ini mengenai sebaran maklumat kita untuk diplomat kita di luar negara - kita memberikan laporan terkini mengenai perkara-perkara yang berlaku di negara kita dengan segera melalui press tel dan sekarang juga kira menggunakan e-mail dan juga teleks. Pada masa kini, semua kedutaan kita di luar negeri telah pun terdapat e-mail dan kita dapat menghantarkan perhubungan komunikasi menerusi elektronik dan juga ditambah dengan press tel untuk berita-berita yang terkini.

Untuk berita lanjutan dan sebagainya kita juga menghantar surat khabar menerusi yang dihantar secara berterusan. Memang benar pada satu ketika masa kita menghadapi kekurangan peruntukan kita juga mengurangkan serba sedikit hantaran surat khabar dan ada juga yang lambat tetapi dari segi penghantaran maklumat yang penting menerusi e-mail dan press tel memang sentiasa kita teruskan walaupun ini adalah menjadi satu asas informasi atau maklumat untuk diplomat kita di luar negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih dan syabas kepada kementerian kerana suruhanjaya-suruhanjaya kita telah mula menggunakan sistem telekomunikasi yang baru seperti e-mail. Saya hendak bertanya sedikit, ini keluhan daripada penuntut-penuntut atau masyarakat kita Malaysia yang tinggal di luar negara tentang maklumat daripada negara kita melalui surat khabar kadang-kadang datangnya lambat. Saya hendak bertanya adakah kementerian menimbang, macam *Utusan Malaysia* ada websitenya sendiri, News Straits Time juga ada websitenya sendiri. Bermakna di mana-mana kedutaan mereka boleh mendapati terus melalui Internet – akses melalui websitenya surat khabar yang terkini tetapi yang perlu, supaya mungkin sebagai satu kemudahan di kedutaan-kedutaan to down load dengan izin, surat khabar-surat khabar ini dan 'print'kan immediately dengan izin seterusnya dan edarkan kepada penuntut-penuntut kita yang sekurang-kurangnya kepada Jabatan Penuntut kerana mereka ini dahagakan maklumat. Adakah di masa akan datang kementerian boleh menimbang menggunakan teknologi yang sedia ada supaya menyebarkan maklumat-maklumat ini kepada masyarakat kita di luar negara. Saya minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat dari Rompin. Kita memang mengambil kira cadangan Yang Berhormat dan kita akan berusaha dan bekerjasama dengan pihak Jabatan Penuntut Luar Negeri yang bukan dengan kedutaan untuk bekerjasama supaya kita dapat terus mengemaskinikan maklumat-maklumat yang penting untuk pelajar-pelajar kita. Walau bagaimanapun, kita juga faham bahawa menerusi elektronik ini memang berita-berita yang terkini tetapi dari segi yang terhad dari segi isu-isu yang di luar dari pilihan media elektronik ini. Begitulah juga sebabnya kita terus menghantar surat-surat khabar yang printed atau hard copy itu supaya mereka juga dapat melihatkan berita-berita yang lain yang tidak dimasukkan dalam berita elektronik itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lupar juga tadi telah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Marang bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, di dalam kecanggihan maklumat kita bukan sahaja memberi maklumat tetapi juga menerima maklumat. Beberapa bulan yang lalu tersebarnya maklumat yang menunjukkan kerapuhan di dalam keistimewaan diplomatik yang selama ini diberi penekanan kepada pegawai-pegawai. Adakah tidak termasuk dalam keistimewaan diplomatik ini perlindungan kepada lambang negara dan bendera negara seperti yang disebarkan berita bahawa pihak Turki yang melibatkan Israel dan Amerika dalam menangkap Abdullah Ocalan diberitakan telah menggunakan bendera dan lambang Malaysia. Adakah ini menunjukkan kerapuhan sehingga lambang negara boleh digunakan oleh orang dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menghadapi masalah ini?

Yang kedua contohnya dalam hubungan diplomatik juga melibatkan perkara ekonomi dan perdagangan, banyak barang Malaysia yang dieksport melalui Singapura sebagai contoh kayu kayan, buah-buahan dan lain-lain yang kita semua tahu bahawa Singapura tidak mempunyai hasil perikanan, buah-buahan dan lain-lain tetapi yang dieksport melalui Singapura memakai nama Singapura tidak memakai nama Malaysia. Ini adalah kebijaksanaan mereka di dalam mengendalikan urusan perdagangan. Inilah di antara mungkin kelemahan-kelemahan kita dalam diplomatik yang berkaitan perdagangan. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menerima bahawa ini kelemahan-kelemahan dalam diplomasi kita dan pengurusan diplomatik kita di

luar negara. Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu mengenai bendera Malaysia digunakan oleh pihak Turki untuk menangkap Abdullah Ocalan pada tahun ini. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kerajaan Turki pun telah menjelaskan bahawa tidak ada penggunaan bendera Malaysia dan negara kita tidak terlibat dalam penangkapan Ocalan itu semasa penangkapan tersebut. Ini adalah satu laporan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak yang telah menyatakan secara liar sahaja bahawa dalam berita mereka menyatakan bahawa terdapat bendera Malaysia digunakan oleh kapal terbang yang membawa Ocalan dari Nigeria.

Yang keduanya, menggunakan barang-barang tiruan ini atau barang-barang yang kita boleh percaya datang dari Malaysia tetapi dinamakan oleh negara yang ketiga atau negara asing dengan dibuat di negara asing atau dicop dengan lebel. Ini bukanlah dalam kuasa diplomasi atau dalam kuasa kerajaan kita kerana ini adalah satu kegiatan di luar sovereignty negara kita tetapi dalam negara-negara yang lain. Ini adalah satu perkara yang kalau kita memang ada juga menjaga perkara-perkara seperti ini kalau ada cukup buktinya dalam Akta Perindustrian kita atau Patern Act kita untuk menjaga kepentingan pengeluaran atau industri pembikinan di negara kita khususnya atau industri-industri pengeluaran di negara kita dalam perkara barang tiruan seperti ini. Kalau ada cukup buktinya kita dapat mengambil tindakan dari segi undang-undang industri, bukannya dari segi keistimewaan diplomatik.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah membawa perkara mengenai peranan duta kita perlu dikaji semula. Yang Berhormat dari Rompin telah menimbulkan perkara ini. Memang kita sentiasa peka kepada seruan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perkara ini. Kita memang terus mengikut perkembangan tugas semua ketua perwakilan diplomatik kita di luar negeri dan juga mengkaji kesan-kesan mereka ini khususnya dalam memperkuat hubungan dua hala negara kita dengan negara di mana mereka menjadi perwakilan. Dari masa ke semasa kita juga menukar mereka yang kita rasakan kurang memuaskan atau memberikan kursus untuk meningkatkan lagi peranan mereka ini mewakili negara kita di kedutaan kita di negara asing. Ini kerana peranan mereka kita sentiasa sedar bahawa mereka menghadapi pelbagai cabaran baru dan pada masa kini seperti mana Yang Berhormat dari Parit Sulong, Yang Berhormat dari Muar, Yang Berhormat dari Parit Buntar juga telah mengingatkan kita bahawa cabaran pada masa kini bukannya cabaran politik sahaja tetapi cabaran dari segi globalisasi dan juga cabaran ekonomi dan sebagainya. Jadi, kita memang sedar betapa perlunya duta-duta kita sentiasa berusaha untuk mengemaskinikan maklumat mereka, ilmu mereka dan juga peranan-peranan mereka sebagai perwakilan Malaysia di luar negara.

Kemudahan-kemudahan terkini juga untuk perwakilan di luar negara ialah seperti maklumat-maklumat mengenai dasar pembangunan kita untuk menggerakkan ekonomi kita semasa kita menghadapi cabaran spekulasi mata wang dan krisis kewangan itu. Kita juga memberikan kemudahan terkini supaya mereka ini dapat meningkatkan lagi penerangan atau sebaran mengenai usaha-usaha negara kita meningkatkan pertumbuhan ekonomi menerusi program-program tindakan ekonomi kita seperti menerusi National Economic Action Council (NEAC). Jadi, memandangkan betapa pentingnya juga peranan information technology pada hari ini kita juga telah membekalkan semua kemudahan elektronik dan IT ini kepada semua pusat perwakilan kita di luar negeri.

Yang Berhormat dari Kepong tadi juga telah menimbulkan bahawa maklumat khusus ini remittance dari kita ke luar negara. Ini adalah susah untuk kita memberikan angka yang tepat kerana ini adalah satu perkara yang dijalankan secara timbal balas di mana negara-negara yang telah memberi remittance kepada perwakilan kita di mana perwakilan kita ada ditempatkan dan begitu juga akta atau pindaan ini memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong kita untuk memberi remittance kembali kepada mereka

yang telah mengecualikan cukai juga kepada perwakilan kita di negara asing itu. Ini adalah satu cara untuk kita....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah ini bermakna misalnya di Amerika Syarikat konsulat kita dan sebagainya tidak payah dia umumkan apa-apa harta, pihak Amerika Syarikat pun tidak akan umumkan butiran dan sebagainya. Begitu juga dengan kita di sini, kita boleh beri amaun yang tidak ditentukan dan kemudian kita tidak boleh mengumumkan jumlah amaun yang diremit dan sebagainya. Adakah ini bermakna semua itu dirahsiakan?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Yang Berhormat mungkin salah anggapan. Bukan saya kata 'dirahsiakan'. Cuma saya tidak dapat memberikan angka yang begitu tepat. Tetapi secara kasar jumlah cukai pintu dan sebagainya yang kita terima dari 55 buah perwakilan asing di Kuala Lumpur ialah kira-kira RM1.5 juta setahun. Ini untuk semuanya RM1.5 juta setahun tetapi perwakilan asing kita berikan remittance itu bila kuasa yang diberi kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu dalam Seksyen 8 dan 9 ialah supaya dalam soal pemberian remission ini iaitu remission cukai, caj duti atau kepada perwakilan asing di Malaysia. Ini kita mengambil maklum bahawa perwakilan Malaysia di negara berkenaan harus juga menerima pemberian remission yang begitu juga. Jadi, kita tidak secara automatik tidak bayar cukai, tetapi kita remit dan kembalikan apa yang telah dipungut – ini adalah boleh dikatakan fahaman antara kedua negara antara penerima dan pemberi. Ianya tidak dirahsiakan, tetapi sekarang cuma yang dapat saya berikan ialah keseluruhannya adalah RM1.5 juta.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah bertanya pasal tanah. Tanah di negara kita tidak beri percuma kepada perwakilan asing. Mereka ini membeli dengan harga pasaran dan juga membayar cukai seperti biasa, tetapi cukai pintu dan cukai tanah kita kecualikan untuk Pejabat Chancery dan kediaman ketua perwakilan. Kalau mereka membeli tanah, mereka membeli tanah dengan secara biasa. Kita tidak memberi tanah dengan percuma.

Yang Berhormat dari Parit Sulong juga ada membangkitkan penjelasan kepada perwakilan asing di Kuala Lumpur. Ini merupakan satu idea yang baik dan wajar kita telitikan. Namun begitu, saya ingin menjelaskan bahawa kita juga telah cuba membawakan ketua-ketua perwakilan diplomatik di Kuala Lumpur dan juga para diplomat yang lain kerap dipanggil untuk kita berikan penjelasan dari masa ke semasa atau menerima penjelasan jika timbul masalah dalam hubungan dua hala kita dengan negara-negara mereka.

Dalam membuat penjelasan itu kita memang bertegas supaya tidak ada campur tangan dari luar dalam urusan hal ehwal dalam negeri Malaysia. Kita sentiasa memberi maklum kepada mereka atau notis apabila mereka katakan melangkah atau keluar dari batasan dan melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak harus mereka libatkan khususnya perkara-perkara hal dalaman negara kita khususnya dalam politik dan pentadbiran. Walau bagaimanapun, kalau mereka ada perkara-perkara yang mereka ingin timbul dan tidak senang mereka harus menerusi Kementerian Luar Negeri, menerusi Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk mereka memberikan menerusi Wisma Putra untuk mengemukakan masalah-masalah kalau mereka ada apa-apa komen atau perkara-perkara yang mereka ingin sentuh mengenai perhubungan dua hala.

Mengenai pergerakan diplomat asing dan peranan NGO yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong yang mempunyai hubungan rapat itu, kita ingin

memaklumkan bahawa kita ada mekanisme bagi mengesan dan juga menyeliaikan pergerakan diplomat asing yang kita anggap mencurigai termasuk aktiviti-aktiviti mereka di institusi pengajian tinggi tempatan dan juga menyelia hubungan NGO dengan perwakilan-perwakilan asing. Ini adalah untuk menjaga kepentingan kita khususnya negara kita kerana kadang-kadang dengan sengaja atau tidak sengaja penglibatan mereka ini akan menggalakkan keadaan yang tidak sihat untuk kita khususnya masyarakat kita dan kestabilan politik atau pentadbiran negara kita.

Jadi untuk pengetahuan Dewan ini, kita tidak mengenakan sekatan kepada diplomat asing bagi mengadakan hubungan dengan pelbagai pihak di negara kita. Ini adalah termaktub dalam Vienna Convention dan sebagainya dan kita patuh dengan sepenuhnya. Tetapi yang saya katakan tadi kita sentiasa mengambil berat mana-mana tindakan yang keterlaluan dan mencurigai dari segi kegiatan mengenai perkara-perkara politik yang sepatutnya tidak disentuh oleh diplomat-diplomat itu. Tetapi jika ada pergerakan khususnya mengenai kestabilan dan keselamatan negara kita, kita memang mampu mengesan dan akan terus bertindak dengan secepatnya.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang.....

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada penghujung tahun 1997 hingga ke hari ini, adakah pihak Kementerian Luar Negeri dapat mengesan sebarang tindakan-tindakan yang dicurigai yang dilakukan oleh wakil-wakil atau pemimpin-pemimpin kedutaan asing di dalam negara. Contohnya seperti campur tangan mereka dengan urusan ataupun tindakan-tindakan politik dalam tanah air. Kalau ada, kalau tidak keberatan, bolehkah kiranya Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini mengenai gerakan-gerakan sedemikian rupa?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat ini bahawa seperti mana yang saya katakan tadi, kita memang ada cara dan mekanisme untuk kita memerhatikan diplomat-diplomat kita di dalam negara kita khususnya diplomat asing dalam negara kita. Kalau tidak silap saya Yang Berhormat juga bertanya tentang kegiatan diplomat asing di negara kita. Kita memang dalam dua tiga tahun atau kebelakangan ini mereka sentiasa sedar bahawa kita tidak mengambil ringan penglibatan-penglibatan diplomat asing atau pihak-pihak asing khususnya dalam perkara-perkara mengenai politik dalam negara kita pada masa kini. Saya percaya kita ada juga mengesan pihak-pihak yang terlibat walaupun ada juga yang tidak ada di sini lagi dan sudah dipanggil balik dan ada juga yang masih kita memperingatkan bahawa peranan mereka bukannya untuk menggugat kestabilan negara kita tetapi kita selalu sentiasa menyedarkan mereka ini bahawa peranan mereka ialah untuk memperkuat lagi perhubungan dua hala antara negara kita Malaysia dengan negara mereka.

Jadi, saya juga teringat Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi telah mengatakan bahawa kegiatan-kegiatan untuk memberikan kursus kepada pihak rakyat tempatan, ini adalah kita sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan seperti ini tetapi mana-mana program antara dua negara khususnya di bawah program dua hala adalah diuruskan oleh Kementerian Luar Negeri dan juga Jabatan Perdana Menteri menerusi MPCP (Malaysian Technical Corporation Programme) di mana telah dilulus dan disokong oleh kerajaan. Mana-mana program yang sah diberi atau ditawarkan oleh mana-mana negara asing kepada rakyat kita adalah seharusnya menerusi Wisma Putra dan Jabatan Perdana Menteri untuk ditawarkan kepada rakyat Malaysia. Luar dari itu adalah tidak rasmi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhani bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Datuk. Saya ingin mendapat penjelasan - mengenai kursus-kursus di bawah technical cooperation saya faham, tetapi yang saya maksudkan ialah kursus-kursus ataupun lawatan sambil belajar yang dibentuk sedemikian rupa dan ditawarkan kepada individu-individu, khususnya individu-individu terulung sebagai aktivis penggerak masyarakat - bukan penggerak masyarakat biasa - penggerak masyarakat yang selalunya kegiatannya anti-establishment sedikit. Adakah perkara-perkara seperti ini juga dikesan oleh pihak kementerian dan sama ada masih lagi wujud misi asing dalam negara ini yang membuat pakej-pakej seperti ini untuk diberikan kepada rakyat Malaysia yang mirip ke kiri supaya mereka diberi pendedahan dan input dan mungkin juga di brainwashing di luar negara supaya mereka balik menjadi aktivis yang cergas untuk bertindak melemahkan kedaulatan negara itu sendiri.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang kita sentiasa mengawasi program seperti ini dan boleh dikatakan kita telah maklumkan beberapa program-program yang dijalankan oleh kedutaan-kedutaan memang mereka maklumkan kepada kita program-program seperti ini dan mereka juga kalau dengan tujuan yang baik mereka juga memberikan nama-nama mereka yang telah diundang atau ditawarkan program seperti ini. Dengan cara ini kita dapat mengesan program-program dan secara terbuka mereka memberikan maklumat ini kepada kita dan kalau adalah program-program yang lain yang dijalankan oleh mereka, itu kita tidak dapat mengesankan kerana ini ialah perkara perhubungan antara individu dengan agensi-agensi tertentu.

Walau bagaimanapun, adalah tanggungjawab kalaulah terlibat pegawai-pegawai kanan atau pegawai-pegawai kerajaan yang ditawarkan secara langsung, adalah tanggungjawab mereka juga untuk menjelaskan kepada kita bahawa mereka telah ditawarkan oleh mana-mana program-program oleh kerajaan atau negara-negara asing.

Yang Berhormat dari Tanjung Karang tadi menimbulkan masalah kedutaan kita di Malta. Sebenarnya kita ada perhubungan diplomatik dengan Malta tetapi pada masa kini kita belum ada cukup infrastruktur dan kemudahan atau sumber untuk kita mengadakan satu kedutaan di sana tetapi kita telah setuju untuk mencadangkan melantik seorang konsul kehormat di Malta tidak lama lagi.

Yang Berhormat dari Sipitang dan Yang Berhormat dari Parit Buntar juga telah menyentuh beberapa perkara yang lain ialah satunya mengenai meminta supaya ruang lebih untuk kita menafikan komen-komen yang negatif dan kedutaan kita di luar negara harus dibesarkan melibatkan MATRADE dan kementerian lain, agensi-agensi pelancongan dan sebagainya. Misalnya di New York kita telah memberi ruang untuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan juga ruang dalam kedutaan cancelori kita sendiri untuk digunakan oleh rakyat atau agensi-agensi Malaysia mengadakan pameran untuk dagangan dan sebagainya dari segi seni dan juga kebudayaan dan juga kedutaan besar kita di Pretoria, di L.A, di Washington. Kita memberikan ruang untuk mereka ini dan ada juga sudut untuk kita mempamerkan bahan-bahan kerja kayu dan juga bahan-bahan eksport dari negara kita untuk kita mempamerkan atau barangan keluaran Malaysia untuk dijual di negara itu.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, setakat ini sahaja yang saya dapat menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan, kalau ada apa yang tidak dijawab pada masa kini, saya akan mengambil perhatian kepada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjung Karang, Yang Berhormat dari Sipitang, Yang Berhormat dari Labuan yang semuanya telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Dengan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua sekali lagi untuk menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasa 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG HUBUNGAN KONSULAR (KONVENSYEN VIENNA) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta untuk meminda undang-undang mengenai hubungan konsular bagi memberikan kuatkuasa kepada Konvensyen Vienna mengenai hubungan konsular yang ditandatangani dalam tahun 1963 dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini perkara-perkara yang ada hubung kait dengan hubungan konsular adalah diperuntukkan dalam Bahagian IV Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957, Federation of Malaya Ordinance 1953/1957. Setelah Malaysia menjadi negara ahli pada Konvensyen Vienna mengenai hubungan konsular 1963 ini pada 1 Oktober 1991, adalah wajar satu akta berasingan mengenai hubungan konsular digubal. Ini memandangkan kuasa yang diperuntukkan dalam Ordinan 1953/1957 tidak komprehensif bagi melaksanakan kehendak konvensyen yang telah Malaysia sertai atau exist, dengan izin. Sehubungan itu, Ordinan 1953/1957 perlu dipinda dan dibuat penyesuaian supaya dapat memenuhi obligasi negara di bawah konvensyen tersebut. Oleh itu, Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999 yang telah digubal oleh Jabatan Peguam Negara adalah bertujuan untuk maksud di atas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda undang-undang mengenai hubungan konsular dengan memberikan kuat kuasa kepada Konvensyen Vienna mengenai hubungan konsular yang ditandatangani dalam tahun 1963 dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Machang.

4.58 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berbincang untuk membahaskan Rang Undang-Undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan diplomatik antara negara kita dengan negara-negara luar sudah meningkat. Saya difahamkan sekarang, kita mempunyai hubungan diplomatik dengan negara-negara luar di seluruh dunia menjangkau angka lebih daripada lima puluh negara. Sudah tentulah dalam hubungan dunia yang global sekarang, peranan yang dimainkan oleh konsular ini lebih besar dan lebih mencabar. Pagi tadi semasa membahaskan akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik 1966 pada sebelah pagi tadi, saya mendengar rakan-rakan telah mencadangkan bahawa memandangkan peranan kita semakin mencabar ini sudah tiba masanya supaya peranan konsular ini dipertingkatkan, bukan sahaja untuk memainkan peranan dari segi politik tetapi untuk memperluaskan hubungan ini dalam bentuk ekonomi, kebudayaan, sosial dan sebagainya. Tentulah dalam saat suasana di mana negara kita menghadapi krisis ekonomi sekarang ini tentulah peranan ekonomi oleh konsular ini lebih mencabar. Mereka seharusnya memainkan peranan bukan sahaja untuk menjaga hubungan diplomatik yang baik tetapi pada masa yang sama mencari untuk meyakinkan pelabur-pelabur luar tentang suasana pelaburan yang begitu baik dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini juga, imej negara kita di peringkat luar begitu terjejas akibat dimainkan oleh setengah-setengah golongan dalam negara sendiri yang telah membangkitkan pelbagai isu di peringkat antarabangsa. Misalannya di peringkat Inter-Parliamentary Union (IPU), di peringkat Commonwealth Parliamentary Association dan di peringkat ASEAN Parliamentary Association (AIPO) sendiri banyak perkara yang dibangkitkan yang khususnya saya percaya puncanya datang dari pihak parti-parti pembangkang yang sebahagian besarnya telah memberikan maklumat-maklumat yang tidak tepat, gambaran-gambaran yang salah dan fakta-fakta yang tidak betul tentang perkara-perkara yang berlaku dalam negara kita dan akhirnya telah menimbulkan satu suasana bahawa imej kita dari segi kaca mata mereka adalah buruk.

Tentulah dalam konteks ini, kita terpaksa berharap kepada diplomat-diplomat kita yang berada di seluruh pelosok dunia seperti yang saya katakan tadi saya difahamkan telah wujud hubungan kita dengan negara luar lebih daripada 50 buah negara. Mereka ini perlu diberi tanggungjawab untuk memberi penerangan yang tepat, benar dan jelas supaya masyarakat antarabangsa ini mendapat gambaran tepat dan kemas kini berhubung dengan perkara-perkara yang berlaku dalam negara kita. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut misalannya dalam soal kes-kes yang sedang berlaku di dalam negara kita.

Saya tidak mengambil secara detail kerana kes ini sedang diperbincangkan di mahkamah. Kes bekas Ahli Parlimen dari Kota Melaka misalannya telah digambarkan sebagai suatu kes di mana saya rasa kes ini boleh disebut kerana legal prosesnya telah tamat. Ia telah digambarkan di peringkat antarabangsa bahawa bekas Yang Berhormat dari Kota Melaka ini sebenarnya telah dituduh dan didapati bersabit kesalahan di mahkamah kerana hanya mengkritik kerajaan. Itu gambaran yang diwujudkan di peringkat antarabangsa. Malangnya diplomat-diplomat kita tanpa mengetahui cerita sebenarnya tidak berjaya menangkis hujah-hujah ini. Apabila kita hadir di persidangan antarabangsa, misalannya saya berada di Brussels baru-baru ini, saya memberi penerangan kepada mereka bahawa bukan itu sebenarnya, apa yang berlaku ialah bekas Yang Berhormat ini dituduh kerana mencetak dan menyebarkan berita palsu, berita yang tidak benar. Adakah setiap orang Ahli Parlimen mempunyai hak untuk membangkitkan cerita palsu ataupun cerita tidak benar? Kalau setiap Ahli Parlimen diberi hak untuk membangkitkan cerita palsu dan tidak benar tentulah ini tidak mencapai hasrat demokrasi sebenarnya. Itu hukuman sebenarnya ke atas beliau. Tetapi apa yang dibayangkan ialah beliau dituduh kerana semata-mata mengkritik kerajaan akibat daripada itu

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun dan minta jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya habiskan ayat saya dahulu, Yang Berhormat dari Kepong, insya-Allah Yang Berhormat tidak akan terkepong, duduk. Itu gambaran yang diberikan, saya katakan ini tidak benar, apa yang berlaku ialah beliau didapati salah kerana menyebarkan berita palsu, berita yang tidak benar. Dengan itu, maka sabitan ke atasnya telah dibuat oleh mahkamah dan beliau hilang hak sebagai Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Rakyat.

Jadi, apabila kita memberi gambaran-gambaran yang benar dan tepat seperti ini barulah mereka mendapat cerita yang sebenar. Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan supaya dalam soal isu-isu semasa, perkara-perkara yang berlaku, kalau kita hendak tunggu kepada persidangan-persidangan antarabangsa untuk memberi penjelasan tentulah memakan masa yang lama. Malah konsulat-konsulat kita, duta-duta kita yang berada di negara-negara luar ini boleh mendapat maklumat yang kemas kini daripada apa yang berlaku dan pada masa yang sama mengambil daya usaha untuk memberi penjelasan kepada mereka tentang apa yang berlaku. Selepas itu terpulanglah kepada mereka sama ada mereka hendak mendengar kepada pandangan parti pembangkang yang tidak pernah memerintah negara ini ataupun kepada kerajaan yang telah sembilan kali pilihan raya rekod tidak pernah kalah. Itu terpulang kepada mereka tetapi yang penting kepada kita ialah

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Okay, saya berhenti di situ memberi peluang kepada beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya minta penjelasan tetapi Rompin mengganggu. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti bercakap kepada pengerusi tetapi ini tidak menghormati langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat minta jalan daripada Machang, tidak boleh bercakap dengan Rompin.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita kena hormat kepada Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kepong.....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mesti hormat kepada Pengerusi,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat minta jalan dengan Machang, bercakap dengan Rompin, tidak boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya minta penjelasan kepada Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar hujah daripada Machang, beliau berlainan. Dahulu, beliau tidak bercakap macam itu, saya pun tidak tahu bila beliau tukar corak dan sikap. Itu pun bukan membincangkan apa yang terkandung di dalam rang undang-undang ini dan kalau ada kesalahan misalnya bekas Timbalan Perdana Menteri dilebarkan, itu salah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itu Yang Berhormat tidak dengar tadi, cuba perhatikan saya menyebutnya sebagai satu contoh. Dalam hubungan peranan yang perlu dimainkan oleh diplomat kita di peringkat antarabangsa iaitu untuk memperbetulkan gambaran dan cerita-cerita tidak betul dan tidak benar yang dibawa oleh pembangkang di peringkat antarabangsa. Saya menyebut contoh yang tidak benar ialah dalam kes bekas Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu gambaran yang diberikan adalah salah dan tidak tepat, itu memang nyata, apabila kita berhadapan dengan mereka. Gambaran yang diberikan itu tidak tepat dan apabila kita memberikan gambaran yang sebenar tentang apa yang berlaku barulah mereka mendapat

Tuan R. Karpal Singh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong, bangun pula.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:cerita sebenar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Tuan R. Karpal Singh: Sikap, bukan semua, ada dua-tiga orang yang harus

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Ahli Yang Berhormat dari Machang sedar, apa yang menjadi isu pokok adalah bukan sabitan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, itu bukan isu pokok. Isu adalah yang digambarkan oleh pembangkang bukan di dalam negara sahaja tetapi juga di luar negara, iaitu adalah selective prosecution oleh Peguam Negara. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka jadi mangsa kepada selective prosecution. Itu yang menjadi isu pokok yang harus di address, bukan seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu saya pihak pembangkang selalu bersikap double standard. Apabila Ahli pembangkang yang kena tuduh di mahkamah dan didapati salah, beliau marah dengan kerajaan. Tetapi rekod negara ini telah menunjukkan dengan jelas. Sesiapa yang cuba membangkitkan soal perkauman, soal mengkritik sistem kehakiman, tidak puas hati sudah pun dihukum. Saya masih ingat walaupun saya tidak berada di dalam Dewan ini pada masa itu, bekas seorang Ahli Yang Berhormat, Saudara Mark Koding, ahli kerajaan pernah dituduh kerana membangkitkan perkara-perkara sensitif di dalam Dewan Rakyat ini, sebab itulah apabila pihak kerajaan yang menghadapi hukuman mereka berdiam diri tetapi apabila mereka yang kena, beliau bangkitkan soal selective prosecution.

Yang Berhormat sendiri sebagai peguam tentu tahu, pengalaman Yang Berhormat sendiri tentu tahu banyak kes yang dibicarakan di mahkamah sebelum perbicaraan bermula ditarik balik dan sebagainya. Anak guaman Yang Berhormat pun ramai yang mendapat faedah daripada sistem kehakiman ini tetapi mengapa pada masa itu Yang Berhormat diamkan. Tetapi soal apabila kena kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat bising. Semasa anggota kerajaan kena, Yang Berhormat sepatutnya membela, kalau itulah sebenarnya Yang Berhormat sanggup membela, itu permasalahannya.

Kalau hendak mendapat bantuan daripada antarabangsa mesti memberi gambaran yang benar, gambaran yang tepat, jangan kita memesongkan fakta dan kemudian cuba untuk mengambil kesempatan memburuk-burukkan kerajaan dan selepas itu mendapat faedah politik daripada publisiti yang begitu murah. Kalau kita bertanggungjawab, kita mesti memberi gambaran yang tepat. Saya selaku warganegara, walau di mana saya berada, perkara pertama yang saya mesti utamakan ialah mempertahankan maruah dan

kedaulatan negara Malaysia yang merdeka ini. Tetapi saya tidak tahu kalau ada anggota pembangkang yang sanggup memburuk-burukkan negara sehingga merendahkan maruah negara ini semata-mata untuk mencari kepentingan politik. Ini maknanya tidak bertanggungjawab.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, beliau bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Pembangkang adalah bukan untuk menjatuhkan maruah negara tetapi menjatuhkan imej Kerajaan Malaysia yang tidak adil, ini ada perbezaan. Adakah itu difahamkan?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Jelutong. Apakah Yang Berhormat dari Jelutong kerana hendak menjatuhkan imej kerajaan sanggup berbohong dan memberikan fakta yang tidak benar. Apakah sehingga itu pembangkang sudah kehilangan modal. Apakah pihak pembangkang sekarang sudah ketandusan modal sehingga sanggup memberi gambaran dan cerita yang tidak benar, berbohong semata-mata untuk menjatuhkan imej kerajaan. Apakah sudah ke tahap itu?

Kalau itulah tahap parti pembangkang, saya percaya sepuluh kali pilihan raya pun, pihak pembangkang tidak akan menang. *[Tepuk]* Memang dalam sebuah negara demokrasi bebas, Yang Berhormat boleh membangkitkan soal untuk mencari kemenangan, menjatuhkan maruah kerajaan tetapi kita tidak rela kalau setakat sehingga sanggup berbohong kepada masyarakat antarabangsa. Ini tidak ada toleransi, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Pada suatu masa Ahli Yang Berhormat dari Machang ada dalam pembangkang. Masa itu tidak bohongapabila mempertahankan, adakah mempertahankan kerajaan dalam isu Salleh Abas? Masa itu apakah pendirian? Sekarang sudah terbalik kerana dalam kerajaan. Jadi satu pengkhianat, itukah yang menjadi mutu bagi orang UMNO sekarang? Masa dulu musuh UMNO, sekarang masuk dalam UMNO, membuat lebih daripada ahli-ahli UMNO dalam Dewan yang mulia ini. Jangan buat seperti itu. Tidak ikhlas.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat. Pada prinsip saya, Yang Berhormat, di mana pun saya berada, saya sudah katakan tadi, pertama, pantang menceritakan sesuatu yang tidak benar, berbohong untuk menjatuhkan maruah negara kerana saya warganegara Malaysia. *[Tepuk]* Itu dalam fikiran saya pada setiap masa. Memang benar semasa dalam parti pembangkang saya pernah membangkitkan isu Tun Salleh Abas. Memang benar, saya akui. Tetapi apa yang saya bangkitkan adalah kebenaran. Saya tidak pernah mengatakan sesuatu yang bohong untuk menjatuhkan kerajaan. Tidak pernah dalam rekod saya.

Malah saya bertaubat, Yang Berhormat. Saya bertaubat kerana mempertahankan Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang melakukan khalwat. Saya bertaubat, *[Ketawa]* *[Tepuk]*. bersubahat dalam perkara seperti ini. Saya sudah nyatakan. Dua hari lepas saya berada di Johor.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nanti dulu, duduk dulu. Jangan, sabar. Sabar, jangan jolok saya, Yang Berhormat. Sepanjang pengetahuan saya selama hampir sepuluh tahun saya berada dalam pembangkang, kalau ada kesilapan yang saya buat, itulah salah satu kesilapan yang saya menyesal sehingga sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah lahirkan penyesalan ini dan setakat yang saya bangkit, saya bangkitkan cerita benar.

Saya tidak pernah pergi ke luar negara, memburukkan imej negara dan berbohong kepada masyarakat antarabangsa seperti yang dibuat oleh pembangkang. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong pun bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya beri kepada kawan saya sebab sudah tiga kali. Kita adil. Sini sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:Ya. Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya salah seorang saksilah kerana walaupun Yang Berhormat Machang dulu dalam pembangkang, kami sama-sama selalu pergi ke persidangan antarabangsa. Kami sama-sama dalam AIPO, kami pergi ke persidangan mengenai Bosnia. Sama juga dengan DAP. DAP Keponglah bukan DAP yang lain. DAP Kepong kalau yang lain, dia gentleman di luar tapi dalam saya tidak tahulah.

Seorang Ahli: Kepong gentleman.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kepong gentleman, saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong tidak.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau DAP brand Kepong, insya Allah, boleh hiduplah mungkin tetapi kalau brand yang lain-lain, saya tidak tahu. Tetapi saya pernah memimpin Ahli Yang Berhormat dari Machang, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian pun sekali. Saya jadi ketua - tiga pembangkang, satu wakil kerajaan. Tetapi nampak gayalah, nampak gaya Machang ini memang komited dengan pendirian terhadap Kerajaan. Jadi, untuk makluman kepada kawan kita dari Jelutong, memang apa yang dinyatakan itu betul. Dalam AIPO pun sama, Kepong pun samalah, gentleman. Sebab itu kita selalu, AIPO, permanent representative daripada DAP, Kepong. *[Ketawa]*. Kalau yang lain, we don't want to take the risk, orang kata, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat dari Parit Sulong kerana membantu saya walaupun bantuan itu pada setakat ini masih belum diperlukan. *[Ketawa]*. Saya boleh lawan dengan ini. Track record saya, Tuan Yang di-Pertua, saya masuk.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu, nanti. Lepas satu-satu, Yang Berhormat, sabar. Kita ada peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia minta penjelasan, satu-satulah. selepas ini saya beri Yang Berhormat pula. Jangan bimbang, kita ada masa. Tidak cukup hari ini, kita sambung esok. Cuma saya bimbang, takut Yang Berhormat tidak boleh datang pagi esok, takut ada kes pula di mahkamah. *[Ketawa]*. Tak boleh habis, itu sebab hendak cepat-cepat sangat. Saya pun ada kes tetapi saya tinggal kes kerana ini tugas yang paling penting. Baik.

Saya masuk Parlimen ini tahun 1990, Tuan Yang di-Pertua. Sejak tahun 1991 sampai sekarang melalui AIPO tidak pernah tiap-tiap tahun menjemput saya untuk bersama dengan rombongan AIPO Malaysia ke seluruh negara ASEAN. Dan saya ingat dalam rombongan dulu Yang Berhormat saudara dari Kubang Kerian, saudara Kepong dan saya

pernah menghadiri persidangan Bosnia di Herzegovina, di Brazil bersama Yang Berhormat Parit Sulong, prinsip yang saya pertahankan ialah mempertahankan maruah negara ini.

Kita boleh berlawan, Tuan Yang di-Pertua, boleh berlawan kalau DAP tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, boleh tunggu pilihan raya, lawan pilihan raya. Tetapi janganlah sekali-kali memburukkan imej negara ini kerana kita warganegara Malaysia. Kita sayang kepada negara kita ini dan sebagai warganegara, kita mesti bertanggungjawab mempertahankan dan menceritakan sesuatu yang benar. Tetapi yang saya tidak bersetuju ialah tindakan sesetengah golongan yang sanggup menyampaikan berita yang tidak benar malah berbohong dari segi fakta untuk memburukkan imej negara kita. Kalau setakat itulah perjuangan DAP, saya percaya bukan sahaja masyarakat antarabangsa akan tolak, DAP sendiri insya-Allah akan kalah teruk dalam pilihan raya akan datang ini. *[Tepuk]*

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelutong minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Ahli Yang Berhormat dari Machang ada dipuji oleh siapa dia itu dari BBC

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli dari Parit Sulong.

Tuan R. Karpal Singh: Parit Sulong, dan apa yang saya dengar tadi, dia puji diri sendiri. *[Ketawa]* Dia mempertahankan maruah negara.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Salahkah?

Tuan R. Karpal Singh: Adakah dia mempertahankan maruah sendiri? Apabila dipilih sebagai pembangkang di Machang, masuk dalam UMNO. Imej apakah itu? Bagaimana maruah itu? Tidak malu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya. Okay. Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: Apa terima kasih?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sepatutnya Yang Berhormat, selaku sahabat daripada pembangkang, soalan ini Yang Berhormat patut majukan kepada PAS. Apakah tidak ada maruah parti PAS yang berjanji tidak betul dengan Parti Melayu Semangat 46 masa itu? Itu yang perlu tanya. *[Tepuk]*. Sepatutnya Yang Berhormat sebagai rakan sahabat kena tanya Presiden PAS, Ustaz Fadzil, kena tanya Tuan Guru Haji Hadi. Tuan kena tanya Mursyidul Am PAS negeri Kelantan, kena tanya Yang Berhormat dari Kubang Kerian, mengapa Semangat 46 tinggalkan PAS? Mengapa bersama dengan UMNO? Apa yang kamu buat kepada Semangat 46 itu sepatutnya ditanya.

Jangan melihat kepada kita sahaja. Sebagai rakan berada dalam parti pembangkang, tanya, kenapa kamu buat tidak betul? Kenapa kamu janji tidak betul? Kenapa kamu ingkar janji? Kenapa kamu berbohong? Kenapa kamu bolot banyak jawatan di negeri Kelantan? Itu Yang Berhormat patut tanya mereka. Bukan tanya kepada kita. Tanya kepada sahabat. Sebab itu Yang Berhormat sendiri tahu menjelang pilihan raya umum.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu. Nanti dulu. Satu-satu. Sabar.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan takut.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tidak takut. Kalau takut, saya tidak beri peluang. Sudah lima kali saya beri peluang kepada Yang Berhormat. Saya tidak pernah takut kepada sesiapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk dulu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itu perjuangan saya. Saya tidak takut. Kalau takut, saya tidak beri peluang.

Tuan R. Karpal Singh: Perjuangan seorang pengkhianat daripada negara. Itu perjuangankah?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Lima kali sudah saya beri peluang kepada Yang Berhormat. Takkan tidak boleh sabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta duduk dulu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu. Saya beri penjelasan. Sebab itu menjelang sebelum tahun 1995, Yang Berhormat, bukankah DAP lari keluar daripada pakatan Gagasan Rakyat? Kenapa? Yang Berhormat tahu kenapa? Kerana PAS mempertahankan prinsipnya, DAP mempertahankan prinsipnya sehingga DAP membuat keputusan tidak boleh tahan dengan PAS, lari keluar daripada Gagasan Rakyat.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dengar dulu. Duduk dulu.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan yang saya hendak tadi ialah maruah diri sendiri. Jadi pengkhianat negara, pengundi di Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Jelutong, dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Itu tidak ada bersangkutan-paut dengan apa yang saya tanya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak tanya maruah diri Yang Berhormat sendiri. Duduk dulu.

Tuan R. Karpal Singh: Ya. Maruah diri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Jelutong!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu. Duduk dulu.

Tuan R. Karpal Singh: Don't neglect the issue.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu. *[Ketawa]* Yang Berhormat mempersoalkan maruah diri orang lain. Lihat cermin, pandang diri sendiri. Saya pernah ingat dalam Dewan Rakyat ini, semasa bekas Yang Berhormat daripada Permatang Pauh masuk dalam Dewan ini, semasa dia menjadi Timbalan Perdana Menteri. Masih terbayang dalam fikiran saya dan kedengaran di telinga saya hingga hari ini, perkataan pertama yang Yang Berhormat ucap kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, "*Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri celaka sudah masuk.*" Ingatkah Yang Berhormat maki pada Yang Berhormat Permatang Pauh?

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu!

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah tanya bila saya berdiri tidak mahu bagi jalan. Apa sikap ini?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nantilah dulu.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan tanya saya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Satu-satulah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Jika berani, beri saya berdiri dan tanya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sudah lima kali saya beri peluang, Yang Berhormat. Semua orang dengar dalam Dewan ini. Lima kali. Jangan pandai tanya tetapi tidak mahu mendengar penjelasan orang lain.

Tuan R. Karpal Singh: Saya dengar.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau berani pukul mesti.....

Tuan R. Karpal Singh: tetapi sampai sekarang tidak menjawab.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nanti dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.....

Tuan R. Karpal Singh: Adakah jawab.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:: Nanti dulu.....

Tuan R. Karpal Singh:maruah diri sendiri.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:satu persatu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:saya akan jawab....

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada sangkutan dengan Anwar Ibrahim dan lain-lain.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduk dulu!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduk!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduk, duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta duduk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia tidak dengar juga.....

Tuan R. Karpal Singh: Boleh duduk, itu tidak ada masalah tetapi seorang pengkhianat seperti ini bolehkah dia diberi peluang dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk. Yang Berhormat, duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Duduklah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Puji sendiri, walaupun semua orang pun tahu dia seorang pengkhianat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu!

Tuan R. Karpal Singh: Saya pun hairan UMNO boleh terima orang seperti ini. *[Disampuk]* boleh terima.....*[Pembesar suara dimatikan]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Apa yang saya hendak tegur ialah sikap double standard Yang Berhormat dari Jelutong – sikap double standard.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, saya beri penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, tengok!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah!

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia tidak beri, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Hukuman ada di court tadi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia tidak beri jalan, duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya ada mengkritik Anwar Ibrahim kerana saya membela dia, saya mahu memberi penjelasan tetapi tidak tetapi tidak diberi peluang untuk memberi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, saya tidak ada kuasa paksa dia, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu dia punya hak, dia tidak beri.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada hak tetapi ada juga berani, adakah keberanian bukan hak...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Ruhanie bin Ahmad: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau saya takut daripada awal-awal saya tidak beri peluang, sudah lima kali saya beri peluang.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Betul.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bukan sekali, lima kali. Bangun sahaja saya terus duduk tetapi kita mesti gentlemen, ini bukan kanggaru, ini Dewan Rakyat, ada peraturan.

Tuan R. Karpal Singh: Jawab.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nantilah dulu.

Tuan R. Karpal Singh: Maruah diri sendiri, kenapa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tengok, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sudah berapa penggal ada dalam Dewan Rakyat tidak erti lagi peraturan Dewan Rakyat, malulah!

Tuan R. Karpal Singh: Answer man!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Malulah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduklah dulu!

Tuan R. Karpal Singh: Jawab.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nantilah saya akan jawab..

Tuan R. Karpal Singh:kenapa, hah? Kenapa pentingkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan R. Karpal Singh: menjadi pengkhianat kepada pengundi-pengundi di Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduklah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua tidak mahu bertindak memberi ruang kepada dia, saya akan berhenti berucap, biar dia berucap, Tuan Yang di-Pertua. Kita ada peraturan dalam Dewan ini.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan itu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduklah dulu!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Jelutong.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah!

Tuan R. Karpal Singh: Itu lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Boleh nafikan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Jelutong....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tengok!

Tuan R. Karpal Singh: Kerana kepentingan boleh berdiri di sini dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya minta Yang Berhormat, minta duduk Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: mempertahankan diri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita salah dalam Peraturan Mesyuarat ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order. Satu, bila saya tidak duduk Yang Berhormat tidak boleh bercakap, itu Peraturan Dewan.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita ada Peraturan Dewan, mintalah.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Yang Berhormatlah yang pengkhianat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Malulah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Malulah!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Akhir-akhir ini standard DAP sudah jatuh lebih dahsyat saya tengok. Seorang Ahli Parlimen yang begitu gagah pada satu masa sekarang tidak ada moral, tidak tahu peraturan, langgar Peraturan Mesyuarat, tidak tahu apa pun sekarang, malulah, Yang Berhormat. Malu, malulah!

Seorang Ahli: Mabuk!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minumkah?.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada minumkah?

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cukup malulah tengok.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada minumkah?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya duduklah, biar beri peluang kepada dialah kalau macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Jangan, jangan duduk, jangan duduk!

Beberapa Ahli: Jangan duduk!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak, Tuan Yang di-Pertua mesti tegas menguatkuasakan peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya belum duduk jangan beri dia berucap!

Seorang Ahli: Hei Benggali, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Please!

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu duduk.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Hei, duduklah lu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, laksanakan peraturan, kalau tidak saya tidak boleh berucap, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua suruh dia duduk sebab ini masa Machang berucap, Jelutong baik duduk, kalau tidak duduk kita semua keluar tinggalkan dia seorang.

Tuan R. Karpal Singh: Penyakit histeria!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kamu ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Please, please. Minta, please, please.

Tuan R. Karpal Singh: Histerialah!

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Your boslah penyakit histeria.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hei, hei.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, minta buat ruling, sekarang ini siapa yang dapat the floor?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin, semua duduk ya, semua duduk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Termasuk saya, saya duduk, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi peluang kepada Machang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya sedang berucap, Tuan Yang di-Pertua sekarang.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah!!

Beberapa Ahli: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk, please. Yang Berhormat, duduklah.

Tuan R. Karpal Singh: Sekarang semua takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, duduklah. Ini kita ada Peraturan Mesyuarat kita kena patuh, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita ada.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Baiklah, kalau Yang Berhormat mengamalkan sikap ini saya tidak akan beri peluang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Tadi sudah duduk, semua bangkit lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah, saya minta....

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Katakan kita semua boleh berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, nampaknya kita tidak dapat mengawal keadaan dalam Parlimen. Saya minta for the last time Yang Berhormat dari Jelutong duduk. Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Yang dua 'ekor' itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa 'ekor'? Lulah ada ekor, 'Lutong'!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, beri Machang, yang lain duduklah. Rompin, sila duduk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hairanlah Tuan Yang di-Pertua, apabila ahli-ahli daripada penyokong kerajaan melanggar Peraturan Mesyuarat, dia marah, tetapi dia sendiri tidak faham Peraturan Dewan Rakyat, dia perkeraskan. Inilah sikap double standard, orang kata. Sikap ini tidak boleh. Yang Berhormat sendiri saya pernah mendengar cabar orang dalam Dewan ini, cabar Yang Berhormat dari Chenderoh, saya masih ingat cabar hendak berlawan di mahkamah. Itu tidak angkat diri sendiri orang panggil, masyhurkan kita sebagai seorang peguam seolah-olah kita sahaja.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh:memberi penjelasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh:kepada rakyat di Machang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu! Boleh saya beri.

Tuan R. Karpal Singh: Jadi pengkhianat?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yes, duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh jadi? Sudah jadi kenyataan sekarang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Oh, malulah. Malulah standard yang macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita kena teruskan perbahasan.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Malulah, tidak ada standardlah.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, tadi saya telah beri amaran Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak ada standard langsung.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Malu sebagai seorang peguam yang kononnya berkaliber, langsung tidak ada standard, tidak tahu Peraturan Mesyuarat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduk, duduk, duduk!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Malulah, malulah....

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Malulah, Yang Berhormat. Timbalan Presiden DAP, alah, malulah!, malu, malu!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat Jelutong, malu, tidak tahu Peraturan Mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh: Pengkhianat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cukup malulah!

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tidak malukah?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya akan jawab, saya sudah cakap akan jawab, sabar.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak mahu jawapan daripada seorang pengkhianat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tengok, itu double standard, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tadi dia tekan saya minta jawab, sekarang dia kata tidak mahu jawab pula. Double standard.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak jawab.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau tidak mahu jawab mengapa tanya? Jangan bangun, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduk dan dengar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ini sikap hipokrit nombor satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta Yang Berhormat....

Tuan R. Karpal Singh: Biar hipokrit tetapi bukan pengkhianat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Pembesar suara dimatikan]*....dia juga yang tidak mahu penjelasan. Bila orang pukul, dia pukul orang tidak apa, orang pukul dia, dia tidak boleh terima. Ini sikap double standard. Kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai. *[Disampuk]* Jangan jolok.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia tidak faham. Terangkan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau Yang Berhormat tidak sanggup berhadapan dengan hujah seperti ini jangan tanya, bila tanya orang pukul kita mesti terima. Kalau kita pandai pukul orang, orang pandai pukul kita...

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, tengok! Belum jawab lagi soalan dia sudah minta penjelasan. Tadi kata tidak mahu penjelasan, hendak penjelasan pula. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat, saya.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak tanya dahulu Yang Berhormat, hendak penjelasan atau tidak? Hendak penjelasan atau tidak sebab dua kali bertukar cerita ini, tadi hendak penjelasan lepas itu tidak hendak.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan kenapa Yang Berhormat jadi pengkhianat, boleh dapat sekarang?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Ketawa]* Tiga, empat kali sudah tanya. Saya faham soalan itu tetapi Yang Berhormat kata sekali hendak penjelasan, sekali tidak

mahu penjelasan kerana kata saya pengkhianat tidak layak beri penjelasan tetapi tanya kenapa.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduklah dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduklah dulu. Ai!!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nanti saya beri penjelasan dahulu tentang perkara-perkara yang dia bangkit, lepas itu saya beri peluanglah.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Tuan Ruhanie bin Ahmad: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh:memberi penjelasan keatas menjadi pengkhianat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tadi saya dalam

Tuan R. Karpal Singh: Very simple question.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya masih..... nanti dulu ...saya masih dalam proses menjelaskan tadi.

Tuan R. Karpal Singh:telah menjadi pengkhianat? *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Apa ini?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ai!!! Tidak ada standardlah. Saya nampak uban putih lebih daripada saya tetapi masih tidak ada standard. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Janggut pun putih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Uban putih itu sign Yang Berhormat, iaitu sign.....

Tuan R. Karpal Singh:terpulang kepada bekas pengundi di Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Ketawa]* Tengok, tengok!

Tuan R. Karpal Singh: Yang Berhormat dianggap sebagai pengkhianat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, tengok, tengok!

Tuan R. Karpal Singh: Dan saya menerima.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tengok, Tuan Yang di-Pertua, sikap. Saya hendak suruh pegawai-pegawai kerajaan di sini perhatikan tindak-tanduk dan

sikapnya, tengok! *[Ketawa]* Perhatikan! Inikah hendak menerajui negara ini? Ini contoh hendak teraju negara ini? *[Tepuk]* Oh sebab itulah Putrajaya pun dia hendak jual, Tuan Yang di-Pertua kerana dia tidak ada standard. Dia pegang pemerintahan negara ini kerja dia naik kerajaan jual harta, itu sahaja yang dia tahu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Perdana Menteri pun kalau boleh hendak jual.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, tengok, tengok komen Yang Berhormat dari Kubang Kerian itu. Perdana Menteri pun hendak jual. *[Ketawa]* Saya rasa kerusi-kerusi Dewan Rakyat ini dia gadai habis, Tuan Yang di-Pertua kalau dia memerintah *[Tepuk]* sebab dia bankrap. Tengok ha, saya harap pemberita-pemberita yang ada dalam Dewan ini tolong tulis. Ha, tengok sikap, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Rakyat semua ini jangan main-main, Yang Berhormat, yang di belakang kita ini pegawai-pegawai kerajaan Division Satu, tunjukkan parti Yang Berhormat sebagai sebuah parti yang mampu mentadbir negara ini kalau mahu alternatif government tetapi kalau Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat tidak boleh patuh, perintah negara ini tiga hari hancur lebur, Tuan Yang di-Pertua, kalau ini sikapnya. Tidak ada maruah langsung, tidak tahu ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Machang...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak Yang Berhormat, kalau hendak bercakap bangun, jangan menyampuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk hari ini sudah cukup, boleh sambung esok.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Masa cukup, insya-Allah saya sambung besok, Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung besok. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ucapan penangguhan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ditangguhkan sekarang.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Pencemaran Sungai Niah

5.31 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan masalah pencemaran teruk Sungai Niah berpunca daripada ladang kelapa sawit di Niah, Bahagian Miri, Sarawak. Sungai Niah yang menyusur panjang beberapa batu daripada laut ke dalam bahagian wilayahnya daripada kedua-dua tebing sungai. Dari ulu

ke muara sungai terdapat lebih kurang 20 rumah panjang kampung Melayu dan lain-lain masyarakat yang bergantung hidup kepada sungai sebagai sumber utama bekalan air. Beberapa tahun ke belakang ini tanah dari kedua belah tebing sungai dibuka untuk peladangan besar-besaran kelapa sawit oleh empat syarikat gergasi peladangan. Sisa-sisa dari baja racun serangga dan lain-lain bahan pencemaran badan mengalir ke dalam sungai dan telah mencemari sungai. Hari ini Sarawak Oilpalm Berhad masih mengerjakan tanah dan berhajat untuk membina lebih banyak ladang.

Hari ini tanah tersebut telah diduduki oleh dua buah rumah panjang yang telah tinggal di sana lebih kurang 20 tahun menurut tradisi adat tanah penduduk asli di Sarawak tetapi dua tahun dahulu tanah telah diberi kepada syarikat ladang kelapa sawit bernama Sarawak Oilpalm Berhad.

Pasukan Polis telah dipanggil dan mahu mengusir tanah dan hanya meninggalkan sedikit tanah dan pemberian pampasan yang begitu kecil bagi ribuan pokok buah-buahan dan getah yang ditanam oleh kaum Iban. Penggunaan tanah oleh kaum bumiputera tidak pernah menyebabkan apa-apa pencemaran kepada sungai-sungai di Sarawak. Walaupun Laporan EIA dijangka dibuat oleh syarikat-syarikat perladangan besar secara persendirian tetapi laporan EIA mengenai kesan kumulatif ke atas alam sekitar oleh empat syarikat ladang secara keseluruhan masih belum dilihat. Sebagai contoh, dalam bulan Ogos 1997, Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak telah mendapati air sungai adalah air kelas tiga menurut piawaian Interim National Water Quality Standard of Malaysia.

Ini bermakna air tidak boleh secara langsung digunakan untuk kegunaan manusia jika tidak dirawat. Ketua-ketua masyarakat kawasan, Temenggong, Penghulu, Tuai Rumah dan masyarakat Cina bandar telah menyuarakan kebimbangan mereka dan dalam bulan Ogos 1998 telah membuat survey ke atas sungai di mana tahap pencemaran memeranjatkan mereka dan telah meminta tindakan segera Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak untuk mencegah situasi daripada bertambah teruk dan meminta Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak untuk berhenti kerja menerangi hutan yang dijalankan oleh Sarawak Oil Palm Berhad untuk mengekalkan kawasan tadahan air. Rintihan ketua-ketua masyarakat telah mendapat simpati ramai orang. Jurutera Bahagian JKR Miri, tidak menyokong apa-apa pembangunan kawasan kerana pengambilan air mentah untuk loji rawatan airnya terletak di bahagian hilir. Oleh kerana loji rawatan ialah sebuah loji rawatan air conventional dan tidak ada apa-apa kemudahan untuk merawat bahan-bahan kimia agro yang terdapat dalam air mentah.

Peraturan-peraturan memperuntukkan bahawa apa-apa pembangunan tanah intensif ke atas tanah di dalam sebuah kawasan tadahan dilarang dalam lapan kilometer dari kawasan pengambilan air mentah. Dalam bulan September 1998, Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak telah memerintah Sarawak Oil Palm Berhad supaya memberhentikan semua aktiviti dalam kawasan sementara menunggu penerangan ketidakpatuhan syarat EIA. Tetapi dua bulan kemudiannya diteruskan dengan syarat-syarat keras tertentu untuk dipatuhi dan lain-lain perlindungan yang difikir perlu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak rasional diwujudkan satu kawasan tadahan air di tengah-tengah dalam ladang di mana semua bahan kimia pertanian, bahan-bahan tercemar terutamanya bila loji rawatan air tidak mempunyai kemudahan merawat bahan kimia pertanian dan lain-lain yang terdapat dalam air mentah. Sungainya dikelaskan sebagai kawasan tadahan di bawah Environmental Quality Act 1974. Saya difahamkan ia tidak diwartakan di bawah undang-undang negeri dan mengapa ia tidak diwartakan? Walaupun ia tidak diwartakan tetapi hakikatnya sungai ialah kawasan tadahan bagi loji rawatannya dan sumber bekalan air belum dirawat untuk kebanyakan rumah panjang dan penduduk kampung. Dengan demikian semua keperluan bagi kawasan tadahan air patut dipakaikan untuk sungainya.

Walaupun masa kini air sungai telah dikelaskan kepada 2B menurut Interim National Water Quality Standard of Malaysia dan satu indikator 60 bagi tahun 1998, bermakna air tercemar sederhana sahaja. Secara ringkas, ia tidak menghalang apa-apa pembangunan tanah untuk tanaman kelapa sawit kerana pembangunan akan menjejaskan kualiti air sungainya lebih dari tempoh tiga tahun. Berapa kali klasifikasi air ditukar kepada kelas tiga, bolehkah kementerian membekalkan saya angka untuk lima tahun terakhir. Dalam bulan Mei tahun lalu lebih kurang 150 penduduk menghidap penyakit taun akibat menggunakan air sungainya yang teruk tercemar.

Walau bagaimanapun, saya ingin menggesa supaya semua kerja untuk perladangan patut dihentikan sementara menunggu hasil kajian EIA yang baru untuk semua kesan keseluruhan dan impak ke atas alam sekitar oleh empat ladang gergasi dan bahawa pematuhan tegas kepada syarat bagi kawalan tadahan air sungainya diikuti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila jawab Yang Berhormat Menteri.

5.37 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu yang telah mengemukakan pertanyaan dalam ucapan penangguhan yang menyentuh sebahagian aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teks ucapan penangguhan tersebut Ahli Yang Berhormat dari Bintulu ada membangkitkan masalah pencemaran serius yang berlaku pada Sungai Niah di bahagian Miri, Sarawak yang merupakan sumber bekalan air harian yang utama penduduk di kedua-dua belah pinggir sungai. Pencemaran tersebut berlaku akibat aktiviti penanaman kelapa sawit secara besar-besaran oleh empat syarikat penanaman gergasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti pertanian iaitu penanaman kelapa sawit di bahagian pedalaman kawasan bahagian Miri, Sarawak merupakan aktiviti di bawah bidang kuasa Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak (NREB). Kajian EIA bagi aktiviti berkenaan adalah tertakluk di bawah perintah sumber asli dan persekitaran atau aktiviti yang ditetapkan pada tahun 1994 di samping menjalankan aktiviti pengawasan bagi pemantauan ke atas langkah-langkah kawalan alam sekitar bagi aktiviti pertanian. Pihak NREB juga menjalankan aktiviti pengawasan kualiti air Sungai Niah semenjak penubuhannya pada tahun 1994.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada umumnya kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar hanya menjalankan aktiviti pengawasan ke atas kualiti air Sungai Niah. Mengikut data kualiti air Sungai Niah bagi tempoh 1992 hingga 1998 didapati keadaan kualiti air sungai tersebut adalah sederhana tercemar dari segi indeks kualiti air keseluruhan. Mengikut rekod kementerian ini, punca pencemaran yang menyumbang kepada kualiti air Sungai Niah adalah daripada aktiviti pertanian, penempatan penduduk dan pembalakan di hulu kawasan tadahan Sungai Niah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang. Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.